

**TRANSKRIPSI CERITA RAKYAT KE DALAM BENTUK  
SAJAK BERDASARKAN BUKU *SEUNTAIAN NARATIF  
LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU,  
KELANTAN: ANALISIS NILAI-NILAI MURNI***

**NUR FATIHAH BINTI MAT DERIS**

**IJAZAH SARJANA PENGKAJIAN WARISAN**

**MALAYSIA**

**KELANTAN**

**2024**



**TRANSKRIPSI CERITA RAKYAT KE DALAM BENTUK  
SAJAK BERDASARKAN BUKU SEUNTAIAN NARATIF  
*LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU,  
KELANTAN: ANALISIS NILAI-NILAI MURNI***

**NUR FATIHAH BINTI MAT DERIS**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA  
PENGAJIAN WARISAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- |                                     |         |   |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)   |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah<br><br>Dari tarikh.....sehingga..... |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)  |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)   |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

---

Tandatangan

---

Tandatangan Penyelia

Nur Fatihah Binti Mat Deris  
C20A1241  
Tarikh: / / 2024

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob  
Tarikh: / / 2024

## PENGHARGAAN

Bismillah-Rahmanir-Rahim dan Assalamualaikum,

Pertama sekali dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, serta segala puji dan syukur ke hadrat ilahi, yang maha pengampun lagi maha mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Alhamdulillah yang tidak terhingga kepada Allah SWT kerana telah memberikan kesihatan yang baik serta kekuatan dalam menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya.

Tidak lupa juga saya ingin memberikan setinggi penghargaan dan juga terima kasih buat Dr. Mohd Firdaus bin Che Yaacob kerana sanggup memberi nasihat, bimbingan, serta sentiasa membantu saya dalam memberikan idea-idea yang bernas, beliau juga turut memberi sokongan moral sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Semoga segala bantuan dan juga jasa baik yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan juga hidayah daripada Allah SWT.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Mat Deris Bin Che Ali dan juga Sulaima binti Hasan yang banyak memberi dorongan, kata-kata semangat dan juga turut membantu dari segi kewangan bagi menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan juga memberi bantuan semasa saya memerlukannya.

Akhir sekali, saya mengharapkan agar kajian ini dapat dijadikan rujukan dan juga panduan kepada pihak-pihak yang memerlukan. Serta saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Akhir kata saya mengharapkan dunia sastera akan terus berkembang maju mengikut peredaran masa. Segala yang buruk dan juga kelemahan datang dari diri saya sendiri, manakala segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, Terima Kasih.

Nur Fatihah Binti Mat Deris,  
Kampung Kual Jalan To'Uban  
17050 Pasir Mas Kelantan  
E-mel : [c20a1241@siswa.umk.edu.my](mailto:c20a1241@siswa.umk.edu.my)

## JADUAL KANDUNGAN

	KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGESAHAN TESIS		i
PENGHARGAAN		ii
JADUAL KANDUNGAN		iii
SENARAI JADUAL		v
SENARAI RAJAH		Vi
ABSTRAK		vii
ABSTRACT		viii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>		
1.1 Pengenalan		1
1.2 Penyataan Masalah		4
1.3 Persoalan Kajian		7
1.4 Objektif Kajian		8
1.5 Batasan Kajian		9
1.6 Definisi Kajian		12
1.7 Definisi Operasional		14
1.7.1 Transkripsi		14
1.7.2 Sajak		14
1.7.3 Naratif Lisan		15
1.7.4 Nilai Murni		16
1.7.5 Lembangan		16
1.7.6 Cerita Rakyat		17
1.7.7 Teori Pengkaedahan Melayu		17
1.8 Organisasi Kajian		19
1.9 Penutup		21
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>		
2.1 Pengenalan		20
2.2 Pengkajian Naratif Lisan di Malaysia		23
2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya sastera		50
2.4 Penutup		72
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1 Pengenalan		73
3.2 Reka Bentuk Kajian		73
3.3 Kaedah Kajian		74
3.3.1 Kajian Keperpustakaan		73
3.3.2 Rujukan Teks		74
3.4 Teori Pengkaedahan Melayu		74
3.4.1 Pengkaedahan Alamiah		75
3.4.1.1 Pendekatan Gunaan		76
3.4.1.2 Pendekatan Moral		76
3.4.1.3 Pendekatan Firasat		77
3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan		78
3.4.2.1 Pendekatan Dakwah		79
3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan		80
3.4.2.3 Pendekatan Seni		81
3.5 Kerangka Konseptual		83
3.6 Penutup		84

<b>BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	85
4.2 Nilai Baik Hati	86
4.3 Nilai Berdikari	97
4.4 Nilai Hormat-Menghormati	101
4.5 Nilai Keberanian	109
4.6 Nilai Kerajinan	119
4.7 Nilai Kejujuran	125
4.8 Nilai Semangat Bermasyarakat	134
4.9 Nilai Kerjasama	137
4.10 Nilai Keadilan	141
4.11 Nilai Hemah Tinggi	145
4.12 Penutup	148
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	
5.1 Pengenalan	149
5.2 Rumusan	149
5.3 Cadangan	151
5.4 Penutup	154
<b>SUMBER RUJUKAN</b>	155
<b>BIODATA DIRI</b>	181

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

SENARAI JADUAL	HALAMAN
Jadual 1. 5: Senarai Tajuk Cerita Rakyat dan Nilai-Nilai Murni	10



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

SENARAI CARTA	HALAMAN
Carta 3.4: Pengkaedahan Alamiah	75
Carta 3. 5: Pengkaedahan Keagamaan	78



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

SENARAI RAJAH	HALAMAN
Rajah 3.5: Kerangka Konseptual	84



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

TRANSKRIPSI CERITA RAKYAT KEDALAM BENTUK SAJAK BERDASARKAN BUKU  
*SEUNTAIAN NARATIF LISAN DI LEMBANGAN SUNGAI PANGKALAN DATU,  
KELANTAN: ANALISIS NILAI-NILAI MURNI.*

## ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan sebuah karya sastera agung yang telah berkembang di dalam kalangan masyarakat Melayu yang tergolong dalam sesebuah cerita yang telah berasal dari daerah yang tertentu dan bergantung juga dari mana cerita itu telah berasal. Ia juga telah ada sejak zaman nenek moyang lagi. Cerita rakyat banyak memperlihatkan perutusan yang sangat positif dalam mendidik masyarakat ke arah pembentukan diri yang bermoral. Nilai-nilai murni yang terdapat di dalam cerita rakyat ini boleh dijadikan sebagai panduan hidup dan juga pengajaran. Hal ini, kerana nilai-nilai murni merupakan sesuatu yang baik yang patut ditonjolkan di dalam setiap watak yang terdapat di dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini, dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam sajak Melayu dan menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat di dalam sajak Melayu berdasarkan transkripsi cerita melayu dengan menggunakan teks *Seuntaian Neratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini hanya menggunakan sebuah buku cerita rakyat yang bertajuk *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, yang telah ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob. Reka bentuk kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif yang mana menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Di dalam kajian ini, telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu bagi memantapkan lagi hujahan atau analisis supaya kukuh dan juga mantap. Hasil kajian membuktikan bahawa terdapat beberapa nilai-nilai murni iaitu nilai baik hati, berdikari, hormat-menghormati dan sebagainya.

Kata kunci: Cerita Rakyat, *Teks Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan*, Teori Pengkaedahan Melayu

TRANSCRIPTION OF FOLK STORIES INTO POEM FORM BASED ON ORAL  
NARRATIVE BOOKS IN PANGKALAN DATU RIVER BASIN, KELANTAN: ANALYSIS  
OF PURE VALUES.

ABSTRAK

Folklore is a great literary work that has developed in the Malay community that belongs to a story that has originated from a certain region and also depends on where the story has originated from. It has also been there since the time of our ancestors. Many folk tales show a very positive message in educating the community towards moral self-development. The noble values found in this folk tale can be used as a life guide and also a lesson. This is because pure values are something good that should be highlighted in every character found in the book *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*. This study, conducted with the aim of identifying the virtues contained in Malay poetry and analyzing the virtues found in Malay poetry based on the transcription of Malay stories using the text of the Oral Narrative in the Pengkalan Datu Basin, Kelantan. This study only uses a book of folklore titled *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, which was written by Mohd Firdaus Che Yaacob. The research design used in this study is qualitative which uses bibliography and text reference methods. In this study, the Malay Methodology Theory has been used to strengthen the argument or analysis so that it is strong and robust. The results of the study prove that there are some noble values such as kindness, independence, respect and so on.

Keywords: Folklore, Oral Narrative Texts in the Datu River Basin, Kelantan, Malay Theory.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pada masa kini, bidang kesusasteraan perlulah bijak dalam mengambil peluang agar dapat melahirkan masyarakat yang bertamadun tinggi dalam kehidupan. Apabila adanya kesusasteraan ini dapat dikaitkan dengan semua masyarakat tanpa mengira bangsa kerana sastera ini telah terbahagi kepada dua kategori iaitu sastera lisan dan juga sastera bertulis. Menurut Hashim Awang (1987) sastera bermaksud "karya seni yang telah disebut sebagai sastera lisan dan sastera tulisan". Di samping itu, sastera itu mempunyai keindahan yang tersendiri kerana pengucapannya dan juga cara penyampaian.

Seterusnya dengan adanya sastera ini telah menghasilkan sebuah karya yang mempunyai maksud yang tersirat dan juga tersurat dapat dilihat berdasarkan sesebuah karya. Menurut Kamus Dewan (2017) sastera rakyat telah berasal dalam kalangan masyarakat dan telah diwariskan secara lisan dari generasi ke generasi seperti mitos, Lagenda dan juga mantera. Namun Syed Ali Ashraf (1989) menegaskan bahawa sastera telah merangkumi ilmu yang kreatif dan juga aktiviti yang kreatif. Selain itu, ia juga telah mempunyai maksud yang tersirat dan juga maksud tersurat berkenaan dengan bagaimana Masyarakat Malaya itu berfikir untuk melahirkan masyarakat yang unggul dan mempunyai nilai yang tinggi untuk dijadikan teladan dan juga contoh. Tambahan lagi seperti yang sedia maklum sastera telah bermula dari tradisi lisan dan telah berubah mengikut peredaran zaman yang semakin moden.

Di samping itu, cerita rakyat menurut Roslina Abu Bakar (2013) adalah cerita yang sudah ada sejak zaman dahulu dan masih digunakan secara lisan sehingga hari ini. Berdasarkan Mohd Taib Osman (1991), telah menyatakan bahawa cerita rakyat ini


merupakan kepunyaan orang Melayu dan tidak mengetahui siapakah yang menjadi pemilik cerita rakyat yang sebenar.

Seterusnya ialah, secara umumnya sajak merupakan puisi Melayu moden yang berbentuk karangan berangkap, berbentuk bebas dan tidak terikat pada jumlah baris, perkataan sebaris, suku kata sebaris, rangkap, dan juga turut mempunyai rima. Menurut, Siti Hajar Abdul Aziz (2011), sajak telah muncul sejak zaman Angkatan 45. Tujuan sajak ini dilakukan adalah bertujuan untuk menonjolkan perasaan ingin bebas dan juga terlepas dari segala ikatan; Dalam menghasilkan puisi ini tidak mempunyai ukuran yang tertentu dan hanya mementingkan isi yang ingin disampaikan agar apa yang ingin disampaikan jelas dan juga mudah difahami oleh audien.

Seterusnya, puisi Melayu ini telah termasuk dalam genre Tradisional yang telah wujud sejak zaman dahulu lagi dalam bentuk lisan dan juga penulisan. Malahan pada masa yang sama juga puisi Tradisional ini telah berkembang dengan maju sejajar dengan perkembangan prosa moden. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya genre ini secara tidak langsung telah banyak dapat dijadikan cerita rakyat dan juga cerita hikayat bagi memastikan apa yang ingin disampaikan kepada audian dapat dijadikan contoh tidak kiralah dari bentuk pengajaran dan juga dari sudut nilai-nilai murni. Seperti yang disebut oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhamad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin dan juga siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) telah menyatakan bahawa, dengan adanya nilai murni ini di dalam cerita rakyat akan melahirkan masyarakat yang berfikiran positif dan juga telah menjadi sebagai cerminal moral positif dalam kalangan masyarakat Melayu itu sendiri.

Berdasarkan apa yang difahami oleh pengkaji, cerita rakyat ini telah ada sejak zaman dahulu lagi, pada awalnya telah wujud dalam bentuk lisan dan telah dikembangkan dalam bentuk tulisan. Dengan adanya cerita rakyat ini, dapat menjadikan panduan dan juga tunjuk ajar kepada semua golongan ataupun generasi dalam menjadikan

seseorang itu lebih baik dari sebelumnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya cerita rakyat ini, telah mengandungi unsur-unsur nilai-nilai murni dan juga pengajaran yang dapat dijadikan contoh dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, semua orang mestilah sentiasa berusaha melakukan sesuatu karya yang berkualiti agar dapat menghasilkan sesuatu karya yang berkualiti tidak kira lah dari segi bahasa ataupun dari segi keunikan yang terdapat di dalam sastera itu sendiri. Seterusnya cerita rakyat ini telah mengandungi unsur-unsur yang boleh dijadikan tauladan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, semua orang mestilah sentiasa berusaha menghasilkan sesuatu karya yang berkualiti agar dapat menghasilkan sesuatu karya yang berkualiti tidak kira lah dari segi bahasa ataupun dari segi keunikan yang terdapat di dalam sastera itu sendiri.



# UNIVERSITI

---

# MALAYSIA

---

# KELANTAN

## 1.2 Penyataan Masalah

Kajian penyelidikan ini dilakukan bagi mencari permasalah yang telah ada sepanjang menjalankan kajian ini . Pengkaji telah mendapati beberapa permasalahan yang telah berlaku.

Pertama, naratif lisan merupakan salah satu karya yang dilakukan oleh masyarakat Melayu terdahulu telah mempunyai nilai yang sangat tinggi. Hal ini, dikatakan demikian kerana, setiap karya yang telah dihasilkan oleh masyarakat Melayu sangat kreatif dalam mengemukakan idea dalam menghasilkan sesuatu cerita. Seperti yang sedia maklum, cerita rakyat ini dihasilkan bagi memberikan panduan dan juga pengajaran kepada semua lapisan masyarakat supaya dapat melahirkan individu yang bertamadun tinggi. Terdapat beberapa orang pengkaji telah mengkaji berkaitan dengan cerita rakyat iaitu Tuan Siti Nurul Syuhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) berkaitan dengan kajian berjudul Akal Budi dalam sejarah lisan warga Kota Bharu di Kelantan: Penelitian Kemasyarakatan.

Kedua, Pengkaji telah menjalankan kajian terhadap artikel lepas dan telah mendapati bahawa kajian yang dilakukan lebih tertumpu terhadap nilai-nilai murni dalam konteks cerita rakyat. Antaranya ialah Mohd Fahmi, Salmah Jan Noor Muhammad, Mohd Sharifudin Yusof (2015) telah mengkaji berkenaan dengan *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*, Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) di dalam kajian yang telah dilakukannya, bertajuk Nilai-Nilai Murni Salam Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia telah membincangkan mengenai nilai-nilai murni, Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2017) di dalam kajiannya yang berjudul sebagai *Percakapan Cerita Rakyat Melayu di Kalangan Pelajar Korea* Rosni Yunus (2010) di dalam kajiannya terhadap *kesusasteraan Melayu telah menggunakan Teori*

*Pengkaedahan Melayu*, Siti Faridah Leong Bt Abdullah dan Bazrul Bin Bahaman (2017) di dalam kajiannya yang berjudul " "Sulalatus Salatin Sebagai Medium mendidik Nilai-Nilai Murni," telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), Muhammad Nur Al-Hakim & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) telah membuat penyelidikan berkaitan dengan berjudul *Akhlik Islam dan Perkembangan dalam Tradisi Melayu*, Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) telah mengkaji berkenaan dengan *Penerapan Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Islam Dalam Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu*, Hazrul Mazran Rusli (2018) yang berjudul *Cerita sastera rakyat Melayu diadaptasi untuk seni cetak moden* telah membincangkan mengenai pembuatan sebuah karya yang bercetak blok kayu telah diadaptasikan sebagai salah satu bahan sastera rakyat Melayu, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2014). Dalam kajiannya yang berjudul " *Cerita Rakyat Membentuk moral positif kanak-kanak melalui nilai murni,*" Siti Syahira Md Sabri (2022), yang berjadul " *Penelitian Pendekatan Moral Unsur Didaktik dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*" Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016). Berdasarkan jurnal yang telah dilakukan oleh mereka berjudul " *Nilai Baik Hati menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*", Nor Anis Izzati Noridzulhata (2022) berdasarkan kajian yang telah dilakukan yang berjudul *nilai Budi dalam Cerita Asal Usul melalui teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan.*

Berdasarkan hasil penelitian yang telah dilakukan, sudah terang lagi bersuluh, terdapat banyak kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh sarjana-sarjana dahulu. Namun begitu, pengkaji juga turut mendapati bahawa kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian tidak pernah dilakukan lagi sebarang kajian. Disebabkan itu, pengkaji telah melakukan kelainan sedikit kerana telah menjalankan kajian dengan mencipta 20 buah sajak yang berkaitan dengan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam cerita rakyat

berdasarkan buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* dan masih belum pernah dilakukan sebarang kajian oleh para sarjana. Disebabkan pengkaji telah tertarik dan juga berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi berkaitan dengan isi kandungan buku ini, bagi menghasilkan kelainan dalam kajian ini pengkaji telah menghasilkan sajak berdasarkan teks bagi membuktikan bahawa teks ini sesuai untuk dilakukan dalam sebarang bentuk dalam memastikan cerita rakyat sentiasa dipandang tinggi oleh semua masyarakat. Pada masa yang sama juga, bagi membuka minda generasi kini cerita rakyat bukan membosankan kerana dapat mempelbagaikan sebagai contoh dalam bentuk moden seperti sajak, syair dan juga puisi kerana ia berfungsi sebagai memberi hiburan, malahan dapat juga menerapkan nilai-nilai murni dalam diri seseorang masyarakat.



### 1.3 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian telah dikemukakan untuk menentukan Objektif kajian yang ingin dicapai:

- 1.3.1 Apakah nilai-nilai murni yang terkandung dalam sajak Melayu melalui transkripsi cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*
- 1.3.2 Bagaimanakah nilai-nilai murni yang terkandung dalam sajak Melayu melalui transkripsi cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*



#### 1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian yang telah ada berdasarkan kajian yang dijalankan:

1.4.1 Mengenal pasti nilai-nilai murni yang terkandung dalam sajak Melayu melalui transkripsi cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

1.4.2 Menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam sajak Melayu melalui transkripsi cerita rakyat berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan?*

## 1.5 Batasan Kajian

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan pengkaji hanya membataskan terhadap satu kajian sahaja iaitu yang bertajuk *Transkripsi Cerita Rakyat Dalam Sajak: Analisis Nilai-Nilai murni berdasarkan Buku Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Analisis Nilai-Nilai Murni*. Di samping itu, Kajian ini telah menghasilkan 20 sajak Melayu antaranya ialah, *Sajak Musibah di kampung Pulau Gajah, Sajak Tenggelam masjid pengkalan datu, Sajak kehebatan laksamana laut, Sajak pemujaan Pantai, Sajak pokok tanjung dan alat muzik yang bisu, Sajak tok karim guru silat masyur, Sajak pemujaan pantai, Sajak simbolik rebana, Sajak Kubang Dek, Sajak Asal Usul Kampung babong, Sajak kemasyuran pantai pengkalan datu, Sajak Kain sutera cina, Sajak Pemujaan Tok Mekong, Sajak Kezaliman seorang raja, Sajak Haji Long Abdul Rahman, Sajak Kegemilangan Pengkalan datu, sajak disorok jin, Sajak Keasyikan suara, Sajak terhempasnya Zero Fighter di Ti Lebar dan Sajak Nurani Che Him* telah dijadikan bahan kajian kerana sangat bersesuaian kerana telah mempunyai kesemua naratif lisan yang terdapat di Kawasan kampung dan juga mempunyai nilai-nilai murni yang tersendiri di sebalik setiap cerita rakyat yang telah disampaikan oleh masyarakat Melayu. Buku ini telah ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob yang telah mendapat Pendidikan di Universiti Putra Malaysia dalam ijazah Sarjana Dengan Kepujian Muda Kesusastraan Melayu dan diterbitkan oleh pihak UMK pada 1 Disember 2021 yang telah mengandungi 120 halaman bercetak. Buku ini sangat bersesuaian kerana telah menggunakan bahasa Melayu dalam penulisannya dan sangat sesuai untuk digunakan dalam bidang pendidikan.

Berdasarkan buku yang telah dipilih untuk dijadikan bahan kajian, pengkaji telah mengutamakan beberapa cerita terpilih sahaja berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan*. Cerita yang dipilih oleh pengkaji mestilah mempunyai unsur nilai-nilai murni yang tersendiri agar dapat memberi kebaikan dan juga

manfaat kepada orang lain bagi membentuk sahsiah yang baik dalam mendidik setiap masyarakat Melayu agar sentiasa mengutamakan adab-adab yang baik dalam menjalankan kehidupan sehari-hari. Disebabkan itu, pengkaji mengkaji dan meneliti hanya 20 sajak.

Berikut adalah senarai jenis nilai murni dan juga tajuk sajak:

<b>Bil</b>	<b>Tajuk sajak</b>	<b>Nilai-nilai murni</b>
1	<i>Sajak musibah di kampung pulau gajah</i>	Nilai baik hati melalui sikap belas kasihan
2	<i>Sajak tenggelam masjid pengkalan datu</i>	Nilai baik hati melalui sikap pemaaf
3	<i>Sajak kehebatan laksamana laut</i>	Nilai baik hati melalui sikap pemurah
4	<i>Sajak pemujaan pantai</i>	Nilai baik hati melalui sikap memahami
5	<i>Sajak pokok tanjung dan alat muzik yang bisu</i>	Nilai berdikari melalui sikap sikap tanggungjawab
6	<i>Sajak tok karim guru silat masyur</i>	Nilai menghormati melalui sikap menghormati orang tua
7	<i>Sajak pemujaan pantai</i>	Nilai hormat-menghormati melalui sikap percaya pada adat
8	<i>Sajak simbolik rebana</i>	Nilai sikap hormat-menghormati melalui sikap menghormati kedudukan raja
9	<i>Sajak kubang dek</i>	Nilai keberanian melalui sikap berani mempertahanan kan diri
10	<i>Sajak asal usul kampung babong</i>	Nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri
11	<i>Sajak kemasyuran pantai pengkalan datu</i>	Nilai berani dalam mempertahankan diri
12	<i>Sajak kain sutera cina</i>	Nilai kerajinan melalui sikap daya usaha
13	<i>Sajak Pemujaan Tok Mekong</i>	Nilai kerajinan melalui sikap kecekalan
14	<i>Sajak kezaliman seorang raja</i>	Nilai kejujuran melalui sikap berkata benar
15	<i>Sajak Haji Long Abdul Rahman</i>	Nilai kejujuran melalui sikap amanah
16	<i>Sajak kegemilangan pengkalan datu</i>	Nilai kejujuran melalui sikap keiklasan
17	<i>Sajak Disorok jin</i>	Semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong
18	<i>Sajak keasyikan suara</i>	Nilai kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama
19	<i>Sajak terhempasnya zero fighter di Ti lebar</i>	Nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama
20	<i>Sajak Nurani Che Him</i>	Nilai hemah tinggi melalui sikap beradap

Jadual 1.5: Jenis Nilai Murni dan Tajuk Sajak

Hashim Awang, seorang sarjana tempatan mengembangkan Teori Pengkaedahan Melayu pada tahun 1989. Hal ini dikatakan demikian kerana, teori barat tidak sesuai untuk digunakan dalam karya tempatan kerana tidak bersesuaian dengan gaya hidup masyarakat Melayu itu sendiri. Teori ini juga telah menjadikan alam sekitar sebagai sebahagian daripada kehidupan yang mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan manusia. Alam telah dijadikan faktor utama dalam memenuhi keperluan dalam kehidupan manusia bagi memberikan sumber pekerjaan, pengajaran dan kebajikan. Dengan adanya unsur-unsur ini secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada para masyarakat secara khusus. Teori ini dianggap sangat bermakna kerana bersesuaian bagi menganalisis karya Melayu yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis tempatan. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji, telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dalam menganalisis teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji telah menggunakan Teori ini bagi menganalisis nilai-nilai murni dengan menggunakan Pendekatan Alamiah dan juga Pendekatan Keagamaan.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Pengkaji mendapati bahawa banyak manfaat dan juga kesan-kesan positif melalui nilai-nilai murni yang telah ditonjolkan di dalam teks tersebut seperti hormat orang yang lebih berusia. Kesan daripada kajian tersebut telah mendapati banyak kesan positif yang boleh diambil bagi pengkaji tempatan dan juga luar negara.

Dengan adanya Sajak Melayu ini telah memberi kesan yang sangat besar terhadap seorang pengkaji berdasarkan nilai-nilai murni yang cuba diketengahkan. Seterusnya dengan adanya perkara baik ini akan mempengaruhi segala perlakuan dan juga tutur kata pengkaji membentuk diri kearah kebaikan dan juga sentiasa memperbaiki segala kelemahan dalam diri seseorang dalam mencari keredhaan Allah SWT. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap *teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah banyak membantu pengkaji untuk mengetahui nilai-nilai murni yang terdapat di dalam sajak Melayu dengan lebih terperinci berdasarkan cerita rakyat yang terdapat di dalam teks tersebut. Di dalam kajian ini, akan membincangkan berkaitan dengan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam kehidupan dapat menjadikan seseorang manusia itu berhati mulia.

Dengan adanya teori di dalam kajian yang dilakukan ini, telah memberikan kelebihan terhadap kajian yang telah dijalankan. Teori Pengkaedahan Melayu ini digagaskan oleh Hashim Awang (1987) akan digunakan bagi menyiapkan kajian penyelidikan ini. Teori ini telah digunakan bagi memantapkan lagi analisis dapatan kajian yang telah diperoleh dan menfokuskan kepada unsur nilai-nilai murni dalam cerita rakyat. Dalam menjalankan sesuatu kajian penggunaan teori sangat penting bagi memastikan dapatan kajian sangat tersusun dan bertepatan dengan kajian yang ingin dijalankan. Pengkaji juga mengharapkan dengan adanya penggunaan teori ini secara tidak langsung dapat memartabatkan lagi teori tempatan dan mengangkat teori-teori tempatan ini setanding

dengan teori barat. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakkan pengkaji pada zaman sekarang lebih berminat untuk mengkaji teori barat. Dengan adanya penggunaan teori tempatan ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pengkaji lain untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dalam menyelesaikan kajian yang dilakukan dengan jayanya.

Selain itu, dengan adanya cerita rakyat ini secara tidak langsung dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Melalui kajian yang telah dilakukan ini, berdasarkan kajian yang dilakukan ini akan dapat memberikan pemberitahuan awal kepada masyarakat melalui pembacaan dan juga penghayatan akan kehidupan sebenar masyarakat yang telah mengaplikasikan nilai-nilai tersebut untuk digunakan di dalam kehidupan sehari-hari supaya mereka akan sentiasa hidup aman dan juga damai. Seperti yang semua tahu, perkara yang melibatkan unsur ini sangat memberikan impak yang banyak dalam kehidupan seseorang masyarakat bagi melahirkan individu yang bertanggungjawab dan juga bertamadun.

Pada masa yang sama juga, diharapkan dapat membantu para pengkaji agar dapat menyiapkan hasil kajian dengan lebih teliti dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dalam membincangkan berkaitan dengan bidang sastera.

## 1.7 Definisi Operasional

Kajian yang ditulis oleh pengkaji dengan menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Berdasarkan kajian yang dilakukan ini terdapat beberapa kata kunci yang penting dan perlu ditekankan di dalam kajian ini seperti istilah transkripsi, sajak, lembangan dan nilai-nilai murni.

### 1.7.1 Transkripsi

Maksud transkripsi merupakan salah satu cara penurunan bunyi muzik dari tulisan yang telah mencatatkan sesuatu perkara. Ia juga turut dikatakan dikaitkan dengan dengan bunyi bunyian dan juga hurus. Semua lambang yang boleh digunakan adalah secara bertulis, akan tetapi apabila sudah selesai dirakam barulah ia akan dianalisis. Menurut Harimurti Kridalaksana, (2011) telah menyatakan bahawa Transkripsi juga merupakan salah satu tulisan yang bertanda graf iaitu segala kejadian yang telah berlaku. Seterusnya, Transkripsi ini juga sangat penting dalam membuat sesuatu cacatan ataupun Salinan terhadap sesuatu yang dijadikan dalam bentuk tulisan. Manakala menurut *Kamus Dewan* (2012) transkripsi bermaksud sebagai bahan tulisan seperti teks ke dalam salinan dari sesebuah perbincangan kepada bentuk tulisan. Maksud transkripsi pada pendapat pengkaji ialah, berbentuk graf dan juga tulisan bagi membuat salinan semasa melakukan sesuatu perbincangan. Secara rumusannya, maksud transkripsi menurut para sarjana ialah merupakan teks yang berbentuk tulisan.

### 1.7.2 Sajak

Sajak merupakan salah satu bentuk puisi moden yang berbeza dengan puisi tradisional seperti pantun dan juga syair telah disusun dengan baik dengan menggunakan bahasa yang indah semasa memberikan idea, perasaan dan juga segala pengalaman (*Kamus Dewan*, 2015), Manakala, di dalam puisi moden telah terdapat pelbagai jenis puisi yang

mempunyai pelbagai perkara yang indah-indah. Masuri S.N melalui penulisan Hanafiah (2008), telah menyatakan bahawa puisi moden bukan hanya menceritakan keseluruhan cerita mengenai perkara-perkara yang indah sahaja dan juga bukan sesuatu yang mudah difahami oleh orang ramai. Pada pendapat pengkaji sajak merupakan salah satu puisi moden yang tidak mempunyai bentuk terikat dan mudah difahami oleh orang ramai. Dengan ini, akan dapat membezakan di antara puisi moden dan juga puisi tradisional mempunyai keistimewaan dan juga keunikan yang tersendiri. Sajak juga telah dikatakan sebagai perihal yang telah membincangkan mengenai kehidupan dan juga perasaan serta fikiran yang mampu memahami melalui pengalaman dan juga imaginasi yang kreatif dalam menghasilkan sesebuah karya yang berkualiti supaya apa yang ingin disampaikan oleh penulis senang difahami oleh pembaca dengan lebih mudah.

### 1.7.3 Naratif Lisan

Naratif lisan merupakan salah satu genre sastera yang telah terdapat di dalam sastera Melayu Tradisional ataupun lebih dikenali sebagai sastera lisan. Menurut Hashim Awang (1985) naratif lisan merupakan salah satu karya masyarakat Melayu yang telah lama wujud sejak dahulu lagi. Karya sastera ini berbentuk tidak terikat. Hal ini, kerana walaupun di dalam hasil karya yang dilakukan adalah secara bebas dan turut mengelami proses tokok-tambah yang meragumi kehidupan masyarakat Melayu.

Manakala Menurut Ismail Hussein (1965) naratif lisan ini pula bermaksud sebagai salah satu hiburan dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami. Ia juga merupakan hak kepunyaan masyarakat dan telah dikembangkan melalui pertuturan, penceritaan dan juga perlulah menjadikan seorang wakil untuk menyantuni segala karya naratif lisan ini. Hal ini, kerana cara yang disampaikan oleh orang yang terdahulu seperti nenek-nenek kepada cucunya agar mereka dapat menyampaikan cerita tersebut kepada generasi yang akan datang lagi tanpa mengubah cerita rakyat yang asal. Pada pendapat

pengkaji, naratif lisan merupakan sesuatu yang telah lama ada dan dijadikan sebagai hiburan bagi menghiburkan sesiapa sahaja.

#### 1.7.4 Nilai Murni

Nilai murni merupakan sesuatu yang sangat penting dan perlu ada dalam diri seseorang individu agar dapat memberi manfaat dan juga faedah kepada orang lain. Menurut Wan Abdul Kadir, (2000) beliau telah menyatakan bahawa nilai-nilai murni merupakan salah satu tempat kepada para pembaca untuk menyampaikan cerita rakyat. Menurut Norazimah Zakaria (2015), Nilai Murni merupakan sesuatu yang sangat penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat melalui kesusasteraan tradisional. Pada pendapat pengkaji, nilai murni merupakan medium masyarakat untuk menyampaikan cerita rakyat dan juga bagi membentuk kesusasteraan tradisional. Hal ini, kerana nilai ataupun adat yang telah ada dalam diri seseorang akan dapat membentuk jati diri yang baik pada seseorang bangsa. Adat merupakan salah satu cara masyarakat membentuk jati diri seseorang supaya menjadi lebih baik. Di sebabkan itulah masyarakat mestilah mempunyai sifat tanggungjawab yang tinggi di dalam diri. Dengan adanya elemen ini secara tidak langsung dapat menarik minat parat pembaca di luar sana untuk mengetahui apakah nilai-nilai murni tersebut agar mereka dapat hidup dengan aman dan sejahtera kelak.

#### 1.7.5 Lembangan

Lembangan merupakan kawasan yang dilakukan bagi mengalirkan sistem perparitan ke dalam sungai bagi mengelakkan daripada berlaku banjir kerana kebiasanya kawasan lembangan ini dijadikan sebagai tempat tahanan air. Menurut *Kamus Dewan* (2017) lembangan bermaksud sebagai tanah pamah yang rendah, dan juga lembab. Pada

pendapat pengkaji, lembangan bermaksud sesuatu tempat yang rendah dan juga sentiasa berasa dalam keadaan lembab.

#### 1.7.6 Cerita Rakyat

Cerita rakyat merupakan tergolongan daripada sastera rakyat yang telah diturunkan dari generasi ke generasi. Hasil kreatif golongan rakyat desa yang telah memberi nasihat secara formal kepada semua ahli masyarakat supaya dapat memberikan nasihat dan juga menjadikan bahan hiburan. Seterusnya cerita rakyat menurut Ismail Hamid (1986), harus disampaikan secara lisan dari orang ke orang, contohnya seorang ayah bercerita kepada anak-anaknya. Mohd Taib Osman (1991) menegaskan bahwa cerita rakyat kini menjadi kepunyaan bersama dan bukannya mempunyai pemilik. Menurut *Kamus Dewan* cerita rakyat bermaksud cerita rekaan yang disukai ramai pada zaman dahulu dalam sesuatu masyarakat yang diturunkan daripada generasi kepada generasi secara lisan. Pada pandangan pengkaji, cerita rakyat telah disampaikan secara lisan dan menjadi hak milik bersama masyarakat Melayu dan hanya cerita rekaan semata-mata sahaja. Jelaslah di sini bahawa, cerita rakyat Melayu sangat kaya dengan nilai jati diri mampu membentuk moral dan akhlak yang sangat berharga kepada masyarakat tradisi sejak dahulu sehingga ke hari ini.

#### 1.7.7 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu ini, telah dicipta oleh Hashim Awang. Teori ini telah diperkenalkan oleh beliau setelah membuat kertas kerja di dalam seminar Antarabangsa Kesusteraan Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu ini juga telah dicipta oleh Hashim Awang (1994) seorang sarjana pengkritik yang sangat terkenal di tanah air. Teori ini telah diperkenalkan pada tahun (1989) dan telah dikemukakan kerana telah merangkumi kesemua aspek kehidupan manusia. Hashim Awang telah mencipta teori ini dengan merujuk kitab Taj-al- Muluk yang telah mengandungi pelbagai jenis ilmu dan juga boleh

dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan kerana kitab tersebut cukup popular di dalam kalangan generasi tua. Beliau juga turut menyatakan bahawa, kitab tersebut akan menceritakan berkenaan dengan manusia, sifat dan perilaku, firasat dan sebagainya.



# UNIVERSITI

---

# MALAYSIA

---

# KELANTAN

## 1.8 Organisasi kajian

Organisasi kajian merupakan salah satu ringkasan yang perlu ada di dalam kajian bagi menceritakan berkenaan dengan setiap bab. Ia adalah rangkuman daripada kesemua bab yang mempunyai lima bab sahaja. Tujuan utama menghasilkan organisasi kajian adalah supaya dapat memastikan penulisan yang dilakukan lebih berkesan dan juga tersusun.

### Bab Satu

Pengkaji akan menguraikan pendahuluan dan penyataan masalah yang dihadapi dalam melakukan penelitian berdasarkan yang terdapat di dalam bab satu. Selain itu, bab ini menjelaskan secara menyeluruh berkaitan dengan tajuk kajian agar pembaca dapat memahami dengan lebih jelas. Di samping itu, kepentingan kajian yang dilakukan merupakan sangat penting dan patut ada di dalam diri setiap kajian bagi membuktikan kesahihan sesuatu kajian.

### Bab Dua

Di dalam bab dua ini telah menceritakan berkenaan sorotan kajian. Terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang telah dilakukan bagi menjadikan rujukan dan juga panduan dalam melaksanakan tugas ini. Kajian lepas yang dicari berdasarkan tajuk yang telah dipilih sendiri oleh pengkaji. Berdasarkan kajian lepas yang dilakukan ini, pengkaji boleh melakukan penyelidikan yang diberikan dengan lebih mudah kerana sumber rujukan yang dilakukan itu adalah tepat. Melalui sorotan ini juga, pengkaji dapat membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh para pengkaji lepas. Tujuan proses ini dijalankan adalah bagi mengetahui berkenaan dengan cerita rakyat dengan lebih jelas dan juga lebih tepat.

### Bab Tiga

Di dalam bab ketiga pula telah menceritakan berkaitan dengan metodologi kajian. Setiap prosedur yang telah digunakan di dalam kajian ini telah dikupas dengan lebih banyak dan juga lebih terperinci. Hal ini, kerana metodologi kajian yang telah digunakan di dalam penyelidikan terdiri daripada reka bentuk kajian, pengumpulan data serta menganalisis data secara lebih mendalam bagi memantapkan lagi hasil sesebuah kajian yang dilakukan agar lebih berkualiti dan juga bermutu tinggi.

### Bab Empat

Di dalam bab ini akan membincangkan dan menjelaskan berkenaan dengan dapatan analisis dan dapatan kajian yang telah dilakukan. Pengkaji telah menganalisis dapatan kajian yang telah diperoleh melalui kajian terhadap analisis teks dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan Di Pangkalan Datu: Kelantan*. Pengkaji telah mendapati terdapat unsur nilai-nilai murni dalam cerita tersebut dan telah menggunakan satu sahaja teori iaitu Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1987). Nilai-nilai murni merupakan sesuatu perkara yang baik dan akan memberikan kesan positif kepada masyarakat.

### Bab Lima

Di dalam bab ini, merupakan kesimpulan yang telah ada di akhir kajian yang akan dijalankan. Bahagian ini pengkaji telah merumuskan secara keseluruhan yang telah didapati melalui kajian yang telah dijalankan berdasarkan kepada objektif kajian yang telah digunakan pada peringkat awal kajian. Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian yang telah dilakukan turut mempunyai cadangan pada bahagian ini.

## 1.9 Penutup

Secara kesimpulanya, seperti yang sedia maklum naratif lisan merupakan salah satu teks yang sangat menarik untuk dijadikan bahan penyelidikan kerana mempunyai nilai-nilai yang tinggi. Berdasarkan teks yang telah menjadi pilihan pengkaji dapat melihat dengan jelas dan memahami dengan lebih terperinci berkaitan dengan nilai-nilai murni yang banyak menghasilkan karya-karya yang berkualiti untuk dibaca. Apa yang dapat dilihat oleh pengkaji, berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan* hasil daripada penulisan Mohd Firdaus Che Yaacob terdapat banyak nilai-nilai positif yang dapat dijadikan panduan dalam kehidupan. Pengkaji juga telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu bagi mengukuhkan lagi perkara yang berkaitan dengan nilai-nilai murni melalui teks tersebut. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan itu, pengkaji telah mendapati nilai-nilai murni yang terdapat di dalam teks tersebut merupakan salah satu sebab yang sangat penting dalam menghasilkan sesuatu karya supaya dapat menarik perhatian pembaca untuk menkaji berkaitan dengan nilai-nilai murni ini dengan lebih mendalam. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, terdapat banyak pengajaran yang dapat dijadikan panduan dalam sesebuah kehidupan agar dapat hidup dengan aman dan juga damai sentiasa. Di sebabkan itu lah, pengkaji ingin memberi cadangan agar memperbanyakkan lagi kajian yang berilmiah oleh para sarjana-sarjana pada masa akan datang kelak. Hal ini dikatakan demikian kerana, bagi memastikan sesuatu karya yang dihasilkan mestilah dapat memberi manfaat kepada orang ramai agar dapat melahirkan masyarakat yang bertamadun serta mempunyai sifat sahsiah yang terpuji di dalam diri dan mampu memberikan ilmu yang berguna kepada orang ramai. Akhir kata, pengkaji mengharapkan bahawa kajian yang berkaitan dengan penyelidikan ini selari dengan apa yang disebut di dalam objektif kerana bagi memastikan apa yang ingin disampaikan itu betul dan juga tepat.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai, kajian yang telah dilakukan oleh pengaji berdasarkan artikal ataupun kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana untuk dijadikan bahan sokongan dalam sesuatu kajian. Dengan ini pengkaji akan membuat rumusan berdasarkan kajian lepas bertujuan untuk melihat sama ada nilai-nilai murni ini yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas masih mempunyai kelompongan dalam kajian. Tujuan kajian lepas ini dilakukan adalah bertujuan untuk dua bahagian. Bahagian pertama ialah, memberi fokus terhadap kajian yang berkaitan cerita rakyat di Malaysia manakala yang kedua pula ialah menekankan berkaitan dengan Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya yang dipilih untuk membuat kajian. Menerusi kajian lepas ini terdapat banyak perkara yang perlu diterangkan dengan lebih jelas dan juga tepat berkaitan dengan objektif, permasalahan, kaedah dan juga teori yang digunakan dalam menganalisis sesuatu data.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.2 Pengkajian Naratif Lisan Di Malaysia

Mohd Fahmi, Salmah Jan Noor Muhammad, Mohd Sharifudin Yusof (2015) yang berjudul *Cerita Rakyat Melayu:suatu Analisis Pancaran jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. Pada hari ini cerita rakyat semakin kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat disebabkan munculnya teknologi moden yang sangat canggih dan juga maju. Melalui penyelidikan yang telah dilakukan ini secara tidak langsung dapat manarik perhatian golongan masyarakat supaya dapat memastikan cerita rakyat ini sentiasa ada walaupun ditelan dek zaman. Di samping itu pengkaji juga, ingin mengetahui dan juga menganalisis mengenai nilai-nilai murni yang telah ada dalam diri masyarakat Melayu. Kajian ini, telah menerapkan Teori Ekologi Budaya kerana bersesuaian dengan tajuk kajian yang telah dibuat. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan pengkaji, hanya menggunakan 12 jenis cerita rakyat sahaja untuk dijadikan rujukan, dan menggunakan metode kualitatif. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan di dalam kajian ini telah mempunyai pelbagai nilai yang perlu dicontohi oleh masyarakat seperti nilai keberanian dan juga nilai kerajinan. Jelaslah disini bahawa, tujuan kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi berkenaan dengan jati diri masyarakat Melayu agar dapat membentuk peribadi diri mereka dengan baik dengan adanya nilai-nilai moral yang tinggi boleh dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) di dalam kajian yang telah dilakukannya, yang berjudul *Nilai-nilai murni Dalam Seuntaian Himpunan 366 cerita Rakyat Malaysia* telah membincangkan mengenai nilai-nilai murni yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu amat penting bagi memastikan perlakuan dan juga perbuatan yang dilakukan oleh masyarakat dapat menjadikan mereka lebih baik. Di samping itu juga, di dalam teks cerita ini juga telah banyak menunjukkan perkara-perkara yang sangat baik seperti perwatakan yang sopan dan juga menarik untuk dijadikan rujukan kepada manusia.

Berdasarkan kajian lepas ini terdapat banyak benda yang diperolehi antaranya hormat-menghormati, keberanian, baik hati dan banyak lagi. Selain itu, kajian ini lebih berfokus kepada menganalisis nilai-nilai murni dengan menerapkan teks *Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Melalui kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif di dalam kajian bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Kesimpulannya, cerita rakyat perlulah dipelihara dan juga dijaga dengan baik kerana terdapat banyak nilai-nilai yang positif dapat dijadikan sebagai panduan dalam membentuk diri agar menjadi seseorang yang berguna dan juga dapat memberi manfaat kepada orang lain.

Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2017) di dalam kajiannya yang bertajuk *Wacana Cerita Rakyat Melayu dalam Kalangan pelajar Korea*. Melalui kajian yang telah dilakukan membingangkan berkenaan dengan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji yang terdahulu dengan mengkaji persepsi pelajar terhadap cerita rakyat melayu. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi melihat sejauh mana persepsi pelajar korea terhadap cerita rakyat Melayu ini yang semakin hilang ditelan dek zaman. Objektif yang paling utama di dalam penyelidikan ini adalah untuk menyelesaikan masalah persepsi pelajar berkaitan dengan cerita rakyat. Menerusi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuanlitatif kerana telah menemu ramah 20 orang pelajar lelaki dan juga perempuan di Universiti of Foreign Studies, Korea. Penulis telah menggunakan buku cerita sebanyak tiga buah untuk dijadikan rujukan di dalam sesi temu bual ini. Dengan ini, secara tidak langsung dapat membuka mata para pelajar untuk meminati cerita rakyat Melayu ini kerana banyak yang boleh dijadikan sebagai contoh di dalam diri. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, pengkaji mendapati bahawa cerita rakyat ini mampu dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Rosni Yunus (2010) di dalam *kajiannya terhadap kesusastraan Melayu telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Menerusi kajian ini pengkaji telah menerangkan berkaitan dengan pemikiran Islam yang telah terdapat di dalam puisi-puisi karya Johar Awang dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif dalam kajian. Menerusi kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan juga pendekatan seni bagi memperkuatkan hujah dalam perbincangan yang ingin dilakukan. Pengkaji telah memilih pendekatan tersebut kerana sangat sesuai digunakan dalam pemikiran Islam yang telah terdapat di dalam puisi-puisi karya Johar Awang. Jelaslah disini, berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan dapat dilihat bahawa Teori Pengkaedahan Melayu ini telah dicipta oleh Hashim awang sejak (1989) dengan adanya ketiga-tiga pendekatan itu seperti dakwah, kemasyarakatan, seni secara tidak langsung dapat membantu dalam mengembangkan lagi pemikiran Islam kerana mempunyai ikatan yang kuat seperti dari segi sumber alam, pegangan akidah, dan juga ketakwaan.

Seterusnya, Siti Faridah Leong Bt Abdullah dan Bazrul Bin Bahaman (2017) di dalam kajiannya yang bertajuk “*Sulalatus Salatin Sebagai Media menganalisis nilai Murni*” di dalam kajian ini telah membincangkan berkenaan dengan beberapa kisah yang telah terpilih dalam *Sulalatus Salatin* yang telah mempunyai sifat-sifat yang menghibur dalam menyampaikan nilai-nilai murni yang bersifat islamiah. Objektif yang terdapat di dalam kajian ini ialah menfokuskan kepada menghuraikan nilai-nilai murni Islamiah yang terdapat di dalam kisah *Sulalatus Salatin*. Pada masa yang sama, di dalam kajian ini telah menerapkan prinsip yang ketujuh iaitu Teori Takmilah kerana bertujuan untuk mendidik khalayak, dan juga untuk memastikan masyarakat agar sentiasa memperbaiki diri kearah yang lebih baik untuk menjadikan seseorang yang lebih sempurna. Menerusi kajian ini metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah keperstakaan dan juga menganalisis teks dengan menggunakan kisah-kisah yang telah terpilih. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, pengkaji telah mendapatkan bahawa di dalam kisah

*Sulalatus Salatin* ini banyak yang boleh dijadikan iktibar kerana mempunyai unsur-unsur pengajaran dan juga nilai-nilai murni dan sesuai untuk diperlakukan dalam setiap kehidupan masyarakat. Jelaslah di sini bahawa, kisah *Sulalatus Salatin* ini sangat berguna kerana banyak manfaat yang dapat diperolehi oleh masyarakat kerana ia telah banyak mengajar agar sentiasa berusaha untuk berubah kearah yang lebih baik.

Selanjutnya, Kajian yang dilakukan adalah berjudul *Prinsip Murni dalam Pilihan 366 Cerita Rakyat Malaysia* telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Melalui kajian ini pengkaji telah memfokuskan terhadap nilai-nilai murni yang terdapat di dalam cerita rakyat untuk dikenal pasti. Berdasarkan kajian yang telah dibuat ini, pengkaji hanya mengkaji 52 buah cerita, dan hasil daripada penemuan tersebut hanya menjumpai 16 nilai-nilai murni sahaja. Menerusi kajian yang telah dijalankan metode kuantitatif dengan menekankan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk bagi menghasilkan kajian yang bermutu tinggi dan juga tepat. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, melalui analisis kajian yang telah dilakukan ini dapat dilihat dengan jelas bahawa konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat menjana minda, rohani, emosi sangat bersesuaian dengan nilai-nilai murni. Jelaslah disini bahawa, dengan adanya nilai-nilai tersebut secara tidak langsung dapat menjadikan seseorang itu lebih baik kerana di dalam nilai-nilai murni itu terdapat unsur pengajaran.

Muhammad Nur Al-Hakim & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) telah membuat penyelidikan berkaitan dengan berjudul *Prinsip Islam dan Perkembangan Akhlak dalam Legenda Melayu*. Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan, pengkaji telah mendapat banyak memfokuskan hanya kepada nilai-nilai murni sahaja. Selain itu, kajian ini, telah membincangkan berkenaan dengan nilai-nilai islam dengan lebih mendalam lagi. Di dalam kajian ini telah menggunakan *buku 366 Cerita Rakyat Malaysia* dan hanya menghadkan sembilan buah buku cerita sahaja untuk dikaji. Di samping itu, kajian yang telah digunakan menerapkan Teori Takmilah kerana bersesuaian dengan tajuk bagi

mengukuhkan lagi analisis yang telah dilakukan. Menerusi buku tersebut terdapat lima nilai Islam yang dapat dilihat, antaranya ialah merendah diri, tawakal, bersyukur, taat dan juga perkara yang berkaitan dengan persahabatan. Disebabkan itulah, nilai-nilai Islam ini sangat penting kerana bagi memastikan akhlak dalam kalangan masyarakat Melayu sentiasa terjaga dan mengikut segala perintah yang telah diperintahkan oleh Allah S.W.T.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) berjudul *Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu Penerapan Teori Pengkaedahan Melayu: Kajian terhadap Nilai-Nilai kasih sayang dan Keadilan dalam Masyarakat Melayu* telah membincangkan mengenai nilai-nilai murni yang telah terdapat di dalam cerita rakyat melayu supaya menjadi penduan kepada masyarakat. Melalui penelitian yang dilakukan ini, terdapat dua objektif iaitu yang pertama ialah mengenal pasti nilai kasih sayang, yang kedua pula ialah keadilan yang terdapat menerusi cerita rakyat Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu digunakan bagi menyokong segala analisis yang telah dilakukan. Analisis kajian yang dapat diperhatikan dalam kajian ini ialah membincangkan berkenaan dengan nilai-nilai murni seperti nilai keadilan dan juga nilai kasih sayang. Kesimpulanya, melalui kajian ini, pengkaji telah membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu sangat kaya dengan nilai-nilai murni yang boleh menjadikan seseorang yang berfikiran positif dalam melahirkan individu yang baik sejak kecil lagi.

Di dalam kajian Hazrul Mazran Rusli (2018) yang berjudul *Perkembangan karya seni yang dicetak pada blok kayu telah tercakup dalam buku Adaptasi Sastra Rakyat Cerita Lucu Melayu dalam Karya Seni Cetak Kontemporari*. telah diadaptasikan sebagai salah satu bahan sastera rakyat Melayu. Kajian ini dilakukan bagi memberikan pendedahan kepada orang ramai berkaitan dengan pengajaran yang terdapat di dalam cerita jenaka Melayu tersebut. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif kerana telah menemu bual seniman dan juga ilmuan seni. Kerana bersesuaian dengan isu

penelitian, pengkaji telah menerapkan Teori Adaptasi dan Metodologi Eksplorasi untuk lebih menguatkan penelitian ini. Hanya 17 karya seniman tempatan dan Antarabangsa yang digunakan dalam analisis ini. Jelaslah di sini bahawa, di dalam setiap apa yang berlaku jika proses adaptasi bahan sastera ini ke dalam bentuk visual sudah pasti dapat memartabatkan kesenian dan juga dapat menarik minat golongan kanak-kanak untuk turut melihat cerita rakyat tersebut.

Normaliza Abd Rahim dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2014). Yang bertajuk “*Anak-anak Belajar Moral Positif Dari Cerita Rakyat Dengan Nilai-Nilai Murni*” adalah bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat. Teori Pengaedahan Melayu diterapkan dalam penyelidikan ini. Analisis kajian yang dapat diperhatikan dalam kajian ini ialah membahaskan tentang nilai murni seperti kasih sayang dan keadilan. Ringkasnya, melalui penelitian ini, pengkaji telah menunjukkan betapa pentingnya cerita rakyat Melayu, kerana dapat membantu seseorang berpikir positif terutamanya budak-budak kecil.

Selain itu, Siti Syahira Md Sabri (2022) melakukan penelitian yang berjudul “*Penelitian Menggunakan Pendekatan Moral: Ciri-ciri Didaktik dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.*” Penelitian bertujuan untuk mengetahui aspek-aspek pembelajaran yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* serta menganalisis unsur-unsur didaktik yang sudah ada. Metode penelitian ini adalah kualitatif, berdasarkan analisis teks dan kepustakaan. Teori Pengkaedahan Melayu digunakan dalam karya ini dengan memfokuskan Pendekatan Moral.

Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, shahariah Norain Shaharuddin, Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) berjudul ‘*Akhlik Positif Tercermin dalam Cerita Rakyat Melayu.*’ Antara Objektif yang terdapat di dalam kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu

yang termuat dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Metodologi penyelidikan ini ialah kualitatif. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, terdapat elemen kejujuran di dalam cerita rakyat ini telah dapat dilihat dengan jelas menerusi cerita rakyat yang telah ada.

Berdasarkan berjudul "*Kajian Beberapa Cerpen Karya A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*," Wan Nurzafirah Wan Zin (2019). Tujuan kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mencari tahu permasalahan kehidupan masyarakat melalui pembacaan dua cerita pendek "Momen Terakhir" dan "Dari Tanah ke Tanah" bagi menganalisis apakah teks nilai-nilai murni yang terdapat di dalam teks. Teori Pengkaedahan Melayu digunakan dalam penelitian ini, pendekatan moral menjadi fokus utama dalam kajian ini. Dengan adanya kajian ini terdapat nilai moral dari cerpen "*Saat Terakhir*" dan "*Dari Tanah ke Tanah*" bertujuan untuk mengajak individu ataupun masyarakat untuk turut melakukan kebaikan.

Berikutnya Normaliza Abd Rahim dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) berjudul "*Kebaikan Adalah Nilai menerusi Cerita Rakyat*". Nilai-nilai murni cerita rakyat Melayu bagi masyarakat Melayu telah kita bahas dalam penelitian ini. Dua tujuan dari penelitian ini adalah untuk mengidentifikasi dan menganalisis nilai kebaikan dalam cerita rakyat Melayu dan memfokuskan secara sempit pada populasi Melayu. Kajian ini telah menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu kerana bersesuaian dengan apa yang ingin dikaji iaitu berkaitan dengan nilai-nilai moral. Di samping itu, nilai murni yang telah ada di dalam jurnal tersebut seperti baik hati perlulah sentiasa diterapkan di dalam diri masyarakat untuk dijadikan sebagai tempat perataraan supaya sentiasa dapat mendidik nilai moral terhadap masyarakat Melayu. Jelaslah disini bahawa, berdasarkan kajian yang telah dibuat ini, boleh dikatakan bahawa cerita rakyat ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana di dalam setiap cerita yang disampaikan mestilah mempunyai nilai baik hati secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat Melayu yang sangat cakna dan juga bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu perkara.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) berjudul "*Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Naratif Lisan: Teori Takmilah*" Merumuskan bahawa nilai-nilai Islam merupakan sangat penting kerana bagi menjadikan kehidupan masyarakat Melayu lebih baik berbanding dengan yang dahulu. Objektif yang terdapat di dalam kajian ialah, mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang telah terdapat di dalam cerita lisan. metode yang digunakan di dalam kajian ialah kualitatif seperti kepustakaan dan juga rujukan kes bagi menghasilkan kajian yang lebih menarik. Manakala teori yang menerapkan di dalam kajian ini ialah Takmilah kerana bersesuai dengan apa dikaji. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, dengan adanya nilai-nilai kemanusiaan ini secara tidak langsung dapat memastikan cerita lisan ini mampu menghasilkan masyarakat yang lebih baik dan juga bertamadun kelak.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) yang berjudul " Kelimpahan nilai-nilai tradisional masyarakat Melayu dilambangkan dengan cerita rakyat." *Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu*" telah menyatakan bahawa di dalam cerita rakyat terdapat banyak simbol kekayaan ataupun nilai masyarakat melayu. Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji hanya menggunakan dua objektif iaitu, Mengenal pasti serta menganalisis nilai ketamadunan yang telah terdapat di dalam cerita rakyat yang bertempat di Kelantan. Di dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan beberapa cerita sahaja seperti *Puja Berubat, Sungai Ketapang, Tujuh Bersaudara* dan juga *Semangat Laut*. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ialah kualitatif kerana hanya menganalisis teks dan teori yang digunakan pula ialah Pengkaedahan Melayu pendekatan moral bagi memastikan kajian yang dijalankan ini berjalan dengan lancar. Secara kesimpulanya, setelah menkaji cerita rakyat di Kelantan telah mendapati bahawa nilai ketamadunan adalah sangat tinggi di dalam diri kalangan masyarakat Melayu.

Nor Muhammad Shahir Nordin (2022) telah mengkaji berkenaan dengan Unsur Mitos dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Melalui kajian yang dilakukan tersebut terdapat beberapa pantang larang yang telah disebut seperti kepercayaan, adat dan juga prinsip hidup dalam sesebuah kehidupan masyarakat. Terdapat dua Objektif yang telah digunakan di dalam kajian iaitu mengenal pasti dan juga menganalisis unsur mitos yang telah terdapat di dalam teks pilihan. Berdasarkan kajian yang dilakukan pengkaji hanya menggunakan 30 cerita rakyat sahaja untuk dijadikan bahan kajian. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah Kualitatif iaitu keperpustakaan serta menganalisis teks-teks yang terpilih. Teori yang digunakan di dalam kajian ini ialah Pengkaedahan Melayu dan telah menggunakan pendekatan Firasat kerana bersesuaian dengan tajuk yang dipilih iaitu mengkaji berkenaan dengan mitos. Secara kesimpulanya, apa yang dapat dilihat di dalam unsur mitos ini penceritaan yang sangat menarik serta boleh dijadikan sebagai bahan panduan untuk digunakan oleh masyarakat Melayu.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) berdasarkan kajian yang telah di buat bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Lagenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, terdapat banyak nilai-nilai yang dapat diperolehi untuk ditunjukkan kepada masyarakat bahawa di dalam cerita Lagenda ini terdapat banyak isi yang tersirat yang boleh didapati jika seseorang itu faham apa yang cuba disampaikan oleh penulis. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi memastikan masyarakat sentiasa sedar betapa pentingan cerita lagenda yang turut mempunyai unsur nilai-nilai murni kerana di dalam cerita Lagenda kebanyakkan masyarakat berfikiran hanyalah sebuah cerita khayalan, fantasia dan juga bersifat sebagai hiburan. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah bagi untuk mengenal pasti serta menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat di dalam cerita lagenda di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan. Menerusi kajian ini pengkaji hanya menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah keperpustakaan, temu bual dan juga menganalisis teks. Berdasarkan

kajian yang telah dilakukan terdapat beberapa nilai-nilai yang dapat dilihat di dalam teks tersebut ialah hormat-menghormati, hemah tinggi dan juga kasih sayang. Secara kesimpulanya, nilai-nilai murni yang terdapat di dalam kajian tersebut boleh dijadikan sebagai pengajaran di dalam diri untuk memastikan keperibadian seseorang itu sentiasa baik.

Berdasarkan kajian berjudul *Nilai-Nilai Budi dalam Cerita Asal Usul Melalui Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, Nor Anis Izzati Noridzulhata (2022) telah ditulis. Penelitian ini bertujuan untuk melakukan dua hal, pertama, mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai budaya yang terdapat dalam cerita asal usul berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Untuk memastikan penelitian ini berjalan dengan baik, Teori Pengkaedahan Melayu digunakan dan kaedah kualitatif. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan pengkaji telah menggunakan pendekatan dakwah, kemasyarakatan, dan juga pendekatan moral. Hasil daripada kajian yang telah dilakukan ini, pengkaji telah mendapati bahawa berdasarkan cerita yang dikaji terdapat beberapa nilai iaitu, berdikari, nilai hemah tinggi dan sebagainya. Jelaslah disini bahawa, di dalam kajian yang telah dilakukan ini terdapat banyak nilai murni yang dapat dijadikan contoh dalam sebuah kehidupan untuk dijadikan sebagai salah satu cerminan dalam membentuk keperibadian yang baik dalam kalangan masyarakat.

Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang bertajuk *Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Baharu, Penelitian kemasyarakatan*. Untuk memastikan penelitian ini berjalan dengan baik, telah menggunakan Teori Pengaedahan Melayu. Kaedah yang digunakan ialah Kualitatif yang melibatkan keperpustakaan dan kajian lapangan bertujuan bagi memastikan segala maklumat yang di dapati adalah tepat dan padat. Berdasarkan apa yang telah dilihat terdapat unsur akal budi yang dapat dicontohi oleh semua golongan seperti berani

kerana benar, rasional dan juga ikhlas dalam melakukan sesuatu bagi membentuk peribadi yang baik dalam kalangan masyarakat.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah dalam kajian *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu* (2021). Melalui kajian yang telah dilakukan telah membincangkan berkenaan dengan cerita lisan Melayu telah mempunyai banyak kelebihannya yang tersendiri kerana terdapat pelbagai nasihat sindiran dan juga turut mempunyai pengajaran yang boleh dijadikan contoh dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan kajian yang dilakukan pengkaji hanya memilih 12 cerita sahaja cerita lisan melayu berdasarkan buku koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia. Bagi memantapkan lagi kajian yang dilakukan ini pengkaji telah menggunakan Teori budaya. Jelaslah, disini bahawa unsur spiritual sangat penting untuk digunakan dalam cerita lisan melayu kerana dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat melayu untuk menjadikan sebagai bahan penceritaan dan juga dapat dijadikan sebagai tauladan dalam menjadi insan yang baik.

Maizatul Akma Shamsuddin (2022) berdasarkan kajiannya yang bertajuk *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan:* satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu telah membincangkan mengenai unsur budaya yang terdapat di dalam teks. Dua objektif kajian yang terdapat di dalam kajian ini ialah, mengenal pasti serta menganalisis unsur budaya dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan*. Menerusi kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah perpustakaan serta menganalisis teks. Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan Teori pengkaedahan Melayu, dan lebih menfokuskan kepada pendekatan dakwah, pendekatan moral dan juga pendekatan kemasyarakatan bagi memastikan kajian yang dilakukan adalah jelas dan tepat. Kajian ini, telah dirumuskan bahawa pelbagai unsur

yang dapat menjadikan tauladan yang baik dalam kehidupan dan juga dapat membina akhlak yang terpuji dan juga baik hati dalam diri seseorang individu.

Berdasarkan kajian yang bertajuk nilai-nilai *Murni dalam Kisah Cik Siti Wan Kembang*, Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) telah membahas permasalahan mengenai nilai terpuji yang terdapat dalam Cik Siti Wan Kembang. Mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam diri Cik Siti Wan Kembang. Pengkaji menggunakan metodologi kualitatif iaitu analisis teks dan ke perpustakaan. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan Teori Pengkaedah Melayu dan memberikan penekanan terhadap Pendekatan Moral. Berdasarkan temuan penelitian mendapati Cik Siti Wan Kembang mempunyai banyak nilai murni yang dapat kita jadikan teladan dan contoh dalam kehidupan seharian serta boleh juga menjadikan sifat tersebut sebagai cerminan diri kita supaya dapat memperbanyakkan lagi melakukan perkara-perkara yang baik.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) tajuk kajian ialah *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan pendekatan Dakwah dan telah menggunakan Teori pengkaedahan Melayu*. Melalui kajian ini telah banyak menceritakan berkaitan dengan aspek dakwah yang mengisahkan konflik yang telah berlaku di dalam keluarga. Objektif kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah, menganalisis sejauh mana keberkesanan dakwah mampu mengubah kehidupan manusia agar sentiasa menerapkan di dalam diri agar sentiasa membuat kebaikan dan menjauhi perkara yang tidak baik. Kajian ini, hanya membataskan terhadap satu sahaja karya Azizi Haji Abdullah sahaja yang bertajuk Suriati. Manakala kaedah yang digunakan pula ialah, kualitatif dan telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dan hanya menfokuskan kepada pendekatan dakwah sahaja. Kesimpulanya, dengan adanya dakwah ini secara tidak langsung dapat memberi tanggapan yang baik kepada masyarakat untuk terus berusaha mempelajari ilmu agama islam dengan lebih baik lagi dan menyebarkan kepada orang lain pula.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) telah mengkaji berkenaan dengan *Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu* telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu: dengan Menganalisis Nilai Kasih Sayang dan juga Keadilan yang telah terdapat di dalam masyarakat Melayu telah menceritakan berkenaan dengan nilai-nilai murni ataupun perkara baik yang telah ada dalam diri seseorang manusia. Setelah menjalankan kajian yang telah dilakukan ini pengkaji telah mendapati bahawa terdapat banyak kekurangan yang boleh diperbaiki lagi yang telah dilakukan oleh pengkaji yang terdahulu. Terdapat dua objektif yang telah digunakan di dalam kajian ini iaitu, menganalisis cerita rakyat yang berkaitan dengan kasih sayang dan juga keadilan. Kajian ini hanya menggunakan empat cerita rakyat untuk dijadikan bahan kajian seperti "Batu Belah Batu Bertangkup", "Kacang dan Telur Ayam", "Nakhoba Haloba" untuk mengkaji sejauh manakah nilai kasih sayang dan juga keadilan yang boleh diambil berdasarkan cerita-cerita tersebut. Kaedah yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif iaitu keperpustakaan dan juga menganalisis teks. Melalui kajian ini pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu, walaubagaimanapun hanya menfokuskan kepada pendekatan kemasyarakatan dan juga pendekatan moral bagi memastikan kajian yang telah dilakukan ini berjalan dengan lancar. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan pengkaji telah berjaya menemui nilai-nilai murni yang berkaitan dengan kasih sayang seorang terhadap seorang anak manakala keadilan pula boleh dilihat apabila seseorang majikan telah melayan pekerja dengan sama rata. Jelaslah disini bahawa, dengan adanya nilai kasih sayang ini secara tidak langsung dapat menjadikan seseorang itu lebih berfikiran terbuka dan juga dapat menjaga tingkah laku masyarakat dalam pelbagai aspek seperti Pendidikan dan juga dapat dijadikan sebagai medium pengajaran.

Nur Shahirah Othman (2020) berdasarkan kajian yang telah dilakukan yang bertajuk *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia:*

*Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu.* Berdasarkan kajian ini juga banyak menceritakan berkaitan dengan budi yang telah terdapat di dalam diri seseorang melayu berdasarkan cerita rakyat Melayu. Tujuan utama penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji kembali kajian-kajian yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh terdahulu kerana banyak lagi yang perlu diperbaiki. Objektif yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah membincangkan cerita rakyat yang mengandungi akal budi orang melayu dari pelbagai cara dan juga sudut positif yang boleh diambil. Melalui kajian ini, pengkaji hanya menggunakan karya Zainariah Abdul Wahab yang terdapat di dalam buku Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu ke perpustakaan dan juga menganalisis teks. Pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu bagi memastikan kajian ini berjalan dengan lancar. Hasil daripada kajian yang telah dilakukan ini, pengkaji telah mendapati bahawa dengan adanya nilai akal budi ini secara tidak langsung dapat menjadikan seseorang masyarakat melayu yang mempunyai jati diri yang tinggi.

Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh mereka yang bertajuk *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang, Kelantan: Satu Pengaplikasian Sastera Warisan*. Kajian ini telah membincangkan mengenai nilai-nilai budaya yang terdapat di dalam masyarakat orang Asli yang telah menggunakan cara hidup dan juga adat nenek moyang mereka. Terdapat juga maksud-maksud sejarah yang tersirat dan juga tersurat seperti mitos, lagenda dan juga mengisahkan tentang asal usul. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini terdapat permasalahan yang berlaku iaitu kekurangan penyelidikan yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis cerita rakyat dari sudut nilai budaya terhadap masyarakat orang asli Temiar. Pengkaji telah membataskan beberapa cerita rakyat sahaja untuk dijadikan bahan kajian iaitu Buah Mangkung dengan seekor Anjing, Burung Kuang dengan Harimau, Manusia Jelmaan Anjing dan juga Dendam

Terbalas. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu keperpustakaan dan juga menganalisis teks. Manakala teori yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah Sastera Warisan yang dicipta oleh A.Wahab pada tahun 2005. Hasil yang diperolehi oleh pengkaji ialah, telah mendapat bahawa terdapat beberapa nilai-nilai murni yang boleh dijadikan sebagai panduan dan juga rujukan para masyarakat Orang Asli Temiar.

Che Abdullah Che Ya (2018) berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh beliau, yang bertajuk *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar SUkma Bisu Dengan Menggunakan Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui tentang cara kehidupan masyarakat Melayu sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua. Selain itu, kajian ini dijalankan kembali kerana telah mendapat bahawa terdapat kekurangan yang telah dilakukan oleh para pengkaji yang dahulu. Kajian ini dilakukan adalah bagi mengetahui berkaitan dengan kehidupan masyarakat Melayu dan juga bagi menganalisis Karya ini sebagai salah satu manisfeti dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini hanya membataskan kepada satu novel sahaja yang bertajuk *Badar Sukma Bisu* Karya Faisal Tehrani. Kaedah yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif kerana telah membuat rujukan keperpustakaan dan juga menganalisis teks. Teori yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah Pengkaedahan Melayu. Akhir sekali, berdasarkan kajian yang telah dilakukan telah mendapat bahawa di dalam masyarakat Melayu, Kesusasteraan Melayu dijadikan sebagai salah satu cara pembentukan akhlak untuk mewujudkan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam diri seseorang masyarakat bagi menjadikan seseorang itu lebih berguna.

Selamat, J. H. (2009) dalam kajian yang bertajuk *Aplikasi teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut menerusi pendekatan dakwah*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bertujuan bagi mengetahui kehidupan yang telah dilakukan oleh para remaja yang telah dilihat dari sudut kehidupan sosialnya dan juga ketakwaan kepada Allah S.W.T. Melalui

kajian ini, pengkaji telah menggunakan teks yang bertajuk *Menjaras Ribut* karya Darma Muhammad dan telah menfokuskan kepada pendekatan Moral. Tujuan utama pendekatan ini digunakan adalah bertujuan untuk melihat perkembangan islam dan juga wadah untuk meningkatkan lagi nilai ketakwaan kepada Allah. Dengan adanya penerapan nilai-nilai islam ini secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai panduan dalam menjadikan seseorang itu lebih baik dan juga bijak dalam melakukan segala perbuatan yang baik di sisi agama islam. Jelaslah disini bahawa dengan adanya novel ini, dapat menjadikan sebagai medium untuk menyebarkan nilai Islam kepada masyarakat yang lain agar dapat memberi manfaat kepada orang lain dan juga supaya dapat memahami dengan lebih meluas berkaitan dengan pengaplikasian kaedah berdasarkan huriaian tentang sesuatu kajian yang telah dilakukan.

Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad, Mohd Sharifudin Yusop (2015). Berdasarkan kajian yang bertajuk *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bertujuan bagi memberitahu kepada masyarakat luar berkaitan dengan betapa pentingnya cerita rakyat ini kepada masyarakat Melayu. Secara tidak langsung jika, kajian ini terus dijalankan sudah pasti dapat membuka mata masyarakat Melayu untuk memastikan jati diri yang terdapat di dalam masyarakat Melayu supaya lebih unggul. Kajian ini dijalankan kerana, bagi mengenal pasti dan juga membincangkan nilai dan juga jati diri yang terdapat di dalam diri setiap masyarakat Melayu. Bagi memantapkan lagi kajian ini pengkaji telah menggunakan Teori ekologi budaya. Jelaslah disini bahawa, dengan adanya cerita rakyat ini dapat menjadikan seseorang itu lebih mempunyai semangat jati diri yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Bin Che Yaacob (2022). Berdasarkan kajian yang dilakukan yang bertajuk *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu*. Masyarakat Melayu dengan cerita rakyat

merupakan saling berkait di antara satu sama lain dan tidak dapat dipisahkan. Terdapat banyak kisah-kisah yang terdapat di dalam cerita rakyat sangat jelas menunjukkan bkenaan dengan cara hidup masyarakat melayu dahulu. Malahan pada masa yang sama juga di dalam cerita rakyat ini tidak dinafikan banyak menyentuh berkenaan dengan nilai-nilai Islam kerana kebanyakkan orang terdahulu ramai yang beragama Islam. Melalui kajian ini pengkaji telah menggunakan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Pengkaji telah menggunakan Teori Takmilah kerana bersesuaian dengan tajuk kajian yang telah dilakukan. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif kerana melibatkan keperpustakaan dan juga teks. Terdapat banyak nilai-nilai murni yang dapat diperolehi berdasarkan teks 366 cerita rakyat Malaysia seperti taat dan juga bersyukur. Jelaslah disini bahawa, masyarakat melayu pada zaman dahulu telah mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam kalangan masyarakat bagi melahirkan insan ataupun individu yang berhati mulia.

Najihah Najmuddin (2023). Tajuk kajian ialah *Nilai-nilai Moral Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat nilai-nilai moral yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu melalui teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Di dalam kajian tersebut pengkaji telah mendapati bahawa berlaku kekurangan dalam kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas. Antara objektif kajian yang dilakukan di dalam kajian ini ialah mengenal pasti dan juga menganalisis nilai-nilai moral dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dan hanya menfokuskan kepada pendekatan moral. Selain itu pengkaji hanya menggunakan 20 buah sahaja cerita rakyat. Kajian ini telah menggunakan Kaedah kualitatif iaitu keperpustakaan dan juga analisis teks. Jelaslah disini bahawa, di dalam cerita-cerita

rakyat Melayu mempunyai banyak tauladan yang baik untuk dijadikan contoh dalam kalangan masyarakat melayu.

Mohd Firdaus Bin Che Yaacob, Nur Samsiah Mazlan, Nasirin Abdillah. *Tajuk kajian ialah Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu.* Naratif lisan ialah karya yang telah menjadi milik masyarakat, yang telah disebarluaskan dari mulut ke mulut, dan telah ada sejak zaman nenek moyang lagi. Di dalam kajian ini pengkaji juga sangat kaya dengan citra masyarakat dalam kehidupan masyarakat Melayu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan juga menganalisis citra yang terdapat di dalam masyarakat Melayu yang terdapat di dalam naratif lisan. Di dalam kajian ini telah menggunakan teks Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia untuk dijadikan bahan kajian. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ialah kualitatif iaitu keperpustakaan dan juga teks. Melalui kajian ini pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk memantapkan lagi analisis di dalam kajian. Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan naratif lisan sememangnya banyak berkait dengan adat, nilai bagi memastikan masyarakat Melayu semakin bertamadun di dalam kehidupan.

Mohd Firdaus Bin Che Yaacob & Muhammad Nur Al- Hakim Mohamad Hanafiah (2021) *Tajuk kajian ialah Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah.* Cerita Lisan merupakan sebuah cerita yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kita sejak dahulu lagi, dan perlu di jaga dengan baik sehingga ke hari ini. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini terdapat banyak cerita lisan yang sangat kaya dengan nilai-nilai murni bagi menggambarkan corak kehidupan dalam masyarakat melayu yang terdahulu. Terdapat dua objektif yang telah digunakan di dalam kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung di dalam cerita lisan. Seterusnya, di dalam kajian ini juga telah menggunakan teori Takmilah. Kaedah yang telah digunakan di dalam kajian ialah kualitatif iaitu keperpustakaan dan juga teks. Tujuan kajian ini

dijalankan untuk memberitahu kepada khalayak berkaitan dengan nilai-nilai kemanusiaan sebagai contoh baik hati, murah hati dan juga rendah hati.

Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik (2022) tajuk kajian ialah *Transkripsi Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*: Satu Analisis Nilai-nilai murni. Menerusi kajian ini telah membincangkan mengenai di dalam genre sastera telah banyak membentuk akhlak yang baik dalam sesebuah tamadun manusia. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan juga menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam puisi melalui transkripsi daripada cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Melalui kajian ini pengkaji hanya menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah kerana mempunyai nilai-nilai murni yang terdapat di dalam cerita rakyat terpilih. Pengkaji telah mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu di dalam kajian bagi memastikan sesuatu kajian berjalan dengan lancar. Kesimpulannya, berdasarkan kajian yang telah dilakukan adalah dapat memberi kesan yang besar kepada pembentukan budaya dalam kalangan masyarakat melayu yang boleh mengubah tingkah laku dan juga pertuturan kepada yang lebih baik.

Kajian Kepercayaan terhadap *Kisah Asal Usul Masyarakat Kampung Gajah: satu kajian naratif lisan* dilakukan oleh Nur Erievana Hassan pada tahun 2022. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui asal usul perkampungan lama yang telah berdiri di daerah kecil Perak di Kampung Gajah. Tujuan dari penelitian ini adalah untuk menganalisis berkaitan dengan kepercayaan dan pemahaman yang ada dalam diri penduduk kampung di dalam daerah kecil Kampung Gajah. Menerusi kajian ini pengkaji telah menggunakan Teori Sastera Budaya. Selain itu pengkaji juga akan menceritakan berkenaan dengan kesan cerita asal usul terhadap penduduk daerah kecil tersebut. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, dapat dilihat bahawa kepercayaan mengenai cerita asal usul

merupakan cerita yang telah membawa kepada asal dan telah diterima sejak turun temurun lagi. Selain itu, berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, telah dapat memberi penerokaan yang baru terhadap pengkaji yang ingin mengetahui berkenaan dengan kewujudan perkampungan yang kecil dengan sejarah lama yang kian pupus ditelan dek zaman. Namun begitu, disebabkan maklumat yang diperolehi, hasil daripada kajian telah dapat menarik minat orang ramai untuk lebih mengetahui berkaitan dengan naratif lisan ini.

Anis Nazurah Binti Md Karim (2023) *Pemikiran Penghibur lara dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu: Kelantan*. Kisah ini telah dinilai sebagai salah satu kisah benar telah dimanfaatkan sebagai platform untuk membentuk masyarakat agar lebih baik. Penelitian ini dilakukan untuk mengisi kelompongan yang yang telah ada berdasarkan kajian-kajian lepas. Objektif Kajian yang telah digunakan di dalam kajian ialah mengenal pasti pemikiran penghibur lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dan menganalisis pemikiran penghibur lara dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Menerusi kajian ini pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji ini telah menggunakan 24 cerita rakyat yang telah dipilih sahaja. Kaedah yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif menerusi kaedah kepustakaan, teks. Pengkaji telah menfokuskan kepada pendekatan masyarakat, pendekatan dakwah dan juga pendekatan moral. Kesimpulannya, berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini mendapat bahawa terdapat banyak pemikiran yang telah diterapkan berdasarkan kepada pemikiran penglipur lara dalam cerita rakyat yang telah banyak memberi pengajaran dan juga tauladan yang baik kepada masyarakat supaya dapat menjadikan mereka seseorang individu yang bertamadun.

Shaiful Bahri Md Radzi (2015) telah menjelaskan berkenaan dengan *SI Tanggang Moden Dan Perubahan Makna Dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka*. Motif anak derhaka ialah telah dikaitkan dengan kehidupan masyarakat kontemporari. Walaubagaimana pun, kes penderaan ibu bapa pada zaman sekarang semakin bertambah dapat dilihat melalui media masa dan juga media elektronik. Kerana pada zaman sekarang sangat canggih disebabkan oleh teknologi yang ada ini dapat menyebarkan segala maklumat yang baik terhadap orang ramai. Objektif kajian yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah, mengenal pasti dan juga menganalisis motif anak derhaka secara moden ini. Kaedah yang telah digunakan di dalam kajian ialah kualitatif iaitu keperpustakaan. Hasil daripada kajian yang telah dilakukan ini pengkaji telah dapat menjelaskan secara detail berkenaan dengan sikap seseorang manusia berdasarkan kehidupan seharian yang telah dilakukan oleh mereka.

Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbie' Sujud (2019) berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap *Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam kalangan kanak-kanak telah membincangkan berkaitan dengan watak-watak pemimpin yang terdapat di dalam cerita binatang*. Disebabkan terdapat sedikit kekurangan yang telah dilakukan di dalam kajian lepas oleh pengkaji terdahulu, diharapkan lebih banyak kajian yang telah dilakukan berkenaan dengan tajuk tersebut. Objektif kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah mengenal pasti elemen adab dan impak kepada masyarakat berdasarkan cerita yang telah ada. Pengkaji hanya menggunakan satu sahaja buku jenaka untuk dikaji iaitu Kisah Sang Kancil dan Memerang. Pengkaji telah memilih kaedah kualitatif sebagai menerapkan pendekatan Adab. Berdasarkan keseluruhan yang dapat dilihat berdasarkan penyelidikan ini ialah watak binatang yang berperwatakan seperti manusia dapat memberikan tunjuk ajar dan juga pengajaran kepada masyarakat.

Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah tajuk kajian ialah *unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu*. Terdapat perlbagai cara yang telah dilakukan oleh masyarakat Melayu bagi memperbaiki corak budaya dan juga struktur sosial. Di sebabkan terlalu banyak pandangan ataupun idea yang telah disumbangkan telah tercetusnya pelbagai idea yang menarik. Walaupun di dalam setiap percakapan tersebut mempunyai unsur sindiran, teguran dan pengajaran dan sebagainya. Selain itu, setiap cerita yang telah ada ditokok tambah dan bergantung kepada situasi golongan tersebut. Objektif kajian yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah, mengenal pasti dan menganalisis ritual sumpahan yang terkandung dalam cerita-cerita lisan melayu. Menerusi kajian ini pengkaji telah menggunakan Teori Budaya dan hanya menggunakan 12 sahaja cerita lisan melaya yang telah dipilih secara rawak untuk dijadikan bahan kajian berdasarkan koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia sahaja. Jelaslah disini bahawa, di dalam kajian ini bukan sahaja boleh mendidik malah dapat menarik masyarakat tempatan agar mengeluarkan idea-idea yang kreatif dan boleh dijadikan sebagai salah satu tempat Pendidikan.

Muhamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid & Samsilah Roslan (2015) berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh mereka yang bertajuk *Penghayatan Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini*. Apa yang dapat dilihat di dalam kajian ini ialah, terdapat banyak perkara yang melibatkan permasalahan sosial yang melibatkan golongan remaja semakin banyak pada hari ini. Seterusnya di dalam kajian ini juga ada menceritakan berkenaan dengan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah pada masa sekarang. Pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian tinjaun sebagai salah satu cara bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Di samping itu, pengkaji juga hanya mengkaji data-data yang diambil melalui soal selidik sahaja yang melibatkan pelajar sekolah menengah terpilih sahaja di semenanjung Malaysia. Hasil daripada kajian tersebut, terdapat nilai murni yang diketahui dalam kalangan pelajar sekolah tetapi hanya berada pada peringkat rendah sahaja.

Fifi Rinyuk (2017) di dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Kaum Bidayah*, Serian telah membincangkan mengenai kajian sastera yang terdapat di Sarawak iaitu nilai-nilai moral yang telah terdapat di dalam certa rakyat kaum Bidayuh itu sendiri. Apa yang dapat dilihat permasalahan yang telah berlaku di dalam kajian ini ialah kurang pengkaji-pengkaji terdahulu mengkaji berkenaan dengan tajuk kajiann ini. Tujuan utama kenapa ingin mengkaji cerita rakyat Bidayuh ialah kerana ingin mengetahui dengan lebih tepat lagi berkaitan dengan nilai-nilai murni. Batasan kajian yang telah dapat dikenal pasti ialah masyarakat bidayuh merupakan terdiri daripada etnik bukar ataupun sadong. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif kerana telah mendapatkan maklumat di perpustakaan dan juga menganalisis teks. Berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan terdapat sistem Pendidikan yang boleh diterap di dalam diri seorang bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai hati yang baik dan juga dapat menyebarkan sastera rakyat bidayuh ini supaya tidak ditelan dek zaman kelak.

Ahmat Adam (2016), berdasarkan kajian yang telah dilakukan di dalam *buku Sulalatus Salatin yang berkaitan dengan kisah mitos ataupun sejarah Hang Tuah di dalam Historiografi Malaysia*. Untuk pengetahuan semua buku tersebut telah ditulis pada abad ke 16-17 masihi. Sebenarnya karya asal telah ditulis secara lisan dan telah menjadikan buku sejarah dan juga kebudayaan bahasa melayu sebagai rujukan. Terdapat objektif yang dilakukan di dalam kajian ini ialah, membincangkan tentang teks Melayu yang belum pernah dikritik oleh mana-mana tokoh. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu keperpustakaan dan juga menganalisis teks. Jelaslah disini bahawa, hasil daripada dapatan kajian yang telah dilakukan ini telah mendapati bahawa sejarah melayu merupakan salah satu sumber yang boleh dipercayai.

Ahmad Sahlan Abdul Halim & Rosmawati Mohamad Rasit (2015) telah mengkaji berkenaan dengan tajuk hubungan *Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Melalui Kesenian Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah*. Terdapat juga masalah yang telah berlaku di dalam kajian penerapan nilai-nilai murni melalui kesenian yang telah dilaksanakan untuk menjalankan aktiviti dakwah yang hanya melibatkan pelajar sekolah sahaja. Manakala objektif Kajian yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah mengenal pasti hubungan pelaksanaan aktiviti dakwah melalui kesenian malahan pada masa yang sama juga dapat menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar. Pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian tinjauan sebagai salah satu cara bagi menyokong segala yang berkaitan dengan nilai-nilai murni melalui kesenian dalam aktiviti dakwah. Akhir sekali, berdasarkan kajian yang telah dilakukan pengkaji telah mendapatkan aktiviti dakwah yang telah dilaksanakan melalui kesenian di dalam kalangan para pelajar sekolah dengan ini secara tidak langsung dapat menyebarkan kepada unsur nilai, malahan pada masa yang sama juga, dapat menjadikan seseorang pelajar itu berfikiran secara matang.

Siti Zuhaidah Zakaria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) dalam kajiannya yang bertajuk *Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak bagi memberitahu kepada anak-anak amalan yang terhakis akibat daripada kepesatan negara*. Seterusnya, objektif kajian yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis unsur yang terdapat di dalam budaya berdasarkan cerita rakyat kanak-kanak. Menerusi kajian ini pengkaji hanya menggunakan beberapa sahaja cerita yang terpilih untuk dijadikan bahan kajian. Kaedah yang telah digunakan di dalam kajian ialah kualitatif. Secara kesimpulannya, unsur budaya sangat banyak dengan unsur-unsur pengajaran yang boleh dijadikan contoh dan juga panduan di dalam diri seseorang.

Noviatin Syarifuddin (2016) telah mengkaji berkenaan dengan *Manifestasi Lagenda Kepahlawanan Monsopiad Sebagai identiti Etnik Kadazandusun: citra Dari kacamata Pribumi Penampang, Sabah*. Apa yang telah dibincangkan di dalam kajian ini ialah berkaitan dengan penerokaan dan juga pemahaman Lagenda Monsopiad berdasarkan daripada apa yang penduduk setempat faham. Hal ini dikatakan demikian kerana, kepahlawan Monsopiad yang telah diceritakan dari zaman ke zaman tersebut telah menyimpan barang dan juga tangkai peninggalan Monsopiad untuk memastikan kehormonian keluarga dan kesuburan padi apabila bercucuk tanam. Jelaslah disini bahawa, tema budaya juga telah diguna pakai untuk mensrtukan semula persoalan berkenaan dengan budaya etnik kadazandusun.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusof & Muammar Gdadhaffi Hanafiah (2015), telah mengkaji berkenaan dengan *impak Media baharu terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia*. Melalui kajian ini pengkaji telah menekankan berkaitan dengan nilai- nilai murni kemasyarakatan yang telah terdapat di negara Malaysia. Manakala Objektif yang telah digunakan di dalam kajain ini pula ialah mengkaji perubahan sistem nilai melayu kini akibat daripada perkembangan teknologi yang berkembang semakin pesat. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif seperti ke perpustakaan dan juga teks. Teori yang digunakan di dalam kajian ini ialah Modernisasi bagi menerangkan perkara yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat yang dipenuhi dengan teknologi. Akhir sekali, berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, terdapat nilai melayu pada masa sekarang dan juga lebih rendah berbanding dengan pengkaji yang melihat nilai masyarakat melayu sendiri kerana mempunyai jati diri yang tinggi dalam diri seseorang individu.

Tajuk kajian *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Rakyat hasil koleksi dari Kumpulan Zakarian Hitam* ditulis oleh Mohd Azrul Deraman (2015). Dengan menggunakan buku ini, pengkaji akan membuat penelitian terhadap sepuluh buah cerita rakyat Pahang yang

ditulis oleh Zakaria Hitam berlangsung pada tahun 1972–1981. Menentukan nilai-nilai kemanusiaan koleksi Pak Zakaria menjadi tujuan penelitian ini. Teori yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah Teori Humanisme di mana teori ini lebih tertumpu kepada bentuk percakapan yang memiliki perkara baik dan disampaikan dalam khalayak. Koleksinya menunjukkan bahawa ia menjelaskan banyak hal tentang proses memanusiakan manusia melalui teknik-teknik pendidikan, yang dianggap tepat menerusi pemahamannya. Pendekatan yang digunakan kualitatif. Setelah membaca penelitian ini, pengkaji mendapati bahawa tujuan kajian ini untuk mengajarkan prinsip-prinsip moral, seperti memiliki sikap rajin dan melakukan sesuatu yang baik kepada orang ramai.

Seterusnya kajian berkaitan dengan “*Mengungkap Rahsia Mistik Kehidupan Etnis Murut Paluan dalam Mitos Tumbuhan*” yang ditulis Jacquekina Karimon dan Shaiful Bahri Mohd Radzi pada tahun (2021). Seterusnya menceritakan berkaitan dengan beberapa cerita rakyat yang ada kaitannya dengan mitos utama tumbuhan pokok Paluon, khususnya yang ditulis oleh Aki Kinapuno. Kisah tersebut menggambarkan Aki Kinapuno memiliki beberapa kelebihan seperti dapat melimpahkan air daripada air mata yang memiliki kemampuan untuk mendinginkan bumi. Setiap tumbuhan yang telah ada memiliki jiwa yang peka terhadap kejahanatan manusia. Oleh disebabkan itu, masyarakat Murut Paluan ketika itu mengangkat kejadian tersebut sebagai satu kesalahan perilaku manusia yang menjadikan sesetengah tumbuhan tidak berbuah. Rentetan daripada kejadian itu, Aki Kinapuno akan melakukan korban terhadap penghuni langit lain sebagai tanda memujuk semangat tumbuhan suci yang hilang.

Muhammad Qawiem Hamizah, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) dalam pemerhatian yang bertajuk *Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat untuk Melayu Sarawak untuk persembahan Teater adalah membincangkan kepada pelaksanaan inovasi dalam sesebuah karya bagi satu usaha mengekalkan*

*tradisi lisan*. Objektif yang digunakan di dalam kajian ini ialah, menganalisis elemen sinografi dalam pementasan iaitu Readers Theaters. Kajian ini hanya membataskan kepada cerita rakyat Sarawak. Antara karyanya ialah Kisah Ular Sawa Dan Lelaki Yang Sesat dan kisah Burung Keranda sebagai cerita yang diinovasikan dalam acara pementasan teater. Kajian ini telah dilaksanakan menggunakan kualitatif. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini juga, pengkaji telah mendapati bahawa pementasan merupakan satu acara yang membantu dalam mencapai matlamat kepada penonton dalam menyampaikan cerita lisan.

Ani Haji Omar (2017) telah mengkaji berkenaan dengan *Cerita Kanak-Kanak Berunsur Mitos, Legenda dan juga Sejarah Membina Kecerdikan Murid-Murid Sekolah dalam Hospital*. Melalui kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kepada tiga unsur utama iaitu bidang kesusasteraan iaitu kreativiti, seni bahasa dan juga fenomena kehidupan. Permasalahan yang berlaku di dalam kajian ini ialah, dapat dibuktikan melalui karya berunsur histografi untuk menjelmakan pengalaman yang baru. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis kepentingan dan juga memahami unsur sejarah, mitos dan juga lagenda yang terdapat di dalam cerita rakyat. Kajian ini membataskan hanya kepada lima buah buku cerita rakyat sahaja iaitu puteri Gunung Ledang, Perang Melaka, Pahlawan Rimba, Umang dan Entimuk dan Kejuang. Kesimpulannya, cerita-cerita yang berunsur sejarah, mitos dan juga legenda boleh dijadikan sebagai medium dalam pembelajaran sastera. Ia juga boleh dilakukan mempertingkatkan perbendaharaan kata dan susunan ayat yang tepat dan boleh meningkatkan lagi kefahaman murid-murid terhadap apa yang terdapat dalam karya sastera.

Kajian ini dijalankan oleh Nurul Afiqah Zulkefli (2023) yang bertajuk *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bertujuan bagi mengenal pasti dan menganalisis unsur mitos yang terkandung dalam

teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini dilakukan kerana terdapat kekurangan kajian lepas mengenai unsur mitos, di sebabkan itulah pengkaji telah melakukan kajian ini dengan lebih mendalam dengan menghuraikan keseluruhan berkaitan dengan " Unsur mitos yang terdapat di dalam teks yang ingin dikaji dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu". Kaedah ini telah menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu kerana teori tersebut merupakan salah satu cabang kesusastraan Melayu yang telah mencerminkan sikap dan juga nilai kebudayaan Melayu itu sendiri bagi melambangkan sesuatu bangsa.

Kajian yang telah dilakukan oleh, Siti Munirah Sayuti (2023) yang bertajuk *Unsur Islam dalam cerpen Antologi Sejadah Ibadah Karya Radzemah Bolhassan Satu pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi mempertingkatkan lagi nilai ketakwaan kepada Allah S.W.T. Penyataan masalah yang terdapat dalam kajian ialah, terdapat segelintir masyarakat yang mengalami masalah sosial. Objektif kajian ialah untuk mengenal pasti unsur Islam yang terdapat di dalam cerpen Antalogi Sejadah Ibadah karya Radzemah Bolhassan dan untuk menganalisis masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan sehingga mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT. Metode kajian yang digunakan kaedah kualitatif dan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menfokuskan kepada pendekatan keagamaan. Menerusi kajian ini, telah mendapatkan bahawa sikap manusia itu sendiri dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dalam menyucikan diri mengikut tuntutan yang telah diamanahkan oleh sang pencipta.

### 2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya sastera.

Zaitun Hassan (2015) telah membuat kesimpulan terhadap karya yang dikaji iaitu *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Masyarakat Melayu*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti

dan menganalisis Penggunaan elemen semula jadi dalam sebuah novel yang telah dikarang oleh Osman Ayob. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis dan juga menjawab segala persoalan yang telah dikaitkan dengan gambaran alam yang semula jadi seperti yang telah digambarkan di dalam novel. Teori yang telah digunakan di dalam kajian ialah Pengkaedahan Melayu. Oleh itu berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini, dapat dirumuskan bahawa pengkajian yang telah dilaksanakan adalah sangat berkualiti tinggi.

Nur Safiah (2020) telah menjelaskan bahawa di dalam kajian beliau yang mempunyai nilai-nilai keislaman menerusi cerpen *Melamar Rindu* oleh Ayob Melalui pendekatan dakwah yang telah digunakan di dalam kajian dengan menggunakan dakwah islamiah. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti serta menganalisis unsur dakwah menerusi cerpen melamar rindu. Teori yang telah diaplikasikan di dalam kajian ini ialah teori Pengkaedahan Melayu dan menfokuskan kepada pendekatan dakwah yang diceritakan amat sesuai digunakan untuk memastikan kajian ini berjalan dengan lancar. Halijah Johari, Norshahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) melalui kajian yang telah dilakukan iaitu mengkaji cerpen *Melamar Rindu* dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan bagi mengenal pasti serta menganalisis unsur dakwah yang terdapat di dalam cerpen tersebut. Teori yang digunakan di dalam kajian ialah pengkaedahan Melayu dan menekankan kepada pendekatan dakwah yang telah digunakan oleh pengkaji bagi memastikan tujuan yang ingin dicapai berjaya. Jelaslah disini bahawa ketiga-tiga cerpen tersebut telah menggunakan pendekatan dakwah yang telah diceritakan amatlah sesuai untuk digunakan sebagai penguat kepada kajian yang telah dijalankan.

Othman, Mastura (2022) telah mengkaji berkenaan dengan *nilai kemanusiaan yang telah terdapat di dalam novel Strengenge yang dapat memberikan sumber tauladan kepada masyarakat melayu*. Objektif yang digunakan di dalam kajian ialah, untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam novel

tersebut. Melalui kajian yang dilakukan ini, pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Namun begitu novel yang genre seperti ini tidak mendapat sambutan dalam kalangan pembaca kerana terdapat segelintir remaja lebih suka membaca novel-novel yang menggambarkan tentang pencintaan. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif. Walaupun kurang menarik minat golongan remaja akan tetapi ia tetap mengandungi unsur-unsur nilai murni yang patut dicontohi oleh semua orang.

Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan oleh, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016). Kajian ini telah membincangkan mengenai *kepentingan nilai baik hati yang tertanam dalam cerita rakyat melayu*, telah memberi kesan kepada masyarakat melayu. Selain itu, pengkaji telah menggunakan pendekatan deduktif dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk mengenal pasti dan juga menganalisis nilai budi yang terdapat di dalam cerita Melayu. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk menunjukkan bagaimana kisah-kisah ini kaya dalam menggambarkan nilai-nilai positif, Hasil daripada kajian telah menunjukkan bahawa teori Pengkaedahan Melayu ini sangat sesuai bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Jelaslah, dengan adanya kajian ini secara tidak langsung dapat menggunakan cerita rakyat sebagai sebagai medium untuk mendidik dan juga memastikan akhlak yang baik dalam kalangan masyarakat.

Selanjutnya kajian yang telah dilakukan oleh Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016) yang bertajuk *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka, telah membincangkan mengenai kelangsungan hidup oleh binatang yang telah tinggal di dalam hutan*. Terdapat kelompongan yang telah berlaku di dalam kajian lepas menyebabkan kajian ini dilaksanakan. Dengan adanya kajian ini, dapat mengetahui dengan lebih jelas berkaitan dengan alam dan juga budaya. Objektif kajian ini ialah, mengenal pasti cara hidup kebudayaan masyarakat Melayu

menganalisis aspek interaksi sosial untuk membongkarkan isu kemasyarakatan serta proses sosial. Manakala di dalam bahagian Batasan kajian pula pengkaji telah mendapati kajian yang terbatas terhadap cerita Hikayat Pelanduk Jenaka Sahaja. Hasil kajian telah mendapati bahawa cara hidup masyarakat Melayu dapat ditingkatkan dengan adanya nilai ketakwaan dalam mencegah kemungkaran.

Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dalam kajian yang bertajuk *Faktor dan kesan Muntab Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehani: Satu penelitian Takmilah*. Kajian ini dilakukan untuk meneliti isu murtad yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu boleh memberikan impak yang negative terhadap masyarakat. Murtad adalah salah satu perbuatan yang melibatkan akhlak dan juga akidah seseorang yang beragama Islam telah meninggalkan agama. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menjelaskan konsep-konsep agama islam seperti dakwah dan juga khalifah seperti yang terdapat di dalam novel Tuhan Manusia hasil karya Faisal Tehrani (2007). Objektif kajian yang telah digunakan ialah mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor seseorang menjadi murtab. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah menganalisis teks dan keperpustakaan. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Takmilah yang menggunakan prinsip-prinsip Islam. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk memberi tunjuk ajar serta menegur segala perbuatan masyarakat yang mengambil ringan akan agama Islam.

Kajian telah dilakukan berdasarkan sorotan kajian yang telah dilakukan oleh Muhammad Izzat Farhan (2021) yang bertajuk *kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan merumuskan mengenai citra masyarakat* yang terdapat di dalam novel remaja tersebut. Kajian ini telah dilakukan kerana terdapat kelompongan yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas oleh para sarjana yang memberi penekanan terhadap aspek persepsi masyarakat yang selalu berubah. Objektif yang telah digunakan di dalam kajian ini ialah, bermatlamatkan

mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan unsur kedinamikan citra masyarakat yang terdapat di dalam novel remaja. Melalui kajian yang dilakukan ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada cerita rakyat yang bertajuk *Bening Mata Seorang Dia* Karya Adnie Bahiah, *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani dan *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Kaedah kualitatif telah digunakan di dalam kajian ini dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai wahana bagi menghasilkan penyelidikan yang tepat dan jelas. Secara umum, pengkaji telah melihat kehidupan masyarakat sangat bermanfaat dengan menggunakan buku-buku yang dipilih.

Sorotan kajian yang telah dilakukan oleh Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humaira Mohd (2020) yang bertajuk *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah* telah merumuskan mengenai perkara-perkara yang telah terjadi dalam kehidupan seseorang melalui wacana Islam saat menerusi cerpen. Menerusi kajian ini, Penelitian ini dilakukan karena adanya kelompongan yang ditemukan pada penelitian-penelitian sebelumnya. Tujuan penelitian ini adalah bermatlamatkan untuk mengenalpasti dan menganalisis penggunaan unsur dakwah serta melihat kebenaran yang terdapat di dalam cerpen *Melamar Rindu* yang bersandarkan sumber Al-Quran. Batasan kajian yang didapatkan adalah dengan menggunakan buku daripada kumpulan cerpen *Melamar Rindu* berdasarkan cerpen *Gangguan*, *Menimba Penawar* serta *Doanya Termakbul*. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu bagi memastikan kajian berjalan dengan lancar. Secara kesimpulanya, pengkaji telah mendapati bahawa teks yang dipilih ini sangat sesuai digunakan kerana mempunyai unsur-unsur dakwah islamiah yang sangat berkesan dalam melahirkan masyarakat mempunyai kebolehan yang tinggi pada masa akan datang.

Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan MOhd Hanafiah (2019) berdasarkan kajian yang bertajuk *Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Pelita*

*Nurani* telah membincangkan berkaitan dengan kemiskinan dan juga penindasan yang telah berlaku dalam kalangan akibat kemelesetan ekonomi dan hak ketidaksamaan dalam mendapatkan kekayaan hasil ekonomi. Objektif kajian yang digunakan adalah Menentukan dan mengkaji pemikiran Islam dalam konteks sosial ekonomi dengan menggunakan Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Di dalam kajian ini telah menceritakan perkara yang disebutkan di dalam cerpen *Aku Belum Mati* apabila kezaliman telah dilakukan oleh pemimpin Yahudi yang telah menyeksa rakyat palastin. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji telah mendapat bahawa peristiwa yang telah berlaku di dalam telah memberi kesan yang mendalam dalam kehidupan seseorang.

Norzatul Iqma Mohd Noor (2020) berdasarkan pengamatannya iaitu *Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih Di Malaysia: Satu Pengaplikasian kajian yang berfokuskan unsur seni merupakan unsur yang memiliki keindahan yang sukar digambarkan*. Penelitian ini adalah bertujuan mengidentifikasi nilai-nilai Melayu yang ada pada nilai-nilai Melayu yang dipilih. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai salah satu sumber utama dalam meneliti drama *Setia Hujung Nyawa* dan *Teduhan Kasih*. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif. Dengan demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat kepada nilai kemelayuan yang ada pada drama terpilih ini ialah nilai tabah, nilai kepimpinan, nilai memelihara dalam adat dan budaya.

Nur Syuhada Binti Md Ariffin & Kamariah dan kamaruddin (2017) dalam kajian bertajuk *Personaliti Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali dalam novel Tuhan lebih Saintifik* karya Farhan Hadi membincangkan personaliti yang ada pada Al-Ghazali menerusi perwatakan terpuji dan tidak terpuji. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis personaliti Islam dalam novel *Tuhan Lebih Saintifik* karya Farhan Hadi. Pendekatan Sosiologi dan Teori Pengkaedahan Melayu digunakan bagi membantu

analisis kajian. Berdasarkan kajian yang dilakukan, perwatakan terpuji dapat dibahagikan kepada empat perkara iaitu sabar, reda, tafakur dan syukur. Seterusnya, perwatakan tidak terpuji dilihat sebagai marah, hasad dengki dan takbur. Kajian ini menceritakan tentang sinopsis *novel Tuhan Lebih Saintifik* menerusi konflik keyakinan yang telah ada dalam watak utama novel Dr. Donald yang merupakan seorang ahli akademik Malaysia berbangsa India. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat konflik kepercayaan Dr. Donald yang telah berlaku pada ketika beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat Dotor Falsafah dalam bidang anatomi di Australia dan meneruskannya ke England.

Selanjutnya, Sorotan kajian yang dilaksanakan oleh Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) dalam penelitiannya iaitu *Nilai kepahlawan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang berdasarkan kepada bentuk falsafah, sosiobudaya berdasarkan kajian-kajian lepas*. Tujuan utama objektif ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen kepahlawanan yang terdapat di dalam cerita Tangon. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah kuantitatif iaitu kajian lapangan dan temubual. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, kajian terbatas yang dijumpai dalam cerita rakyat (tangon) yang telah mengambarkan tentang suku Kimaragang seperti Si Ganuk, ih Sambarak Om Tasu dan Si Dampayak pakou dengan menggunakan kaedah kualitatif yang memerlukan analisis terhadap teks dan penelitian dari segi rujukan keperpustakaan. Teori yang digunakan di dalam kajian ini ialah Pengkaedahan Melayu kerana bersesuaian dengan dengan aspek kepahlawanan yang telah ada di dalam cerita rakyat (tangon). Secara keseluruhanya, kajian ini sangat penting dalam mengklasifikasikan komponen kepahlawanan yang terdapat di dalam masyarakat ini bagi memperoleh kehidupan yang harmoni, aman, sejahtera dan tidak mendatangkan kemudarat kepada orang lain.

Nik Noorafifah Binti Roziman & Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020) dalam kajian yang bertajuk *Struktur Dinamik Tangan-Tangan Yang Tinggal Oleh Siti Jasmin Ibrahim*. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti serta menganalisis struktur dramatik menerusi karya Siti Jasmina. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif dan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang merujuk kepada pendekatan kemasyarakatan. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, adalah untuk membincarakan mengenai tema dalam skrip Tangan-Tangan Yang Ditinggal dengan mengeluarkan temanya iaitu tema keinsafan, tema berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) yang bertajuk *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* telah membincangkan berkenaan nasihat -nasihat yang telah terdapat di dalam Surah Luqman dijadikan sebagai proses Pendidikan dan juga perkembangan awal sahsiah kanak-kanak. Kajian ini dijalankan kerana kerana terdapat kelompongan menerusi *novel Ayahanda* yang telah dilakukan oleh pengkaji yang terdahulu. Objektif yang terdapat di dalam kajian ini ialah, mengenal pasti dan menganalisis Pendidikan anak-anak yang berpandukan Surah Lukman. Kajian ini hanya menggunakan *novel Ayahanda* karya Haji Abdullah. Kaedah yang digunakan adalah kualitatif iaitu rujukan keperpustakaan dan teks. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan Kemasyarakatan sebagai kerangka menganalisis. Berdasarkan kajian yang dilakukan telah mendapatkan bahawa al-Quran telah dijadikan sebagai landasan kepada Pendidikan untuk mengimbangi aspek rohani dan juga jasmani dalam diri masing-masing.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) telah mengkaji berkaitan dengan penerapan *Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu telah membincangkan berkaitan dengan nilai-nilai murni dengan menggunakan cerita rakyat

untuk dijadikan alat Pendidikan kepada masyarakat, pengkaji telah melaksanakan kajian kerana terdapat kelompongan yang telah berlaku berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas. Objektif yang digunakan di dalam kajian ini ialah, mengenal pasti dan menganalisis nilai keadilan dan kasih sayang. Cerita kasih sayang menerusi nilai kasih sayang iaitu cerita rakyat *Nakhoda Haloba, Batu Belah Batu Bertangkup* dan juga *puteri Pucuk Ketupang* telah dibataskan di dalam kajian ini. Manakala, menerusi nilai keadilan pula dapat dilihat melalui cerita rakyat *Awang Selamat,Kacang Dan Telur Ayam* dan *Puteri Kelapa Gading*. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan data yang tepat dan juga lebih terperinci. Hasil kajian yang dilakukan ini, pengkaji telah mendapati bahawa cerita rakyat ini mempunyai nilai murni yang berfungsi sebagai pengajaran supaya dapat menjadi iktibar dalam kehidupan masyarakat.

Noraini Abd Shukor (2016) Melalui kajian yang dilakukan yang bertajuk *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat* membincangkan berkaitan dengan unsur alam yang telah menjadi tanda dalam kehidupan masyarakat Melayu. Terdapat kelompongan yang telah berlaku di dalam kajian pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan peribahasa. Objektif yang digunakan di dalam kajian ini ialah menganalisis makna tanda unsur alam serta peranan unsur air dan padi dalam kehidupan orang Melayu. Penyelidikan ini hanya membataskan kepada buku peribahasa Melayu: Penelitian Makna Dan Nilai. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan Firasat. Hasil daripada kajian ini telah mendapati bahawa makna tanda pada peribahasa ini dapat mengawal masyarakat agar mempunyai nilai dan norma dalam kehidupan seseorang manusia.

Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018) Menerusi kajian yang bertajuk *Hikayat Nabi Adam: Satu kajian Teks Dan Analisis Berdasarkan Teori Pengkaedahan*

*Keagamaan* yang telah membincangkan berkaitan dengan riwayat hidup dan sejarah asal usul kejadian nabi Adam. Kajian ini dilakukan kerana terdapat kelompongan yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas. Kajian ini dilakukan adalah untuk menyempurnakan kelompongan daripada kajian tersebut dengan menggunakan teks manuskrip Hikayat nabi Adam yang belum dikaji oleh mana-mana pengkaji. Objektif yang digunakan didalam kajian ini ialah, menganalisis sejarah asal usul nabi Adam dan nilai-nilai Islam yang terkandung pada teks yang bertepatan dengan ajaran al-Quran dan hadis. Kajian ini hanya terbatas terhadap teks manuskrip Hikayat Nabi Adam. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif bagi menyempurnakan lagi kajian dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi konsep dakwah. Hasil daripada kajian ini, pengkaji telah mengetahui bahawa teks ini dapat dijadikan sebagai garis panduan dalam menjalankan kehidupan seharian dalam kalangan masyarakat.

Selanjutnya, Md Sabri dan Siti Norsyahira (2022) dalam *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral*. Kajian utama kajian ini adalah untuk dijadikan bahan pengajaran, medium moral dan juga pengajaran. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ialah kualitatif dan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu Pendekatan Moral. Unsur didaktik telah berjaya mengangkat nilai moral dalam kalangan masyarakat. Melalui perspektif sintesis terdapat kekuatan dan kelemahan kajian literatur daripada Md Sabri dan Siti Norsyahira (2022) dalam Unsur Didaktik dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan dengan kajian yang dihasilkan oleh pengkaji iaitu kontradikasi Aspek Didaktik Dalam Puisi Terpilih Usman Awang: kajian daripada Teori Semiotik. Kekuatan yang terdapat dalam kajian literatur ini berbanding kajian yang dihasilkan pengkaji adalah ianya berteraskan penggalian cerita rakyat yang terdapat di Kelantan mempunyai nilai murni yang sangat tinggi terutamanya berkenaan dengan tokoh-tokoh yang hebat dalam dunia sastera sebalinya kajian yang dihasilkan oleh pengkaji menyentuh

mengenal sasterawan negara iaitu Usman Awang dalam usaha untuk mengangkat nilai yang ada dalam karyanya.

A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini telah membincangkan berkaitan dengan *jati diri Melayu dalam kumpulan puisi A.Aziz Deraman* iaitu Suara Gunung kehidupan dan Gelora Nurani. Malahan, kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif dengan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil rumusan kajian ini, telah mendapati bahawa jati diri kemelayuan yang dipamerkan oleh A. AZIZ Deraman dalam puisinya berperanan sebagai iktibar, peringatan serta nasihat yang dapat memberikan manfaat dan kebaikan.

Seterusnya, Muhamad Fadzil bin Yusoff (2012) telah mengkaji *Kosmologi dalam puisi-puisi Zurinah Hassan*. Kajiannya telah membincangkan mengenai puisi-puisi zurinah Hassan yang memberi penekanan terhadap unsur-unsur kosmologi yang terdapat di dalamnya. Penekanan telah dilakukan melalui kosmologi biotik dan kosmologi abiotik. Objektif yang digunakan di dalam kajian ini ialah, mengenal pasti unsur-unsur kosmologi biotik dan abiotic yang telah terdapat di dalam puisi-puisi zurinah Hassan, Menganalisis unsur-unsur kosmologi biotik dan kosmologi abiotic dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dan terakhir menginterpretasi falsafah dan pemikiran alam berdasarkan puisi-puisi Zurinah Hassan penanda Kosmologi. Kaedah yang digunakan ialah kualitatif. Teori yang digunakan di dalam kajian ini ialah Pengkaedahan Melayu dan menerapkan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Hasil daripada daptan kajian ini, telah mendapati bahawa melalui puisi-puisi Zurinah Hassan ini telah telah membuktikan mengenai peranan serta sumbangan penting Zurinah Hassan berdasarkan dunia sastera Melayunya.

Menerusi Kajian Hadijah Johari, norshahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) dalam *kajian Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dakwah Islamiah*. Kajian ini dilakukan terhadap 18 buah cerpen yang telah dikumpulkan oleh Osman Ayob selaku

penulis di dalam *Cerpen Melamar Rindu*. Objektif yang digunakan di dalam kajian ini ialah, Mengenal pasti, menganalisis dan menilai unsur dakwah islamiah yang terdapat di dalam *cerpen Melamar Rindu* dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu pendekatan Dakwah. Hasil daripada kajian ini telah mendapati bahawa, dengan adanya unsur dakwah islamiah ini secara tidak langsung dapat menjadikan seseorang itu lebih berbanding dari sebelumnya.

Syaidul Azam Kamarudin (2017) dalam kajiannya yang bertajuk *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A.Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menganalisis jati diri yang terdapat di dalam puisi karya A. Aziz Deraman sebagai contoh “*Suara Gunung*” dan juga “*Gelora Nurani*”. Jati diri seseorang sangatlah penting kerana telah menjadi cerminan diri masyarakat Melayu kepada orang luar. Sepatutnya semua pihak haruslah cakna dan juga patut memberi perhatian terutamanya dalam polimik yang sangat mencabar pada masa kini bagi menjadikan sesuatu bangsa yang lebih baik. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Berdasarkan apa yang difahami oleh pengakaji telah mendapati terdapat tiga aspek iaitu agama, jati diri dan juga budaya. Berdasarkan apa yang telah dilakukan oleh pangkaji dengan menggunakan puisi A. Aziz telah mendapati bahawa terdapat banyak iktibar dan juga peringatan yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan agar menjadi lebih baik.

Abdul Rahim & Nurul Safiah (2020) berdasarkan kajian yang bertajuk Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi *Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu telah membincangkan mengenai apakah yang telah terkandung di dalam sajak yang mengambarkan realiti sikap kepahlawanan yang mengandungi pelbagai pengajaran. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk melihat kelompongan yang telah dilakukan melalui kajian lepas yang telah dijalankan sebelum ini. Objektif yang

digunakan di dalam kajian ini ialah, mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kepahlawanan menerusi sajak Suara Wirawan Negara Bangsa. Kajian ini hanya membataskan kepada penulisan Ramlie Abdul Halim iaitu antologi Suara Wirawan Negara Bangsa dengan menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu bagi mendapatkan data-data yang betul dalam menganalisis. Hasil daripada kajian yang dilakukan telah mendapat bahawa nilai-nilai kepahlawanan yang terkandung di dalam sajak ini mempunyai unsur pengajaran dan telah dijadikan sebagai wadah untuk membentuk norma masyarakat.

Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020) berdasarkan Syair yang dikaji yang bertajuk *Suka Duka Dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan* telah membincangkan berkaitan dengan naskah syair yang sangat kaya dengan nilai-nilai islam di dalamnya. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengisi kelomongan daripada kajian lepas menerusi pengisian Agama Islam. Objektif kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah, mengenal pasti dan menganalisis Syair Suka Dalam Pelayaran ke Mekah berpandukan unsur dakwah. Kajian ini hanya membataskan kepada satu naskah sahaja iaitu "Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah" dengan menggunakan kualitatif dan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu yang berpaksikan Pengkaedahan Keagamaan menerusi pendekatan dakwah bagi memantapkan lagi kajian yang telah dilakukan dengan lebih kemas dan mendalam. Rumusan kajian ini dapat dilakukan ialah nilai-nilai keagungan Allah serta kebesaran Islam yang disebarluaskan kepada masyarakat.

Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018) melalui kajian yang bertajuk *Introspeksi Dalam 77 Tuju: Siri Ingatan kepada kawan* membincangkan tentang pemandangan kepada "introspeksi" yang berkait rapat dengan pemikiran Melayu sebagai proses pencerminan diri. Terdapat kelomongan yang telah berlaku terhadap kajian terdahulu yang mendorong kajian ini dilakukan. Objektif kajian yang digunakan di dalam kajian ini

ialah mengenal pasti sosok keperibadian Rasullah yang memperlihatkan introspeksi, menganalisis introspeksi intonasi pengucapan puisi pengarang menerusi metafora dan diksi. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah Kualitatif dengan merujuk kepada perpustakaan dan menganalisis teks. Kajian ini juga telah membataskan kepada ungkapan “instrospeksi” yang telah terdapat di dalam setiap puisi yang dikaji karya Zaen Kasturi iaitu 77 Tuju: Siri ingatan kepada kawan dengan menggunakan pendekatan dakwah bawah teori Pengkaedahan Melayu. Rumusan kajian yang dapat dilakukan telah menemukan amanat yang telah disampaikan dan telah membawa pada laluan introspeksi yang sarat di dalam puisi.

Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018) berdasarkan tajuk *kajian ialah Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks Dan Analisis Berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu* membincangkan tentang riwayat hidup dan juga asal usul tentang kejadian nabi Adam. Disebabkan telah berlaku kelompongan mengenai teks manuskrip Hikayat nabi Adam yang belum pernah dikaji oleh mana-mana pengkaji. Objektif yang digunakan di dalam kajian ini ialah menganalisis sejarah asal usul nabi Adam dan nilai-nilai Islam yang terdapat di dalam teks yang bertepatan dengan ajaran al-Quran dan hadis. Kajian ini hanya membataskan kepada teks manuskrip Hikayat Nabi adam. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah. Hasil yang diperolehi telah mendapati bahawa teks ini dapat dijadikan sebagai garis panduan dalam menjalani kehidupan.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Zuraidah binti Daud (2014) yang bertajuk *kata nasihat dan pengajaran dalam antologi gurindum karya mas adeki dari sudut Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini telah dilakukan bagi menganalisis kata nasihat dan juga pengajaran dalam antologi gurindam Mas Adeki. Kajian ini hanya membataskan kepada dua antologi iaitu *Seuntai Kasih Secebis Harapan* dan juga *lautan Kasih Berpantai Sayang*. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan

Teori Pengkaedahan Melayu. Objektif kajian yang digunakan ialah mengenalpasti kata nasihat dan pengajaran yang terdapat di dalam kedua-dua antologi gurindam karya Mas Adeki dan menganalisis kata nasihat dan pengajaran dari sudut teori Pengkaedahan Melayu. Hasil yang diperoleh melalui gurindam ini ialah banyak memberi nasihat dan juga pengajaran kepada masyarakat agar sentiasa melakukan perkara yang baik.

Johari Bin Yahaya (2015) tajuk kajian yang dilakukan ialah Pantun peribahasa melayu: Analisis daripada perspektif teori Pengkaedahan Melayu. Berdasarkan pantun peribahasa Melayu juga telah memperlihatkan tentang ketajaman seseorang itu berfikir bagi menyampaikan mesej dan juga teguran kepada masyarakat dengan cara yang halus. Kajian terhadap pantun telah dilakukan oleh sarjana tempatan dan juga Barat. Pantun mempunyai nilai yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif dan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral dan pendekatan gunaan. Kajian ini dilakukan kerana terdapat kelompongan yang telah berlaku dalam pengkaji-pengkaji lepas. Rumusannya, dengan ada kajian seperti ini dapat memastikan kegemilangan tradisi Melayu dapat dikekalkan sepanjang zaman.

Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) kajian ini bertajuk *Analisis Dakwah Dalam cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I telah mempunyao hubung kait dengan aspek kemanusiaann* yang telah dilengkapi bersama variasi kehidupan yang kompleks serta padat. Objektif yang digunakan di dalam kajian ini ialah, untuk mengenal pasti dan menganalisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih dari karya cerpen Rejab F.I di dalam kajian ini telah menggunakan teori Pengkaedahan Melayu bagi memperkuatkan lagi analisis yang telah dilakukan dengan lebih terperinci. Berdasarkan daripada dabatan kajian telah menunjukkan semua cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I mempunyai prinsip dakwah yang sangat tinggi berpandukan kepada suruhan

agama Allah S.W.T yang dijadikan sebagai landasan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Farra Humairah Mohd (2018) telah mengkaji berkenaan dengan *Pemikiran Dalam Cerpen Kanak-Kanak pilihan Dari Tahun 2012 hingga 2015*. Pengkaji telah melakukan kajian ini setelah mendapati analisis tertentu daripada sarjana tempatan. Di mana mereka telah mempercayai bahawa cerita pendek kanak-kanak ini dihasilkan melalui sudut pandangan penulis dewasa, dan tidak memenuhi prinsip sastera kanak-kanak yang sesuai dengan tuntutan psikologi kanak-kanak. Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah bagi menganalisis model pemikiran bagi kepentingan kanak-kanak terpilih. Kajian ini hanya membataskan kepada penelitian yang telah dilakukan ke atas pemikiran berdasarkan cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai petunjuk arah kepada pengarang karya cerpen kanak-kanak bagi menghasilkan cerpen kanak-kanak yang bermutu tinggi serta tidak jauh beza daripada pemikiran yang sedia ada.

Hashim Awang & Hashim Ismail (2016) telah mengkaji berkenaan dengan *Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar-Budaya melayu- Jawa dalam Sulalat al-Salatin*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab setiap persoalan dalam fikiran sesetengah pihak. Objektif yang digunakan di dalam kajian ini ialah menganalisis dan mengenal pasti ciri jati diri pengarang Melayu dalam melestarikan Hubungan antara budaya. Kajian hanya membataskan kepada penelitian yang dibuat dalam *hubungan antar-budaya Melayu-Jawa dalam Sulalat al-Salatin*. Teori yang digunakan di dalam kajian ini ialah Pengkaedahan Melayu dan juga Teori Puitika Melayu dijadikan sebagai garis panduan dalam memantapkan lagi kajian. Berdasarkan dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa kajian telah menjawab segala persoalan tentang identiti pengarang Melayu dan gambaran imej antar-budaya.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah mengkaji *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini telah membincangkan mengenai naratif lisan yang secara kronologi telah menceritakan berkenaan dengan komuniti dan termasuk juga berkenaan dengan kumpulan masyarakat yang tertentu pada zaman lepas untuk menjadi ciri khas setiap negara yang berbilang budaya. Berdasarkan kajian ini terdapat permasalahan yang terdapat di dalam kajian yang membuktikan bahawa masih ada masyarakat yang berfikiran bahawa naratif lisan merupakan sebuah karya yang tidak bermanfaat, penuh dengan kekurangan dan hanya sebagai cerita yang rekaan bagi tujuan menghiburkan sesiapa yang membaca. Di sebabkan itulah kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis dan juga mengenal pasti nilai-nilai murni yang terdapat di dalam *Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk memantapkan lagi analisis yang ingin dilakukan. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini ialah kualitatif bagi mengumpul data. Dapatkan kajian yang diperolehi adalah telah mempengaruhi pembentukan akhlak serta tingkah laku yang mulia.

Mazarul Hasan Mohamad hanapi, Abdul halim Ali & Mohd Rosli Saludin (2016) Kajian yang dilakukan bertajuk *Simbol Dalam Mentera Kepercayaan Orang Melayu*. Mentera merupakan salah satu benda yang sangat penting dan akan mempengaruhi seseorang individu untuk menjadi lebih lengkap dalam kehidupan sosial. Objektif yang digunakan di dalam kajian ini ialah menghurai dan mengenal pasti fungsi simbol dalam mentera mengikut kepercayaan orang Melayu. Kajian ini telah menggunakan Teori Semiotik baagi memperkuuhkan lagi bahasa dan juga dapat mempengaruhi jiwa individu dan melihat dunia dengan menggunakan mentera. Malahan teori ini juga telah dipadankan dengan Teori Pengkaedahan Melayu. Teori Semiotik ini lebih tertumpu kepada menyelidiki prinsip simbol dan mengenal pasti simbol manakala teori pengkaedahan Melayu pula lebih tertumpu kepada kaedah petanda yang berkait rapat dengan daya

fikiran masyarakat melayu yang terdahulu. Kajian ini terbatas kerana hanya menggunakan buku ulit Mayang kumpulan Mantera Melayu di bawah penerbitan DBP. Dapatkan kajian telah membuktikan bahawa simbol yang digunakan di dalam mantera sangat berguna dalam memberi gambaran berkenaan dengan keyakinan masyarakat kepada sesuatu perkara kerana mentera merupakan cerminan kepada kebudayaan masyarakat tradisi.

Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020) telah mengkaji berkenaan *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Melayu*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis dan juga mengkaji tentang *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran ke Mekah* dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan keagamaan. Di dalam kajian ini hanya membataskan kepada *Syair Suka Duka dalam Pelayaran ke Mekah* dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dapatkan kajian ini telah membuktikan bahawa nilai dakwah yang terkandung dalam kajian ini dapat mengemukakan keinginan penulis dalam menyampaikan fahaman dan juga dakwah mengenai Islam terhadap pembaca sekali gus memberi gambaran tentang keagungan dan kebebasan Allah.

Mohd Saipuddin Suliman, Nordiana Ab. Jabar, Suraya Sukri, Ainul Wahida Radzuan dan Lim Ying Xuan (2022) telah mengkaji berkenaan dengan *pendekatan Moral dan Aplikasi Dalam Teks Kumpulan Drama Zaman yang mencabar karya Agi*. Kajian ini dilakukan untuk menginterpretasikan kumpulan drama zaman yang mencabar karya Abdul Ghaffar Ibrahim berlandaskan Pendekatan moral. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu bagi memantapkan lagi analisis kajian yang ingin dilakukan agar tepat dan juga lebih terperinci. Hasil daripada daptan kajian yang dilakukan telah mendapati bahawa pendekatan moral sangat memainkan peranan yang penting dalam mengkategorikan tema dan juga segala persoalan-persoalan yang terdpat di dalam teks telah menyampaikan mesej dan pemikiran kepada masyarakat.

Mastura Othman (2022) telah mengkaji Nilai-Nilai Kemanusia dalam *Novel Srengenge karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian yang telah dilakukan ini lebih kepada memperlihatkan kepada nilai-nilai kemanusia yang terdapat di novel tersebut dalam kalangan pembaca. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan pengkaji telah menggunakan teori Pengkaedahan Melayu dan menggunakan kaedah kualitatif. Hasil dapatan yang boleh diperoleh berdasarkan kajian yang dilakukan telah mendapati bahawa di dalam *novel Strenge* karya Shahnon Ahmd ini telah mempunyai nilai-nilai kemanusia yang boleh memberikan penghayatan kepada pembaca. Secara keseluruhanya, dengan adanya novel ini, secara tidak langsung mampu memberi tauladan dan juga membentuk jati diri yang tinggi dalam kalangan pembaca.

S.A.B.A (2018). Pangkaji ini akan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral alamiah. Dalam kajian ini juga, pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dalam memperoleh sesuatu karya. Kajian ini juga hanya membataskan hanya kepada novel untuk memperlihatkan kepelbagaian, keseimbangan dan kehormanian. Secara kesimpulanya, dengan adanya novel ini, secara tidak langsung dapat memperincikan lagi unsur-unsur dan ketuhanan yang akan memberikan kesedaran dan juga pengajaran kepada pembaca.

Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Mohd Norizam Jamian dan Zubir yang bertajuk *Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) berdasarkan Mujarrobat*. Kajian ini lebih kepada menggunakan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan Firasat. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini, kuanlitatif. Hasil daripada pendapatan yang dilakukan telah mendapati bahawa kedutan di bahagian badan boleh dikotogerikan kepada empat bahagian iaitu di bahagian kepala. Kesimpulanya, amalan ini masih dipercayai dan juga masih digunakan sehingga ke hari ini.

Fadzil Yusoff (2017) yang bertajuk *Pemaknaan Kosmologi Biotik dalam Kumpulan Puisi Salasilah karya Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* yang membincangkan berkaitan dengan tema seperti kemiskinan, pendidikan, kasih sayang, akhlak, Kesetiaan, Kepimpinan,Jati diri, dan ideologi manusia. Kajian ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk mengkaji berkaitan dengan puisi alam bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai berkaitan dengan betapa pentingnya seni sastera dalam membentuk jiwa, akhlak dan memberikan kemajuan bangsa bagi memberikan kehidupan yang lebih baik. Teori ini terdiri daripada dua elemen iaitu pendekatan agama dan juga pendekatan alamiah. Melalui kajian ini, dapat dilihat bahawa, dengan adanya teori Hashim Awang dapat memberikan skop penulisan yang lebih meluas terhadap sesuatu kepenggarangan, bagi mengiktirafkan bahasa Melayu yang boleh digunakan dalam sesebuah karya sastera.

Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz dan Mohd Syuja Saedin (2022) yang bertajuk *Manifestasi Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Menerusi kajian ini telah menonjolkan mengenai budaya peradaban sesebuah masyarakat termasuklah budaya Melayu. Bukan hanya terdapat nilai keindahan yang diutamakan malahan pada masa yang sama adalah bagi membentuk modal insan melalui pendidikan. Kajian ini telah menggunakan *Novel Kasyaf Ain* (2018) karya Ramlee Awang Murshid dipilih kerana mempunyai tradisi budaya peradapan Melayu dengan persekitarannya. Tujuan kajian ini digunakan bagi melihat faktor persekitaran digarap bagi mengetengahkan persoalan kepercayaan dan nilai-nilai tradisi dalam karya ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dilakukan oleh Hashim Awang (2002). Kajian ini telah diaplikasikan bagi melakukan kerangka bagi mengesahkan bahawa teori ini dapat dijadikan masyarakat Melayu dalam novel. Budaya peradaban Melayu dalam novel ini telah dikaji dengan menggunakan pendekatan alamiah dan pendekatan keagamaan. Menerusi kajian ini, telah mendapatkan

bahawa kepercayaan menerusi amalan tradisi dalam kehidupan dapat membentuk kepada cara sendiri bagi membentuk cara hidup dan budaya peradapan masyarakat Melayu.

Nur Samsiah Mazlan dan Mohd Firdaus Bin Che Yaacob (2021) yang bertajuk *Adat dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu*. Teromba Teromba sangat erat dengan kehidupan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Teromba merangkumi pantun, peribahasa, dan sebagainya bagi menunjukkan sesuatu perkara yang berkaitan dengan undang-undang, adat istiadat dan nilai-nilai murni. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis adat dalam teromba Negeri Sembilan. Kajian ini juga memfokuskan terhadap Batasan kajin yang menggunakan teks teromba yang bertajuk sebagai alat komunikasi dalam kepimpinan adat perpatih karya Mohd Rosli Saludin. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu telah dijadikan sebagai diduktif kajian. Reka bentuk yang digunakan adalah, berbentuk kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan juga rujukan teks. Hasil kajian telah mendapati bahawa, adat yang terdapat di dalam teromba dapat melahirkan sebuah masyarakat yang memahami dan mengamalkan adat serta berkesan terhadap pembentukan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan.

Azean Idruwani binti Idrus (2023) yang bertajuk *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Filem Mat Kilau*. Filem ini mengisahkan berkaitan tentang Mat Kilau bersama ayahandanya, Tok Gajah dan kawan-kawannya telah berjuang bersungguh-sungguh menentang penjajahan daripada British. Menerusi kajian ini telah menggunakan pendekatan dakwah bagi melihat perkembangan Islam sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan insan kepada Allah SWT. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif kerana telah pergi ke perpustakaan dan juga analisis teks. Dapatan kajian ini mendapati bahawa penerapan Islam seperti

kepentingan masa, membantu orang yang dizalimi dan bersifat dengki. File mini mampu mengembangkan nilai Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis yang akan membawa kepada kebaikan kepada pembangunan manusia.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## 2.4 Penutup

Kesimpulannya, menerusi kajian lepas yang telah dikemukakan oleh pengkaji yang telah dijalankan oleh tokoh-tokoh penyelidikan terdahulu telah berpendapat bahawa cerita rakyat ini sentiasa diminati oleh masyarakat. Dengan adanya sorotan kajian ini dapat membuat pembaharuan kepada para penyelidikan untuk mengekalkan elemen cerita rakyat untuk dikembangkan kepada generasi muda ataupun generasi yang akan datang bertujuan untuk menghargai karya yang telah dilakukan oleh generasi muda. Selain itu, dengan adanya sorotan kajian ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan yang sahih untuk pengkaji-pengkaji yang akan datang ingin mendapatkan sumber maklumat dan juga idea yang bernas untuk menjalankan penyelidikan. Dalam masa yang sama juga, sorotan kajian ini dapat memberi kesinambungan kepada kelopongan yang telah berlaku di dalam kajian yang telah dijalankan sebelumnya.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Dalam melaksanakan kajian yang dilakukan ini, pengkaji akan menjelaskan secara jelas dan juga padat berkaitan dengan metodologi kajian yang terdapat di dalam bab tiga ini. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* metodologi membawa maksud sistem yang telah digunakan dalam mendisiplin. Metodologi merupakan salah satu kaedah, jalan, Teknik,sistem dan lain-lain lagi. Metodologi bertujuan untuk mendisiplinkan sesuatu yang telah digunakan dalam mencapai maklumat sesuatu kajian. Menurut ‘Homby’ (1985), metodologi merupakan satu kaedah yang telah digunakan untuk menjalankan kajian terhadap subjek kajian yang tertentu. Dengan adanya metodologi kajian ini secara tidak langsung dapat memahami dengan lebih meluas berkaitan dengan pengaplikasian kaedah berdasarkan huraihan tentang sesuatu kajian yang telah dilakukan.

#### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini dilakukan bagi membuat tinjauan terhadap kaedah penyelidikan bagi menjawab kepada permasalahan yang berlaku. Di dalam reka bentuk kajian ini terbahagi kepada tiga aspek iaitu kualitatif, kuanlitatif dan juga gabungan. Namun di dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan sepenuhnya kaedah kualitatif iaitu kaedah keperpustakaan dan juga kaedah menganalisis teks.

#### 3.3 Kaedah Kajian

Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif kerana bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan juga tepat berkaitan dengan tajuk kajian yang telah dilakukan iaitu transkripsi cerita rakyat kedalam bentuk sajak berdasarkan buku seuntaian neratif lisan

di lembangan sungai datu, Kelantan: Analisis nilai-nilai murni dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu supaya dapat menghasilkan kajian yang baik.

### 3.3.1 Kajian Kepustakaan

Di dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan juga sahih bersesuian dengan tajuk kajian yang telah dilakukan. Kaedah ini merangkumi pencarian dokumen seperti jurnal, buku-buku tesis yang telah dilakukan oleh pengkaji yang lepas dan banyak lagi. Maklumat yang diperolehi di perpustakaan itu akan ditapis dan diteliti terlebih dahulu kerana hanya mengambil maklumat yang penting sahaja. Pengkaji telah mencari banyak maklumat yang diperlukan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan juga daripada perpustakaan dari tempat lain bagi memudahkan pengkaji mencari maklumat yang berkaitan dengan mudah dan juga tepat.

### 3.3.2 Rujukan Teks

Kaedah rujukan teks ini sangat penting dilakukan di dalam kajian ini. Melalui pembacaan, meneliti dan juga *menganalisis transkripsi cerita rakyat kedalam bentuk sajak berdasarkan buku Seuntaian Neratif Lisan di Lembangan Sungai Datu Kelantan* pada tahun 2022 oleh Mohd Firdaus che Yaacob yang mempunyai 96 halaman bercetak. Buku ini telah dijadikan sumber rujukan utama dalam menganalisis teks kerana kandungannya penuh dengan pelbagai cerita. Selain itu, buku ini sangat sesuai digunakan kerana mempunyai nilai-nilai murni dan sebagainya. Dengan menggunakan buku ini sangat sesuai untuk dijadikan bahan kajian. Jelaslah disini bahawa, dengan adanya isi kandungan teks tersebut telah memaparkan nilai-nilai murni. Nilai-nilai murni yang terdapat di dalam teks tersebut akan dikumpulkan dan ditulis di bahagian bab empat iaitu pada bahagian analisis kajian dengan lebih terperinci lagi.

#### 4.4 Teori Pengkaedahan Melayu

Dengan memilih Teori Pengkaedahan Melayu ini adalah bertujuan untuk dijadikan panduan dan juga membuat analisis yang lebih mantap dalam menjalankan penyelidikan. Menurut Hashim Awang (1989) telah menyarankan bahawa teori barat kurang sesuai untuk digunakan dalam menganalisis karya-karya sastera Melayu yang menjadi lambang jati diri sesebuah bangsa Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu ini, merupakan teori yang sama dicipta oleh Plato, iaitu mimesis. Unsur moral yang telah terdapat di dalam teori ini merupakan sangat kuat dan ikhlas Hashim Awang (1989) telah mengukuhkan lagi Weltanschauung Islam ke dalam kritik sastera dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu telah menjadikan Kitab Taj-al-Muluk sebagai panduan dan juga dijadikan rujukan di dalam setiap kehidupan seharian. Seperti yang sedia maklum, Hashim Awang telah meneroka dua buah pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan juga Pengkaedahan Keagamaan. Melalui kedua-dua pengkaedahan tersebut terdapat juga cabang-cabang yang telah dipanggil sebagai pendekatan. Pengkaedahan Alamiah terdapat tiga iaitu pendekatan firasat, pendekatan gunaan dan juga pendekatan moral manakala pengkaedahan keagamaan juga mempunyai tiga juga iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan juga pendekatan seni.

##### 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah

Teori Pengkaedahan Melayu mempunyai pengkaedahan Alamiah yang telah menceritakan berkaitan dengan cara ataupun sikap hidup masyarakat Melayu itu bagi menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya. Alam merupakan sesuatu faktor utama dalam memberi mereka pekerjaan atau pencarian, pengalaman dan juga pengajaran. Seperti yang sedia maklum, di dalam kitab Tajul Muluk telah menceritakan berkaitan dengan cara hidup masyarakat Melayu Tradisional yang dijadikan panduan

dan juga sangat popular dalam kalangan Masyarakat Melayu lama. Di dalam kitab itu telah tersebut berkaitan dengan manusia, perubatan manusia dan juga tingkah laku manusia. Jelaslah di sini bahawa, pengkaedahan ini telah dapat dijadikan panduan dan juga manfaat kepada semua manusia. Berdasarkan pengkaedahan Alamiah ini, telah terbahagi kepada pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral, dan pendekatan Firasat.

Berikut adalah cara pendekatan Alamiah:



### 3.4.1 Jenis Pengkaedahan Alamiah

#### 3.4.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan gunaan hanya lah melihat kepada karya sastera yang merupakan salah satu objek yang berkaitan dengan alam. Hal ini dikatakan demikian kerana objek alam merupakan sesuatu yang telah dicipta oleh Allah S.W.T. Kebiasannya segala hasil karya yang telah dilakukan oleh manusia merupakan salah satu keizinan dan juga mendapat keredaan daripada Nya. Dengan adanya pendekatan ini telah dapat membentuk dan juga dapat memberi faedah kepada setiap manusia kerana mempunyai unsur intrinsik dan juga ekstrinsik yang berkaitan dengan masyarakat, pembaca dan lain- lain lagi. Menurut Hashim Awang (2002) telah mendefinisikan pendekatan gunaan sebagai memberi penekanan yang sangat luas berkaitan dengan kebajikan sastera, tidak kira lah

dari aspek kebijakan dan juga ketatususilaan. Melalui aspek ini telah dapat dilihat dengan jelas bahawa, seseorang pengkritik dapat memerhati dan juga melihat sejauh mana pencapaian karya dan juga pengarang dalam usaha untuk menunjukkan segala persoalan yang muncul tentang segala kebaikan atau amalan yang menunjukkan segala perbuatan yang baik bagi memastikan apa yang ingin disampaikan oleh pengarang dapat memberikan kesan yang positif dan juga dapat menjadikan panduan dalam kehidupan seharian agar dapat menjadi seorang insan yang lebih baik berbanding dengan yang dahulu. Sekiranya seseorang pembaca dapat menghayati dengan bai kapa yang ingin disampaikan di dalam karya sudah pasti dapat memberi banyak faedah dan juga banyak mendapat faedah daripada ‘alam’ kerana dapat menghasilkan sebuah karya. Jelaslah disini bahawa, dengan adanya pendekatan gunaan ini secara tidak langsung dapat memberi pelbagai manfaat dan juga kegunaan yang berguna kepada para masyarakat kerana alam dijadikan sebagai sumber alam yang digunakan sebagai mendapat ilham dalam menghasilkan sesuatu karya yang sangat berkualiti, kerana alam dan juga sastera merupakan sesuatu yang memerlukan diantara satu sama lain bagi menyampaikan pemikiran dan juga falsafah masyarakat Melayu.

#### 3.4.1.2 Pendekatan Moral

Pendekatan Moral ini menurut Hashim Awang (1999) saling berkait antara satu sama lain dengan pendekatan gunaan, sastera merupakan kejadian dan juga objek, namun kejadiannya berdasarkan pendekatan moral, ia tidak mempunyai bentuk yang menyerupai benda yang akan memberikan kegunaan tetapi lebih kepada menyentuh berkaitan dengan pengalaman hidup seseorang manusia. Sebagai contoh yang dapat dilakukan oleh pengkaji, pengalaman yang dilalui oleh manusia berkaitan dengan dunianya sendiri terdiri daripada beberapa aspek seperti kepercayaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan sebagainya. Menurut Hashim Awang (2002) telah menyatakan bahawa pendekatan moral ini telah ditemukan di sebalik bentuk, isi dan juga penglahirannya. Ia

tergolong daripada motif yang memilih bentuk baharu konvensional, pengisian manusia dan juga perkara-perkara yang telah berlaku dan juga maklumat-maklumat diri serta persekitarannya merupakan salah satu perkara yang sangat penting bagi memastikan pengelaman dan juga maklamat pengarang dalam menghasilkan sesebuah seni yang melibatkan sastera dapat menyumbangkan pengalaman dan juga pengetahuan yang sedia ada kepada para pembaca. Selain itu, sastera juga telah dianggap sebagai penyingkap pengelaman hidup yang telah dilakukan oleh setiap manusia sebagai contoh yang dapat dilihat ialah, seperti merekod perbuatan, serta tingkah laku dan juga berkaitan dengan kehidupan yang telah berlaku dalam kehidupan manusia untuk dijadikan sebagai pengajaran dan juga iktibar. Di dalam pendekatan ini telah memperlihatkan dua unsur utama, iaitu berkaitan dengan pengelaman dan juga ilmu, kedua-dua unsur tersebut mempunyai kaitan diantara satu sama lain. Pengelaman ialah menceritakan perkara yang telah berlaku terhadap manusia, tidak kiraiah dari sudut positif maupun negatif. Manakala ilmu pula ialah, melibatkan dengan perkara yang berkaitan dengan maklumat-maklumat dan juga kehidupan manusia. Jelaslah disini bahawa, dua unsur utama itu mampu berfungsi sebagai menyediakan sumber maklumat dan juga ilmu pengetahuan.

#### 3.4.1.3 Pendekatan Firasat

Pendekatan firasat adalah mempercayai bahawa sastera adalah satu fenomena alam semesta yang mempunyai pengelaman dalam kehidupan manusia. Menurut Hashim Awang (1999) telah menyatakan bahawa pendekatan firasat sastera ini merupakan salah satu sastera yang mempunyai sifat dan nilai-nilai zahir dan batin itu telah mempunyai maksud yang tersurat dan juga maksud yang tersirat dengan ini secara tidak langsung dapat menjadi penanda bagi mendapatkan sesuatu yang betul berdasarkan kejadian yang telah berlaku. Menurut Hashim Awang (2002) telah menyatakan kejadian tersebut berkaitan dengan mimpi, yang merupakan pengelaman hidup dalam kalangan

masyarakat Melayu yang sering dianggap sangat penting dalam kehidupan kerana berdasarkan maksud yang dijumpai maksud mimpi dikenali sebagai ta'abir, iaitu satu proses menjumpai maksud berdasarkan taksiran ataupun mendapat alamat yang tertentu. Di samping itu, sastera juga merupakan salah satu bahan yang mempunyai denotasi dan konotasi yang dapat membuka minda para pembaca supaya dapat memastikan kerja-kerja mentafsir isi dan juga pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengkarya difahami dengan jelas. Jelaslah disini bahawa sastera, telah mempunyai pelbagai wacana yang menarik bagi dikaji kerana mempunyai banyak nilai-nilai dan juga mempunyai maksud tersirat di dalamnya, hal ini dikatakan demikian apabila sesuatu itu hanya menggunakan bahasa yang sangat bertapis dalam membuat sesuatu teguran sudah pasti menyebabkan semua manusia hidup dalam keadaan yang baik tidak perlu mempunyai perasaan dendki atauun tidak puas hati diantara satu sama lain.

### 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan

Menurut Hashim Awang (1993) pengkaedahan keagamaan merupakan salah satu pendekatan yang menceritakan berkenaan dengan keimanan dan juga akidah agama islam. Al-Quran dan juga hadis merupakan sumber yang paling penting kerana telah dijadikan sebagai panduan dan juga rujukan. Dengan adanya sumber tersebut secara tidak langsung dapat memastikan dapat memperlihatkan sifat-sifat keagungan Allah S.W.T bagi memperbanyakkan lagi segala yang diperintahkan oleh-Nya. Dengan adanya pengkaedahan ini, banyak menonjolkan berkaitan dengan nilai-nilai keindahan yang berpegang terhadap pegangan yang betul bagi mewujudkan kepercayaan kepada Allah S.W.T dan mestilah mempunyai keyakinan yang tinggi dengan mempercayai segala kebesaran, kekuasaan dan kesempurnaan-Nya. Hashim Awang (1994) telah menggumukkan tiga pendekatan di dalam teori Pengkaedahan Melayu ini seperti pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

Berikut merupakan carta pendekatan Keagamaan:



### 3.4.2 Jenis Pendekatan Keagamaan

#### 3.4.2.1 Pendekatan dakwah

Di dalam pendekatan dakwah banyak menceritakan berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh tentang segala persoalan yang menunjukkan kebesaran Allah S.W.T. Menurut Hashim Awang (2002) telah menyatakan bahawa pendekatan dakwah ini mempunyai persoalan yang tersendiri berkaitan dengan kemurnian dan juga kelebihan yang telah terdapat di dalam agama islam. Dengan adanya pendekatan ini secara tidak langsung juga dapat memberi daya tarikan yang tersendiri terhadap kesucian agama islam tidak kira lah kepada orang islam mahupun orang bukan islam. Di dalam pendekatan ini telah mempunyai beberapa aspek yang penting seperti tema, nilai moral dan sebagainya. Sebagai contoh dengan adanya aspek watak akan menyebabkan banyak benda yang boleh dikaji kerana mempunyai daya tarikan yang tersendiri kerana mempunyai sifat-sifat mulia yang perlu ada dalam diri seorang insan yang bergelar Muslim. Jelaslah disini bahawa, dengan adanya pendekatan ini, pengkaji mengharapkan supaya dapat menambahkan lagi perasaan cinta, taat, dan juga sikap ketakwaan manusia terhadap Allah S.W.T dengan lebih banyak lagi.

### 3.4.2.1 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan kemasyarakatan pula lebih kepada menerangkan berkaitan dengan persoalan yang akan memberikan segala kebaikan kepada masyarakat seperti yang telah diperintahkan di dalam agama Islam. Melalui pendekatan ini, sastera juga telah dianggap sebagai medium yang sangat penting kerana bagi menyampaikan sesuatu yang sangat berguna kepada manusia bagi memastikan sentiasa aman dan juga damai dalam menjalani kehidupan seharian sebagai seorang manusia. Menurut Hashim Awang (1994) telah menyatakan bahawa dengan adanya ciri-ciri pendekatan kemasyarakatan ini secara tidak langsung dapat memberikan maklumat kepada mereka dengan lebih jelas dan juga betul berkenaan masalah yang telah berlaku seperti penindasan, penipuan, rasuah dan juga segala perkara yang memberi kesan yang negatif dan akan menyebabkan berlaku keruntuhan akhlak dalam diri manusia. Seterusnya, ialah perkara yang melibatkan persoalan manusia dari sudut pandang islam tidak digunakan sebagai sebuah propaganda untuk membohongi perkara yang realiti yang telah ada di dalam masyarakat.

### 3.4.2.3 Pendekatan seni


Menurut Hashim Awang (1997) telah menyatakan bahawa pendekatan seni telah digunakan bagi membuat penelitian berkaitan dengan nilai-nilai estetika yang telah ditunjukkan di dalam pendekatan ini. Seterusnya pendekatan seni ini telah mempunyai unsur keindahan yang diberikan keutamaan dan telah menjadikan sastera sebagai sebuah persoalan pokok. Menurut Hashim Awang (1994) ciri-ciri pendekatan seni ini telah mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi melandaskan kepada agama islam yang telah digunakan bagi melihat keindahan yang terdapat di dalam karya sastera , malahan bukan itu sahaja, di dalam pendekatan seni ini juga turut mempunyai beberapa unsur yang sangat penting bagi memastikan keindahan yang terdapat di dalam sesebuah

karya mempunyai tema, watak, gaya penceritaan dan sebagainya bagi memastikan dapat menghasilkan sesebuah karya yang sangat bermutu dan juga dapat memberikan pengajaran ke dalam diri seseorang pembaca kelak.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 3.5 Kerangka Konseptual



Rajah 3.5: Kerangka Konseptual.

### 3.6 Penutup

Bab tiga ini telah menerangkan berkaitan dengan kaedah-kaedah untuk menyiapkan kajian ini. Penggunaan teori ini sangat penting bagi mengukuhkan lagi kaedah kajian yang dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia adalah bertujuan bagi memastikan pengkaji dapat mengikuti segala prosedur yang tepat, jelas, sistematik dan juga tersusun. Malahan, dengan adanya kaedah kajian ini sangat membantu dalam memastikan segala maklumat yang dicari dan dikumpul bersesuaian dengan tajuk kajian yang ingin dikaji. Penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu sangat sesuai digunakan sebagai deduktif kajian dalam membentuk satu hujah atau analisis yang lebih mantap dan juga jelas. Sehubungan dengan itu, metode kualitatif iaitu kepustakaan dan rujukan terhadap teks serta penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan Pendekatan Alamiah di bawah prinsip moral yang telah digunakan oleh pengkaji dalam menghasilkan satu kajian yang menceritakan berkaitan dengan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam genre cerita rakyat.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini pengkaji akan menganalisis segala maklumat yang telah diperolehi dan dibentangkan pada bahagian ini. Pengkaji akan mengupas dan menerangkan berkenaan dengan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam buku *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Pada masa yang sama juga, kajian ini akan membincangkan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam transkripsi sajak Melayu menerusi cerita rakyat iaitu nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hormat menghormati, nilai kasih sayang, nilai keadilan, nilai keberanian, nilai kerajinan, nilai kejujuran, nilai kerjasama, nilai kesyukuran, nilai rasional, nilai semangat bermasyarakat. Dalam bab ini, pengkaji akan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989) bagi dijadikan sebagai rujukan untuk menganalisis dengan lebih jelas.

#### 4.2 Nilai baik hati

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) baik hati ialah mengambil berat dan juga prihatin terhadap kesusahan yang dihadapi oleh seseorang dapat dilihat melalui perbuatan yang telah dilakukan. Baik hati juga, telah dikatakan sebagai sifat bertimbang rasa terhadap perasaan orang lain, bermurah hati untuk membantu mereka. Selanjutnya, nilai baik hati ini merupakan sikap lemah lembut dan juga bertimbang rasa terhadap orang lain (*Kamus Dewan*, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya sikap mengambil berat ini secara tidak langsung akan menyebabkan seorang itu akan memberikan pertolongan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan pertolongan. Berdasarkan daripada pandangan tersebut dapat disimpulkan bahawa nilai baik hati ini merupakan salah satu sikap yang telah ada berasaskan kepada sikap ingin memberi kepuasan terhadap perasaan. Keperluan diri, kebajikan dan juga persekitaran supaya dapat memberikan faedah dan juga kebaikan kepada orang lain dengan seiklas hati. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan berkenaan dengan beberapa nilai baik hati melalui sikap belas kasihan, sikap pemurah dan juga sikap pemaaf.

##### 4.2.1 Nilai baik hati melalui sikap belas kasihan

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) belas kasihan bermaksud perasaan sedih apabila melihat kesusahan yang telah menimpa orang lain dan bersedia untuk menghulurkan bantuan. Menurut pandangan Henri J.M. Nouwen telah menceritakan berkaitan dengan belas kasihan dengan kasih Allah SWT yang telah mengisahkan berkaitan dengan pemahaman dan pengalamannya dalam kehidupan yang mencakupi kehidupan seseorang manusia. Menurut pengkaji Sikap belas kasihan dapat dikaitkan dengan sifat ingin membantu seseorang yang telah berada dalam kesusahan. Namun begitu, sikap belas kasihan ini tidak ada pada semua orang. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap belas kasihan ini hanya ada pada seseorang yang mempunyai sifat

penyayang dalam diri dan tidak dapat melihat kesusahan yang dihadapi oleh orang lain.

Sikap belas kasihan ini dapat dilihat melalui transkripsi sajak Melayu yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu dengan menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Sajak Musibah Di Kampung Pulau Gajah*, bersesuaian dengan contoh petikan sajak di bawah:

Bermula lah kisah dahulu kala,  
Kampung Pulau Kecil ditimpa musibah,  
Air pasang besar telah melanda,  
Kampung Pulau Gajah menjadi penyelamat.

Bersatu hati sesama manusia,  
Perasaan sedih musibah melanda,  
Belas kasihan terhadap mangsa bencana,  
Telah munculnya pelangi selepas hujan.

Bersatu membantu tanpa rasa jemu,  
Tersentuhnya hati.  
Hadirnya insan yang memahami,  
Tok penggawa nama diberi,  
Membantu membina penempatan baru,  
Telah berkembang dengan pesat,  
Agar nanti hidup sentiasa aman.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Adalah penting bagi setiap orang untuk mempunyai minda belas kasihan apabila seseorang itu mengalami penderitaan dan kesusahan pasti akan turut merasai perasaan sedih yang telah dialami oleh orang yang telah berada di sekeliling kita (*Kamus Dewan*, 2016). Didakwa perkara ini berlaku kerana dapat dilihat melalui sikap penduduk kampung yang telah mempunyai sikap belas kasihan dan juga sedih terhadap nasib yang telah dihadapi oleh orang lain dan telah berusaha untuk mengurangkan beban yang telah dipikul oleh orang sekeliling. Berdasarkan transkripsi puisi Melayu dalam cerita rakyat *Musibah di Kampung Pulau Gajah*, sikap belas kasihan ini dapat dibuktikan melalui rangkap kedua iaitu:

Bersatu hati sesama manusia,  
Perasaan sedih musibah melanda,

Belas kasihan terhadap mangsa bencana,  
Telah munculnya pelangi selepas hujan.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap dua di atas telah dapat dibuktikan bahawa tindakan baik hati ini telah ada dalam cerita rakyat *Musibah di Kampung Pulau Gajah*. Sebagai contoh yang dapat dilihat ialah apabila penduduk Kamoung kecil khususnya pernah mengalami musibah telah berlakunya air pasang besar telah menyebabkan banjir besar telah melanda kampung ini. Rumah-rumah yang terdapat di kampung Pulau Kecil telah musnah akibat dibaham ombak yang telah melanda. Akibat kasihan akan nasib yang telah melanda penduduk Kampung Pulau Kecil, semasa penduduk tersebut telah berpindah menyelamatkan diri ke Kampung Pulau Gajah, mereka telah membantu memberi semua barang keperluan yang diperlukan oleh mangsa banjir tersebut. Pada masa yang sama juga, kepada sesiapa yang tidak mempunyai tempat untuk berlindung penduduk Kampung setempat telah menumpangkan mangsa yang tercedera di rumah mereka buat sementara waktu. Mereka telah melayani mangsa banjir tersebut dengan sepenuh hati tanpa mempunyai sedikit pun keluhan yang keluar daripada bibirnya. Hal ini menunjukkan bagaimana membantu orang lain dapat memberikan kebaikan kepada orang lain.

Hargai kebaikan dengan mengamalkan pemikiran belas kasihan dapat dilihat melalui sajak *Musibah di Kampung Pulau Gajah* telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu diperkenalkan oleh Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, Pendekatan Kemasyarakatan ini, telah berfungsi sebagai medium kesejahteraan hidup bermasyarakat, pengukuhan keimanan dan ketakwaan serta memberi kebaikan (Hashim Awang, 2002). Melalui kajian nilai baik hati menerusi sikap belas kasihan telah dapat dilihat dengan jelas bahawa masyarakat tolong menolong diantara satu sama lain bagi memenuhi segala keperluan dan juga kebajikan orang lain. Dalam konteks ini,

dapat dibuktikan bahawa pendekatan kemasyarakatan ini dapat mendidik jiwa manusia agar sentiasa melakukan kebaikan agar mewujudkan suasana yang harmoni, aman-damai dan juga dapat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T, bagi memperkuatkan lagi nilai keimanan dan juga ketakwaan di dalam diri seseorang individu. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001) masyarakat Melayu perlu mananam sikap belas kasihan di dalam diri bagi menjaga hubungan yang baik dengan orang lain. Menerusi konteks ini juga, telah terbukti bahawa manusia perlu ada perasaan belas kasihan di dalam diri supaya dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan supaya dapat memperolehi kebahagian baik di kehidupan ini maupun di kehidupan seterusnya.

#### 4.2.2 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemaaf

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) sikap pemaaf perlu ada dalam diri semua manusia agar sanggup memaafkan kesalahan yang dilakukan orang lain kepada dirinya tanpa mempunyai niat untuk membala kembali dan juga tidak mempunyai sedikitpun perasaan benci di dalam diri. Manakala menurut Aboebakar Atjeh (1988), sikap pemaaf ialah manusia yang sudi memaafkan kesalahan orang lain terhadap dirinya tanpa ada sedikit pun perasaan ingin membala kembali perbuatan tersebut. Selain itu, Hashim Musa (2008) telah menyatakan bahawa pemaaf merupakan sikap manusia yang terlahir daripada rasa ikhlas tidak terdetik sedikit pun di hati perasaan benci terhadap seseorang yang telah melakukan kesalahan. Menurut pengkaji, sikap pemaaf ini perlu ada dalam diri seseorang agar dapat memaafkan sesiapa sahaja yang telah melakukan kesalahan terhadapnya dengan hati yang terbuka. Sikap pemaaf ini dapat dilihat melalui transkripsi sajak Melayu yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu dengan menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Tenggelam Masjid Pengkalan Datu*, bersesuaian dengan contoh petikan sajak dibawah:

Di Kampung Pengkalan Datu,  
Sebuah masjid terbina,

Tersergam indah dipandang dek mata,  
Penonjolan identiti ukiran dan seni bina Terserlah.

Imam berperanan sebagai tokoh agama,  
Ramai anak muda pelajari ilmu,  
Penyebaran ilmu agama dapat disebarkan.  
Dalam kemasyhuran dan waraknya seorang imam,

Hasad dengki berkobar-kobar menguasai diri,  
Terpancar pada seorang pemuda,  
Berencana dan berpakat memfitnah imam,  
Imam difitnah serta diusir,  
Keluar dari kampung.

Gelombang ombak membinasakan masjid,  
Seolah-olah murka dengan kejadian Tersebut,  
Menenggelamkan masjid gah yang terbina,  
Imam ghaib seperti angin.

Tersedar akan kesilapan,  
Pemuda dan sekongkolnya menyesali,  
Setiap perbuatan mereka.

Pemuda dan sekongkolnya meminta maaf,  
Terhadap penduduk kampung,  
Di atas kesilapan kekhilafan diri,  
Akhirnya penduduk memaafkan mereka.

Penduduk kampung sungguh baik hati,  
Memaafkan kesilapan dan kekhilafan,  
Dengan buang yang keruh,  
Ambil yang jernih.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Manakala *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2010) menyatakan pengampunan sebagai persiapan untuk membebaskan seseorang dari hukuman atau menjadi saksi akibat suatu kesalahan. Hal ini dikatakan demikian kerana, Sikap pemaaf itu sangat penting dalam diri seseorang untuk melepaskan diri dari kebodohan yang merosakkan hati (Mohd Ali Hashimi, 1992). Sebagai contoh sikap pemaaf yang telah ada dalam diri penduduk kampung yang telah memaafkan perbuatan Abu dan juga Timah. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*, sikap pemaaf ini dapat dilihat pada rangkap tujuh iaitu:

Penduduk kampung sungguh baik hati,  
Memaafkan kesilapan dan kekhilafan,

Dengan buang yang keruh,  
Ambil yang jernih.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap tujuh di atas telah terbukti bahawa pemaaf yang terdapat dalam cerita rakyat *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu* dapat dilihat menerusi penduduk kampung yang dapat memaafkan perbuatan Abu dan juga Timah yang telah menfitnah imam telah melakukan perbuatan yang tidak senonoh, disebabkan itu penduduk kampung telah menghalau imam daripada kampung. Disebabkan penduduk kampung sedar keadaan tersebut pun berlaku disebabkan oleh perbuatan mereka sendiri yang mudah percaya kepada orang lain, tanpa menyiasat terlebih dahulu berkaitan dengan perkara tersebut.

Sepanjang pembahasan, pentingnya menunjukkan kebaikan dengan sikap memaafkan seperti sajak *Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu*, telah menggunakan pendekatan kemasyarakatan melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Pendekatan kemasyarakatan telah dijadikan sebagai salah satu medium kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, bagi mengukuhkan keimanan yang telah menjurus kearah yang lebih baik (Hashim Awang,2002). Menerusi Ketika pengampunan dilibatkan, pentingnya kebaikan telah menjadi penting dilihat melalui golongan masyarakat yang hidup dalam kemaafan kerana sentiasa memaafkan sesiapa sahaja yang telah melakukan kesilapan terhadap dirinya, tanpa mempunyai sedikit pun perasaan dendam di dalam hati kerana telah mempunyai hati yang bersih dan ikhlas. Secara rumusannya, melalui pendekatan Kemasyarakatan dapat dijadikan sebagai platform untuk mengajari orang cara memaafkan diri sendiri sebagai persiapan untuk melahirkan golongan yang mempunyai keperibadian terhormat dan jiwa yang bersih bagi mengeratkan lagi hubungan siraturahim diantara masyarakat.

#### 4.2.3 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Pemurah.

Pemurah merupakan salah satu sifat yang sangat mulia. Dengan adanya sifat ini akan membuktikan bahawa setiap insan perlu mempunyai tahap keimanan yang kuat di sisi Allah S.W.T. Menurut Firdaus Che Yaacob (2021) pemurah merupakan sifat yang telah ada dalam diri manusia yang tidak mempunyai sifat kedekut, dan orang yang suka memberi sesuatu kepada orang sekeliling. Pemurah dikatakan sebagai sikap pemurah oleh seseorang individu tanpa mengharapkan balasan daripada seseorang. Menurut pengkaji, sikap pemurah mestilah ada dalam diri seseorang individu seperti suka menolong seseorang yang berada dalam keadaan susah agar dapat meringankan beban mereka. Berdasarkan pandangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa sifat pemurah merupakan sifat seseorang yang tidak kedekut dan suka menderma sesuatu dengan ikhlas dan sukarela tanpa mengharapkan sebarang balasan.

Sikap pemurah ini dapat dilihat melalui transkripsi sajak Melayu yang terdapat di dalam cerita rakyat Melayu dengan menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Kehebatan Laksamana Laut*, bersesuaian dengan contoh petikan sajak dibawah:

Che Deraman nama diberi,  
Laksamana di bawah naungan Raja Kelantan,  
Pada pertengahan Tahun 1800,  
Laksamana sering belayar,  
Memperkuuhkan hubungan diplomatik.

Laksamana gagah lagi perkasa,  
Dilantik Raja kerana sikap berani,  
Melindungi raja dari dirompak lanun,  
Keamanan dan keselamatan raja terjamin.

Laksamana seorang yang baik hati,  
Menjadi pawang menyembuhkan penyakit,  
Membantu penduduk memerlukan Pertolongan,  
Ikhlas membantu serta pemurah,  
Tanpa mengharapkan balasan dan upah.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Menurut *Kamus Dewan* Edisi keempat (2019) pemurah bermaksud seseorang yang suka memberi dan tidak kedekut dan takut akan kemurkaan Allah S.W.T. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemurah dalam konteks Islam telah merujuk kepada sifat memberi dengan ikhlas dan sukarelawan, tanpa mengharapkan balasan di dunia ataupun pujian. Pemurah juga adalah salah satu sifat terpuji yang telah ada dalam Islam, serta amalan kebaikan seperti sedekah dan juga bantuan sesama mestilah ditekankan bagi mencapai kebaikan spiritual dan juga sosial.

Sebagai contoh sikap pemurah yang telah ada dalam diri Che Deraman yang sanggup menolong penduduk kampung yang ingin datang berubat dengannya tanpa mengharapkan sedikit pun bayaran. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Kehebatan Laksamana Laut*, sikap pemurah ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu:

Laksamana seorang yang baik hati,  
Menjadi pawang menyembuhkan penyakit,  
Membantu penduduk memerlukan Pertolongan,  
Ikhlas membantu serta pemurah,  
Tanpa mengharapkan balasan dan upah.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Berdasarkan rangkap tiga, di atas telah membuktikan sikap pemurah yang terdapat di dalam cerita rakyat *Kehebatan Laksamana Laut* dapat dilihat menerusi Che Deraman yang telah membantu penduduk kampung yang menghidapi penyakit pelbagai. Apabila membantu seseorang pesakit Che Deraman tidak akan pernah mengharapkan sebarang balasan dan juga upah meskipun dia telah melakukan dengan ikhlas dan ingin melihat penduduk kampung sentiasa sihat dan tidak mengalami sebarang masalah kesihatan.

Nilai baik hati melalui sikap pemurah dipaparkan melalui sajak *Kehebatan Laksamana*

*Laut*, telah menggunakan pendekatan kemasyarakatan melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Pendekatan kemasyarakatan telah menjadi saluran sejahtera bagi individu untuk memperkuat agama dan ketakwaannya, yang pada akhirnya mengarah pada kebajikan. (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh yang dapat dilihat dalam konteks sikap pemurah, keutamaan kebaikan dapat digunakan untuk mencirikan orang yang gemar memberikan sesuatu kepada orang lain dalam upaya meringankan beban orang-orang terdekat yang mengalami kesulitan dalam hidup. Dengan adanya sikap pemurah ini akan menjadikan seseorang itu akan dipandang mulia di sisi masyarakat mahupun di Nilai baik hati melalui sikap pemurah dipaparkan melalui sajak Kehebatan Laksamana Laut, telah menggunakan pendekatan kemasyarakatan melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Pendekatan kemasyarakatan telah dijadikan sebagai medium kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat bagi mengukuhkan lagi ketakwaan dan juga keimanan yang membawa kepada kebaikan (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh yang dapat dilihat nilai baik hati dalam konteks sikap pemurah ini dapat menggambarkan masyarakat yang suka memberi barang kepada orang lain bertujuan untuk meringankan beban orang sekeliling yang telah menghadapi kesusahan dalam kehidupan. Dengan adanya sikap pemurah ini akan menjadikan seseorang itu akan dipandang mulia di sisi masyarakat mahupun di sisi Allah S.W.T. Menurut Hashim Musa (2008) telah menyatakan bahawa orang yang mempunyai sifat dermawan dalam diri sudah pasti memahami semangat persaudaraan yang perlu ada dalam diri seseorang dan perlu mengasihi sesama insan sebagai manusia mengasihi dirinya sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana jika seseorang itu menyedari bahawa rezeki yang dikurniakan oleh Allah S.W.T hanyalah sekadar pinjaman dan juga amanah yang perlu diuruskan dengan sebaik-baiknya. Seharusnya apabila mendapai seseorang itu berada dalam kesusahan haruslah memberikan bantuan mengikut kemampuan yang ada, walaupun pada ketika itu diri sendiri juga turut menghadapi kesusahan. Dalam situasi khusus ini, kita dapat lihat bahawa dengan

adanya pendekatan kemasyarakatan ini dapat dijadikan sebagai platform pendidikan manusia untuk mempunyai sikap pemurah di dalam diri dan sentiasa bersedia untuk memberi bantuan bagi menghasilkan kehidupan yang hormoni dan sejahtera.

#### 4.2.4 Nilai Baik Hati Melalui Sikap Memahami

Menurut *Kamus Dewan* (2016) sikap memahami bermaksud sikap yang telah ada kepada orang yang sangat cerdas berkaitan dengan sesuatu perkara dan juga keadaan. Hal ini sangat benar kerana seseorang dengan sikap pengertian akan memberikan manfaat dan membantu orang lain yang tidak mengetahui suatu situasi atau topik. Orang ini mungkin sudah lama tinggal dan mengetahui segala sesuatu yang perlu diketahui tentang daerah tempat tinggalnya, dan memberikan nasihat kepada orang lain yang baru atau ingin tahu daerah tempat tinggalnya. Sikap memahami ini dapat dilihat melalui transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Pemujaan Pantai*, bersesuaian dengan contoh petikan sajak di bawah:

Tersebutlah zaman dahulu kala,  
Hadirnya sekumpulan nelayan,  
Membanting tulang empat kerat,  
Menyara keluarga,  
Hidup senang harus usaha,  
Tanpa menghiraukan panas dan hujan.

Sikap memahami perlu ada,  
Nasihat menasihati sesama kita,  
Tidak kira di mana jua,  
Dunia bukan milik kita.

Belayar jauh ke laut,  
Saling hormat sesama manusia,  
Agar tidak ditimpa perkara buruk,  
Takut menjadi insan hina.

Pesan ini ingatan buat sahabat,  
Untuk renungan bersama,  
Pesanan ini perlu uar-uarkan,  
Supaya menjadi tauladan bersama.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Menurut *Kamus Dewan* (2016) sikap memahami bermaksud sikap yang telah ada pada seseorang yang sangat arif berkaitan dengan sesuatu perkara dan juga keadaan. Hal ini dikatakan benar kerana seseorang dengan sikap pengertian akan memberikan manfaat dan membantu orang lain yang tidak mengetahui suatu situasi atau topik. Orang ini kemungkinan besar sudah lama tinggal di lokasi ini, mengetahui segala hal yang perlu diketahui tentang lokasi tersebut, dan membantu mereka yang baru atau ingin tahu tentang lokasi tersebut.

Menurut pendapat Mustafa Daud (1991) telah menyatakan bahawa sikap memahami ini mestilah ada dalam diri seseorang mukmin agar dapat membentuk masyarakat yang bahagia dan Bersatu-padu dalam menjaga kebajikan masyarakat yang bertujuan untuk menjaga kesejahteraan demi menjaga kebajikan dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, Tok Kelahi telah memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi berkaitan dengan pantang larang yang telah dilakukan orang-orang zaman dahulu kala mengenai sesuatu tempat atau kawasan. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Pemujaan Pantai*, sikap memahami ini dapat dibuktikan melalui rangkap kedua iaitu:

Sikap memahami perlu ada,  
Nasihat menasihati sesama kita,  
Tidak kira di mana jua,  
Dunia bukan milik kita.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Berdasarkan rangkap kedua di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa sikap memahami yang telah ada dalam cerita rakyat *Pemujaan Pantai* dapat dibuktikan melalui watak Tok Kelahi yang merupakan seorang bomoh yang sangat terkenal di kampung dan memiliki sikap pemaaf karena kebijaksanaannya yang besar dalam melakukan sesuatu perkara. Hal ini kerana, Tok kelahi telah mengingatkan kepada Udin, Sofi, dan Pak Man yang

ingin pergi menangkap hasil laut. Orang dahulu menyatakan bahwa ada banyak pantang dan larangan yang perlu dilakukan sebelum turun ke laut bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Apabila mereka mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan, sejak zaman dahulu lagi sudah pasti mereka akan selamat Pergi dan hati-hati agar selamat pulang ke rumah. Disini kita dapat lihat adanya sikap saling memahami dan juga saling mengingati diantara satu sama lain akan dapat memberi faedah kepada orang lain.

Nilai baik hati melalui sikap memahami dapat dilihat melalui sajak *Pemujaan Pantai* telah didasarkan pada Pendekatan Kemasyarakatan di bawah Teori Pengkaedahan Melayu, yang diperkenalkan oleh Hashim Awang (1989). Selain itu, dengan adanya pendekatan Kemasyarakatan telah dijadikan sebagai medium kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat, mengukuhkan ketakwaan dan juga keimanan yang telah menjurus kearah kebaikan (Hashim Awang,2020). Sebagai contoh yang dapat dilihat nilai baik hati melalui konteks sikap memahami dapat membentuk sebuah perhubungan yang selesa, saling hormat-menghormati diantara satu sama lain bagi memastikan ikatan kasih sayang sentiasa dalam ikatan bermasyarakat. Melalui konteks ini, dapat dilihat bahawa Pendekatan Kemasyarakatan sebagai salah satu medium untuk mendidik manusia untuk sentiasa berfikiran positif dalam membantu seseorang dalam menyelesaikan masalah yang berlaku di samping itu dapat mengeratkan lagi ukhwah dan diredhai oleh Allah S.W.T.

#### 4.3 Nilai Berdikari

Menurut Tajul Arifin Nordin dan Nor'aini Dan (1992), nilai berdikari bermaksud sebagai sifat seseorang individu yang boleh melakukan sesuatu tanpa mengharapkan bantuan daripada orang lain. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob, (2015) telah menyatakan berdikari dapat dirumuskan bahawa seseorang itu dapat melakukan sesuatu perkara

mengikut kemampuan sendiri tanpa mengharapkan pertolongan daripada orang lain. Manakala menurut (*Kamus Dewan*, 2017) berdikari bermaksud kebolehan yang ada dalam diri seseorang dalam melakukan sesuatu untuk menjaga diri sendiri dengan hasil titik peluh sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada orang lain. Hal ini, nilai berdikari dapat disimpulkan sebagai sikap manusia yang telah melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamat hidup tanpa mengharapkan pertolongan daripada orang lain. Melalui kajian ini akan membincangkan beberapa nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab.

#### 4.3.1 Nilai Berdikari Melalui Sikap Tanggungjawab

Menurut Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) bertanggungjawab bermaksud mengatasi rintangan di dalam menyahut cabaran semasa melakukan sesuatu tugas tanpa keluhan dan mengambil tindakan yang efektif telah diberikan dengan penuh bertanggungjawab agar dapat menghasilkan sesuatu kerja dengan luar biasa tanpa mempunyai masalah. Menurut Abu dan Munawar (2007) tanggunjawab telah bermaksud sebagai perbezaan diantara perkara yang salah dan juga benar, yang boleh di larang dan juga ditegah untuk menjauhi perkara-perkara yang bersifat negatif di dalam diri, manakala menurut Burhanudin (2002) telah menyatakan bahawa sikap tanggungjawab ini merupakan kesanggupan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara dan sanggup menanggung semua risiko yang akan berlaku. Menurut pengkaji juga, nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab ini sangat penting dan perlu ada dalam diri seseorang agar dapat melakukan kesemua pekerjaan yang diamanahkan dengan jayanya. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap tanggunjawab mestilah ada dalam diri setiap individu agar dapat melakukan sesuatu yang diamanahkan dalam menyelesaikan tugas dengan sempurna.

Sikap tanggungjawab ini dapat dibuktikan melalui transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai*

*Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *pokok tanjung dan alat muzik yang bisu* bersesuaian dengan petikan sajak dibawah:

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Mengisahkan kampung tanjung besar,  
Asal usul nama diberi,  
Diambil dari pokok tanjung,  
Terkenal dengan seni persembahan tradisional,  
Bahkan juga persembahan alat muzik.

Persembahan dikir barat,  
Diminati oleh sekumpulan pemuda,  
Satu kumpulan telah ditubuhkan,  
Diketuai oleh Mail.  
Sikap bertanggungjawab ditunjukkan,  
Sebagai seorang ketua berwibawa,  
Menyampaikan mesej pada semua,  
Memimpin kumpulan serta pertandingan.

Sikap bertanggungjawab terbentuk,  
Sebagai seorang ketua kumpulan,  
Sifat berani dan berkobar-kobar,  
Bertahta di hati,  
Sertai pertandingan dikir bakat.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Sikap bertanggungjawab perlulah ada dalam diri setiap manusia agar dapat melahirkan seorang individu yang memiliki sikap tanggungjawab dalam melakukan sesuatu perkara dan juga dapat memikul dan juga dapat melakukan sesuatu yang telah di amanahkan terhadap diri individu supaya berjalan dengan lancar (*Kamus Dewan*,2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap tanggungjawab yang telah dimiliki oleh Mail iaitu pemuda yang sangat bertanggungjawab dalam melakukan amanah yang telah diberikan kepadanya dengan bersungguh-sungguh tanpa mempunyai perasaan penat di dalam dirinya. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Pokok Tanjung dan*

*Alat Muzik Bisu*, sikap tanggunjawab ini dapat dibuktikan melalui rangkap tiga iaitu:

Sikap bertanggunjawab ditunjukkan,  
Sebagai seorang ketua berwibawa,  
Menyampaikan mesej pada semua,  
Memimpin kumpulan serta pertandingan.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap tiga di atas dapat dilihat dengan jelas bahawa sikap bertanggunjawab yang terdapat dalam cerita rakyat *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Bisu* dibuktikan melalui sikap tanggunjawab yang telah ada dalam diri penduduk kampung Pengkalan Datu dapat dilihat melalui sikap mereka yang berusaha bersungguh-sungguh berlatih dikir barat bagi tujuan mengharumkan nama kampung Pengkalan Datu. Disebabkan ingin memastikan kemenangan dikir barat menjadi milik mereka, Mail sebagai seorang ketua kumpulan telah berjumpa dengan ketua kampung untuk memaklumkan niatnya untuk menyertai pertandingan dikir barat dan berjanji akan melakukan yang terbaik dalam pertandingan dikir barat tersebut. Di sini, dapat dilihat dengan jelas bahawa sikap yang telah ada dalam diri Mail bagi memajukan kampung dalam aktiviti kesenian.

Nilai berdikari melalui sikap tanggungjawab yang terdapat di dalam sajak *Pokok Tanjung dan Alat Muzik Bisu* ini Sikap bertanggunjawab ditunjukkan, Sebagai seorang ketua berwibawa menyampaikan mesej pada semua, Memimpin kumpulan serta pertandingan ini bertunjangkan pendekatan Moral melalui Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Pendekatan Moral ini telah merujuk kepada pengalaman dan ilmu yang telah ada dalam diri setiap manusia dalam sesebuah kehidupan agar dapat memberi kesan yang positif mahupun negatif terhadap diri mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh yang dapat dilihat bahawa, melalui konteks

sikap tanggungjawab ini dapat digambarkan bahawa cara kehidupan yang telah dilakukan mestilah mempunyai ilmu pengetahuan untuk memberi impak yang positif dalam menjalankan sesuatu tugas dengan bersungguh-sungguh. sebuah tugas dengan keseriusan. Dalam situasi ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa Pendekatan Moral ini sebagai platform pendidikan manusia agar mempunyai sikap tanggungjawab dalam diri semasa menjalankan amanah atau segala tugas dengan bersungguh-sungguh agar memperolehi impak yang positif bersama-sama.

#### 4.4. Nilai hormat-menghormati

Menurut Rasa hormat menurut Tajul Arifin Nordin dan Nor'aini Dan (1992) sebagai perilaku dan sikap seseorang yang menunjukkan perbuatan yang sangat mulia dan mempunyai budi pekerti yang tinggi terhadap masyarakat yang lain. Manakala menurut Norita Arifin (2006) telah mentakrifkan nilai hormat menghormati sebagai perasaan muhibah, bertimbang rasa, dan sangat ikhlas pada masa yang sama juga mestilah menunjukkan rasa hormat terhadap orang lain. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa, melalui konteks ini, nilai hormat-menghormati telah terbahagi kepada dua iaitu sikap menghormati orang yang lebih tua dan juga sikap menghormati rakan-rakan. Seterusnya, sikap hormat-menghormati dapat membentuk budaya bangsa yang sangat bermoral dan dapat melahirkan masyarakat yang bertamadun (Hashim Awang,2002). Selain itu, hormat menghormati menurut (*Kamus Dewan*,2017) ialah perasaan hormat yang telah ada dalam diri seseorang.

Nilai hormat-menghormati merupakan perbuatan orang yang sangat terhormat dan dipandang tinggi terhadap sesiapa sahaja yang telah berada di sekeliling bertujuan bagi mengeratkan hubungan sirurahim diantara satu sama lain dengan memberikan layanan yang baik. Dengan adanya sikap hormat-menghormati ini dapat menjadikan seseorang yang berfikiran positif dan sopan dalam melakukan sesuatu perkara. Orang

tua hendaknya menanamkan amalan baik ini pada anak sejak kecil lagi bagi melahirkan anak-anak yang berfikiran positif dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, melalui kajian ini telah membincangkan beberapa nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati orang tua, sikap percaya pada adat dan juga sikap menghormati kedudukan raja.

#### 4.1.1 Nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati orang tua

Menurut *Kamus Dewan* (2016), maksud orang tua ialah gelaran yang telah diberikan kepada orang yang lebih tua seperti ibu, ayah serta orang yang lebih berusia. Menurut pengkaji, nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati orang tua perlulah ada dalam diri seseorang bagi memastikan kehidupan seseorang itu sentiasa diberkati oleh Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana, perasaan hormat orang tua merupakan sikap yang terpuji yang perlu ada dalam diri semua orang kerana dengan adanya sikap ini secara tidak langsung dapat melihat perwatakan dan juga tingkah laku yang sopan terhadap orang tua dalam berkomunikasi dan juga menjaga cara percakapan. Sikap hormat kepada orang tua boleh dilihat melalui transkripsi sajak Melayu dalam sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *sajak tok Karim guru silat masyur*, bersesuaian dengan contoh yang diberikan di bawah:

Tersebutlah kisah suatu riwayat,  
Semangat tok Karim seorang perwira,  
Diangkat sebagai seorang tokoh,  
Dihormati oleh lapisan masyarakat.

Hormat menghormati sesama manusia,  
Tanpa mengira umur,  
Bertekad hati mencari ilmu,  
Agar hidup tidak sesat.

Hormat menghormati perlu ada,  
Dalam diri seseorang,  
Untuk menjaga hubungan yang baik,  
Sesama insan.

Sikap menghormati amalan terpuji,  
Orang yang berusia perlu dihormati,  
Jika hilangnya perasaan hormat,  
Sudah pasti dibenci ramai.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Sikap menghormati orang tua ini sangat penting dalam kehidupan manusia bagi melahirkan masyarakat yang hidup secara aman dan damai (Hashim Musa, 2008). Seterusnya, sikap menghormati orang tua telah ada pada masyarakat setempat yang telah ditunjukkan terhadap Tok Karim. Hal ini dikatakan demikian kerana, penduduk Kampung telah menjadikan Tok Karim sebagai idola kerana mempunyai ilmu persilatan dan mempunyai sikap rendah diri. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Tok Karim guru silat masyur* dapat dibuktikan melalui rangkap kedua iaitu:

Hormat menghormati sesama manusia,  
Tanpa mengira umur,  
Bertekad hati mencari ilmu,  
Agar hidup tidak sesat.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Berdasarkan perenggan kedua ini, dapat dilihat bahawa sikap menghormati yang telah ada dalam cerita rakyat *Tok Karim guru silat mansyur* menerusi watak orang kampung yang sangat menghormati dan menjadikan Pak Karim sebagai idola mereka kerana sikap yang telah ditunjukkan oleh beliau yang tidak mempunyai sikap sompong dan seorang yang merendah diri. Hal ini dikatakan demikian kerana, beliau telah menyumbangkan ilmu persilatan terhadap anak-anak muridnya untuk menjaga keselamatan mereka dalam mempertahankan diri apabila berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Jelaslah disini bahawa golongan muda amat menghormati orang yang lebih tua dan mempunyai ilmu agar dapat mengeratkan persaudaraan diantara masyarakat supaya lebih erat.

Nilai hormat-menghormati yang ditunjukkan menerusi watak golongan muda yang telah

terdapat di dalam sajak Tok Karim Guru Silat Masyhur telah menggunakan pendekatan Moral manakala teori yang digunakan pula ialah teori Pengkaedahan Melayu telah digagaskan oleh hashim Awang (1989). Pendekatan Moral ini berkaitan dengan pengalaman dan ilmu yang telah ada dalam kehidupan manusia dapat memberi kesan yang positif dan negatif kepada mereka (Hashim Awang,2020). Antara contoh yang dapat dilihat, nilai hormat-menghormati orang tua ini telah menunjukkan kemuliaan yang telah ada pada diri seseorang yang telah menghormati orang yang lebih berusia daripannya agar dapat membina sebuah perhubungan yang lebih rapat. Melalui konteks ini, pendekatan moral sangat sesuai digunakan bagi tujuan mendidik manusia dalam mencari keredhaan Allah agar menghormati semua orang supaya dipandang tinggi di sisi Allah S.W.T dan juga menambahkan lagi ilmu berkaitan dengan agama agar menjadi manusia yang lebih baik.

#### 4.1.2 Nilai hormat-menghormati melalui sikap percaya pada adat

Kepercayaan merupakan salah satu keyakinan, di dalam diri seseorang berkaitan dengan apa yang telah berlaku. Adat pula telah bermaksud sebagai peraturan yang perlu diikuti sejak dahulu lagi dalam Kalangan masyarakat. Manakala istilah resam pula bermaksud sebagai perkara yang biasa dilakukan, aturan-aturan yang telah menjadi adat, pembawaan, ataupun tabiat dan juga sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap hormat dan kepercayaan terhadap sesuatu perlulah ada dalam diri seseorang kerana itu merupakan tradisi yang telah dilakukan oleh bangsa dan telah diamalkan sekian lama sejak daripada nenek moyang kita lagi. Sikap hormat yang dapat dilihat menerusi adat resam melalui transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *pemujaan pantai* bersesuaian dengan petikan di bawah:

Tersebutlah kisah dahulu kala, Mengambil tahu  
tentang kepercayaan dan adat,

Empat sahabat turun ke laut,  
Mencari rezeki menangkap hasil laut.

Menghormati kepercayaan orang, Jangan lupa nasihat pantang larang,  
Ikuti segala syarat sebelum turun ke laut,  
Agar tidak mendapat nasib malang.

Sikap hormat akan adat resam,  
Perlu ada dalam diri semua orang,  
Kerana orang dahulu lebih tahu,  
Semua yang terjadi dijadikan pengajaran,  
Jika tidak dihiraukan kelak memakan diri.

Kepercayaan orang jangan mempertikaikan,  
Hormat sahaja sudah memandai,  
Sebagai lambang jati diri,  
Adat orang jangan dibantah.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Masyarakat Melayu pada zaman dahulu terbiasa mengikuti tradisi adat resam dalam meneruskan kehidupan seharian untuk memastikan kesinambungan budaya diantara masyarakat sekeliling sentiasa disayangi oleh masyarakat (Hashim Musa,2008: Mohd Firdaus Che Yaacob,2015). Hal ini dikatakan demikian kerana dapat dilihat dengan jelas, melalui sikap hormat dan kepercayaan terhadap adat resam yang telah ada dalam diri pemuda-pemuda tersebut iaitu Udin, Sofi, Daud dan Pak Man. Apabila ingin turun ke laut mereka akan mengingati dan tidak melanggar pantang larang yang telah diberitahu oleh nenek moyang kerana tidak ingin berlaku apa- apa yang tidak diingini semasa berada di laut. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu menerusi cerita rakyat Pemujaan Pantai, sikap hormat kepada kepercayaan dan adat resam dapat dibuktikan melalui rangkap dua iaitu:

Menghormati kepercayaan orang,  
Jangan lupa nasihat pantang larang,  
Ikuti segala syarat sebelum turun ke laut,  
Agar tidak mendapat nasib malang.

Berdasarkan rangkap dua di atas dapat dilihat bahawa sikap hormat terhadap kepercayaan dan adat resam menerusi cerita *rakyat Pemujaan Pantai*. Melalui cerita tersebut dapat dibuktikan melalui watak yang telah ditunjukkan oleh beberapa orang pemuda iaitu Udin, Sofi, Daud, dan juga Pak Man yang sangat hormat akan adat resam orang dahulu sebelum turun mencari rezeki ke laut untuk meneruskan kehidupan dan menjaga keluarga masing-masing. Sebelum turun ke laut mereka berempat akan mengikuti segala syarat-syarat yang telah ditetapkan iaitu setelah pertengahan musim, sebelum mereka turun ke laut mestilah menyembelihkan seekor kerbau putih, dan menghanyutkan setiap bahagian kerbau di laut selama tujuh hari berturut-turut. Tujuan mereka melakukan pantang larang yang telah dilakukan oleh orang dahulu kerana, bagi menggelakkan nasib malang dan tidak memperolehi hasil laut. Jelaslah disini bahawa, pemuda-pemuda ingin menunjukkan rasa hormat yang besar terhadap kepercayaan dan adat istiadat yang dilakukan oleh orang zaman dahulu kala.

Pentingnya menunjukkan rasa hormat dengan menghormati adat dan kepercayaan masyarakat yang telah ditunjukkan di dalam sajak *Pemujaan Pantai* ini telah menggunakan pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Seterusnya, dengan menggunakan pendekatan Moral ini telah menunjukkan pengalaman yang telah diperolehi dalam kalangan masyarakat dalam meneruskan kehidupan dapat memberi kesan yang positif terhadap mereka (HashimAwang, 2002). Sebagai contoh, yang dapat dilihat nilai hormat-menghormati terhadap kepercayaan dan adat resam ini telah menunjukkan adat resam masyarakat Melayu pada zaman dahulu sangat mementingkan terhadap kepercayaan daripada nenek moyang zaman dahulu sebagai panduan untuk meneruskan kehidupan pada zaman dahulu kerana agama Islam belum lagi tersebar dan telah mendapat pengaruh daripada Hindu. Dengan ini, secara tidak langsung terdapat segelintir

masyarakat pada hari ini telah percaya bahawa upacara yang telah dilakukan ini dapat memberikan keselamatan dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks ini terbukti bahawa, melalui pendekatan Moral ini dapat dijadikan sebagai medium untuk mengajar manusia untuk terus menghormati kebudayaan dan juga kepercayaan masyarakat bagi mewujudkan kehidupan yang harmoni dan sejahtera.

#### 4.1.2 Sikap Hormat-Menghormati Melalui sikap Menghormati Kedudukan Raja.

Raja merupakan sebagai orang yang sangat penting dan telah dijadikan sebagai ketua dan memerintah sesebuah negara. Raja telah berkuasa dalam menjaga dan juga mentakbir keamanan sesebuah negara. Menurut *Kamus Dewan*, (2016) telah menyatakan bahawa negara yang telah didiami oleh sekelompok masyarakat yang diperintahkan oleh seorang ketua bagi mendorong kemajuan dalam sesuatu bangsa. Bagi pandangan pengkaji, sikap hormat menghormati melalui sikap menghormati kedudukan raja sangat penting dan perlu ada dalam diri semua masyarakat agar dapat hidup dalam keadaan yang aman dan damai sentiasa. Menerusi ini dapat disimpulkan bahawa sikap menghormati kedudukan raja ini sangat penting bagi seseorang yang taat terhadap pemerintahan yang dijadikan sebagai ketua negara dan mengikuti segala sistem yang berkaitan dengan sistem dan juga undang-undang yang telah ditetapkan bagi memastikan sesebuah negara itu aman dan damai. Sikap menghormati kedudukan raja ini dapat dilihat melalui transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Simbolik Rebana*, bertepatan dengan contoh sajak di bawah:

Alkisah tersebutlah sebuah cerita,  
kampung Pulau Gajah pembuka cerita,  
Mengisahkan tentang golongan raja,  
Bunyi rebana pembuka cerita.

Hormat-menghormati amalan yang baik,  
Jati diri mencerminkan seseorang,

Tersemat kukuh di dalam jiwa,  
Mendidik rakyat melakukan kebaikan.

Hormat kepada raja sangatlah penting,  
Mengeratkan hubungan yang sedia ada,  
Menjadi tanggunjawab bersama,  
Hormat akan pemimpin negara.

Sikap hormat kepada raja,  
Menjaga keamanan negara bersama,  
Jadilah rakyat yang berguna,  
Demi keamanan kita bersama.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Sikap menghormati kedudukan raja sangatlah penting terutamanya dalam kalangan masyarakat bagi memastikan bangsa yang makmur, aman, dan damai, (Hashim Musa,2008). Seterusnya, dengan adanya sikap menghormati kedudukan raja yang telah ada dalam kalangan penduduk kampung Pulau Gajah kerana sangat menghormati kedudukan raja dan juga pemimpin yang mentadbir sesbuah negara. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Simbolik Rebana*, sikap menghormati kedudukan raja ini sangatlah penting dapat dilihat melalui rangkap tiga iaitu:

Hormat kepada raja sangatlah penting,  
Mengeratkan hubungan yang sedia ada,  
Menjadi tanggunjawab bersama,  
Hormat akan pemimpin negara.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap tiga ini dapat dilihat dengan jelas bahawa sikap menghormati kedudukan raja yang telah ada dalam cerita rakyat *simbolik Rebana* dapat dilihat melalui watak penduduk kampung Pulau Gajah sangat menghormati golongan raja. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat telah bekerjasama diantara satu sama lain

ketika menjayakan upacara majlis yang telah diiringi bunyi alat muzik rebana. Seterusnya, alat muzik rebana ini, hanya dimainkan oleh masyarakat ketika menyambut golongan raja dalam majlis yang tertentu, tidak boleh dimainkan sesuka hati alat muzik rebana ini kerana akan dianggap tidak menghormati golongan raja. Penduduk kampung Pulau Gajah sangat menghormati golongan raja dan dianggap sebagai pemerintah dan pentadbir negara yang paling hebat.

Pentingnya menunjukkan rasa hormat dengan menghormati kedudukan raja yang telah ditunjukkan melalui sajak *Simbolik Rebana* ini telah menggunakan pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Pendekatan Moral ini telah menunjukkan tentang pengelaman dan juga ilmu yang telah ada dalam diri seseorang individu bagi meninggalkan kesan yang baik pada mereka (Hashim Awang,2002). Sebagai contoh yang dapat dilihat, pentingnya rasa hormat dalam konteks penghormatan terhadap kekuasaan raja dapat dilihat dengan jelas berkaitan dengan ketaatan yang telah ada dalam masyarakat yang terletak di Tanah Melayu yang dikatakan sangat menghormati kedudukan raja bagi memastikan kesejahteraan, kehormonian rakyat serta negara. Jelaslah disini bahawa, dapat dilihat bahawa pendekatan Moral ini sesuai dijadikan medium untuk mengajar manusia untuk menghormati kedudukan raja dan negara bagi memastikan negara sentiasa makmur dan aman hormoni sentiasa.

#### 4.4 Nilai keberanian

Nilai keberanian dimaksudkan dengan seseorang individu yang telah berusaha dengan kuat dalam menghadapi tantangan dengan keberanian, keyakinan diri, ketekunan, dan perjuangan dengan sepenuh hati walaupun tahu akibat yang terpaksa ditempuhi pada masa akan datang (Tajul Ariffin Noordin dan Nor'aini Dan,1992, Aboebakar Atjeh,1988; Jumali Selamat,2001; Norita Ariffin 2006; Hashim Musa,2008, siti Rabiatul Adawiah

Jaffar,2013). Selain itu, keberanian juga bermaksud sikap keberanian yang telah dimiliki oleh orang lain tanpa mempunyai perasaan takut dan juga gentar dalam menghadapi sebarang cabaran, kerana dalam memperjuangkan keberanian disebabkan itulah telah berani menanggung segala risiko dan juga cabaran yang terpaksa dihadapi (Mohd Firdaus Che Yaacob,2015). Seterusnya, maksud keberanian menurut (*Kamus Dewan*,2017) ialah kemampuan seseorang dalam mengawal ketakutan apabila telah berlaku ketakutan dalam menghadapi bahaya ataupun berada dalam kesakitan. Di samping itu, dapat disimpulkan bahawa, nilai keberanian dalam diri seseorang dalam melakukan sesuatu perkara tanpa memikirkan risiko yang terpaksa dihadapi, mempunyai keyakinan diri yang tinggi, dan sentiasa bersiap sedia dalam melakukan sesuatu perkara. Menerusi Penelitian ini akan mengkaji beberapa aspek keberanian melalui sikap berani dalam mempertahankan diri, nilai berani dalam mempertahankan penderian, nilai keberanian melalui sikap berani.

#### 4.4.1 Nilai keberanian melalui sikap berani mempertahankan diri

Mempertahankan bermaksud ialah berusaha untuk mengekalkan, berpegang teguh, dan berusaha agar tidak melakukan sesuatu yang merugikan diri sendiri dan tidak berubah. Manakala menurut (*Kamus Dewan*,2026) diri merupakan susuk tubuh manusia yang mempunyai keupayaan untuk berfikir dan juga untuk bergerak. Menurut pengkaji, nilai keberanian melalui sikap berani mempertahankan diri mestilah ada dalam diri setiap orang bagi mempertahankan hak orang lain ataupun hak diri sendiri daripada ditindas kepada golongan lain. Dengan ini, sikap berani dalam mempertahankan diri dapat disimpulkan sebagai sikap seseorang yang telah bertekad untuk melakukan sesuatu perkara secara bersungguh-sungguh untuk mempertahankan diri. Sikap berani dalam mempertahankan diri ini dapat dilihat menerusi transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Kubang Dek*, bersesuaian dengan sajak di

bawah:

Sekitar tahun 1500,  
Terdapat satu Kubang,  
Diberi nama Kubang Dek.

Kubang Dek, Merupakan lopak air,  
Tidak terusik dan terbiar,  
Dipenuhi ikan-ikan laga,  
Hidup beranak pinak di dalamnya.

Cerita Lagenda tersingkap sekian lama,  
Mengisahkan pertarungan dua ekor ular,  
Dikenali ular cap raya dan ular tedung  
Pertarungan sengit berlaku,  
Antara kedua belah pihak,

Tanpa menghiraukan keadaan sekeliling,  
Dek perebutan tempat tinggal,

Keberanian terserlah antara keduanya,  
Rela berkorban segalanya,  
Demi mempertahankan tempat tinggal,

Pada akhirnya kecundang dengan kematian kedua pihak.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Sikap berani dalam mempertahankan diri merupakan sikap yang perlu ada dalam semua makhluk ciptaan Allah S.W.T perlulah mempunyai prinsip hidup yang sangat jelas, mempunyai hati yang kental dan mempunyai semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan diri sendiri. (Hashim Musa,2008). Hal ini dikatakan demikian, sikap berani dalam mempertahankan diri yang telah dimiliki oleh ular cap raya yang dikatakan sangat berani dalam melawan musuh yang ingin merampas tempat tinggalnya. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Kubang Dek, sikap berani dapat dilihat melalui rangkap empat iaitu:

Pertarungan sengit berlaku,  
Antara kedua belah pihak,  
Tanpa menghiraukan keadaan sekeliling,  
Dek perebutan tempat tinggal,

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap empat ini, telah membuktikan bahawa sikap berani dalam mempertahankan diri yang terdapat dalam *cerita rakyat Kubang Dek* dapat dilihat melalui watak seekor ular cap raya yang sangat berani. Di sini telah dapat dilihat dengan jelas, bagaimana tindakan yang telah dilakukan oleh ular Cap Raya yang telah berusaha mempertahankan tempat tinggalnya daripada diambil oleh ular tedung. Walaupun terpaksa menanggung risiko dalam mempertahankan tempat tinggalnya ular Cap Raya tetap berusaha untuk menyelamatkan tempat tinggalnya dengan berlawan dengan ular tedung dan akhirnya kemenangan telah berpihak kepadanya dan berjaya menjaga haknya daripada diambil oleh ular tedung tersebut. Menerusi konteks ini, jelas terbukti bahawa semua orang mestilah berusaha untuk mempertahankan diri sendiri agar diri mereka tidak ditindas oleh orang lain dengan melakukan tindakan yang betul dan tindakan yang bijak.

Berdasarkan nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri telah menggunakan pendekatan Moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan Moral telah menceritakan berkaitan dengan pengalaman yang telah dilalui oleh manusia dan juga memberi kesan yang positif dalam kalangan mereka (Hashim Awang,2002). Sebagai contoh, kajian ini telah menceritakan berkaitan nilai keberanian dalam konteks mempertahankan diri dalam mempertahankan diri daripada disakiti dan juga dianiaya oleh orang lain. Sesungguhnya, setiap manusia ini telah mempertahankan diri mereka bagi mengelakkan daripada berlaku perkara yang tidak diingini daripada berlaku. Menerusi konteks ini, telah menunjukkan bahawa setiap manusia perlulah bertindak untuk menjaga dirinya dan orang lain bagi memastikan sesuatu perkara berjalan dengan

lancar. Menurut Aboebakar Atje (1988) keberanian bermaksud mempertahankan diri dan mengelakkan daripada mempunyai perasaan ragu-ragu untuk membuat keputusan yang sulit agar tidak mempunyai keputusan yang betul dalam menjaga keselamatan diri dan juga pihak lain. Manakala, menurut Hashim Musa (2008) telah menyatakan bahawa nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri dapat menunjukkan sikap yang kental, cekal dan sebagainya dalam memastikan tanggunjawab yang diberikan dapat dijalankan dengan sebaik mungkin. Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa, setiap manusia perlulah mengamalkan sikap keberanian dalam diri bagi memastikan diri sentiasa selamat dan tidak menjadi mangsa keadaan daripada pihak yang tidak bertanggunjawab.

#### 4.5.2 Nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri

Mempertahankan bermaksud sebagai satu usaha yang kekal, berpegang teguh dengan ini dapat diusahakan agar tidak melakukan sesuatu ikhtiar supaya tidak berubah. Manakala diri menurut (*Kamus Dewan*,2016) bermaksud sebagai susuk tubuh manusia yang mempunyai keupayaan untuk berfikir untuk bergerak. Menurut pengkaji, nilai keberanian melalui sikap berani mestilah ada dalam diri seseorang bagi mempertahankan diri dan nekad untuk berjuang secara bersungguh-sungguh untuk mempertahankan diri sendiri. Sikap berani dalam mempertahankan diri dapat dibuktikan melalui transkripsi Sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan yang bertajuk Asal Usul kampung Babong bersesuaian dengan sajak di bawah:

Dengarlah kisah dahulu kala,  
Kampung babong empunya cerita,  
Menceritakan apa yang berlaku,  
Hadirnya hero sebagai penyelamat.

Tok Babong nama diberi,

Bertubuh tegap berjiwa kental,  
Apabila kampung dimasuki musuh,  
Bersiap sedia untuk mati.

Berani dalam mempertahankan diri,  
Agar diri tidak dipergunakan,  
Sikap berani sangat penting,  
Supaya digeruni musuh,  
Musuh tidak datang mendekat,  
Kerana tidak berani.

Sifat berani sangat penting,  
Melindungi sesiapa sahaja,  
Jikalau tidak memperohi keberanian,  
Kelak diri akan ditindas.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Sikap berani dalam mempertahankan diri merupakan sikap manusia yang telah mempunyai prinsip hidup yang sangat jelas dan mempunyai semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan keadilan agar sentiasa melindungi diri (Hashim Musa,2008). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap berani telah dimiliki oleh Tok Babong kerana dikatakan sangat berani dalam menyuarakan pendapat dan juga menolak apa yang dirasakan tidak betul yang telah berlaku di dalam pemerintahan di kampung Babong kerana akan menampar sesiapa sahaja yang telah melakukan kesalahan kepada nya yang telah tersalah cakap terhadapnya. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Asal Usul Kampung Babong*, sikap berani dalam mempertahankan diri ini dapat dibuktikan melalui rangkap tiga:

Berani dalam mempertahankan diri,  
Agar diri tidak dipergunakan,  
Sikap berani sangat penting,  
Supaya digeruni musuh,  
Musuh tidak datang mendekat,  
Kerana tidak berani.

Berdasarkan rangkap tiga di atas telah membuktikan bahawa sikap berani dalam mempertahankan diri yang telah ada dalam cerita rakyat *Asal Usul Kampung Babong* dapat dilihat menerusi watak Tok Babong atau nama diberi Datuk Babong yang merupakan seorang yang berani dalam menyuarakan dalam melakukan sesuatu perkara yang tidak sepatutnya berlaku di Kampung pemerintahannya. Hal ini dapat dibuktikan melalui sikap berani yang telah ada dalam diri Tok Babong yang merupakan seorang yang panas baran kerana berani menampar sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan terhadap dirinya. Dengan sikap nya berani itu telah menyebabkan masyarakat di kampung tersebut telah menyanjung tinggi akan beliau. Jelaslah disini bahawa, dapat disimpulkan sikap yang telah ada dalam diri Tok Babong dalam mempertahankan hak-hak penduduk kampung semasa pemerintahan beliau.

Rentetan daripada itu, nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri telah menggunakan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral itu bertujuan untuk memperlihatkan pengelaman yang telah dihadapi oleh semua manusia, ilmu yang telah ada dalam diri manusia dalam kehidupan sangatlah penting bagi memberi kesan dan positif dan juga negatif dalam kehidupan (Hashim Awang,2002). Menerusi kajian ini telah menunjukkan bahawa nilai keberanian yang telah ada dalam sikap mempertahankan diri ini dapat melindungi diri seseorang agar sentiasa selamat sentiasa. Dalam konteks ini, telah menunjukkan bahawa sikap manusia seharusnya sentiasa bertindak untuk memastikan segala kesusahan yang telah menimpa dirinya. Menurut (Hashim Musa, 2008) telah menyatakan bahawa nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri dalam melakukan sesuatu kerana telah mempunyai prinsip hidup yang sangat cekal, dan juga mempunyai semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan keadilan yang penuh bertanggungjawab untuk kebaikan bersama. Dapat dirumuskan bahawa setiap manusia seharusnya mempraktikkan sikap

#### 4.5.3 Nilai berani dalam mempertahankan penderian

Penderian bermaksud satu pegangan untuk melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan sesuatu perkara (*Kamus Dewan*,2016). Menurut pengkaji, nilai berani dalam mempertahankan penderian sangat lah penting dalam diri seseorang bagi menjadikan seseorang yang tegas dan tidak mudah merubah pandangan semasa melakukan sesuatu perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap mempunyai penderian ini, dikatakan sebagai sikap yang perlu ada dalam diri seseorang telah berpegang teguh dengan keputusan yang telah dilakukan dan tidak bertukar-tukar pendapat dan tidak termakan dengan segala pandangan yang telah diberikan oleh orang lain demi kepentingan bersama. Sikap mempunyai penderian ini dapat dibuktikan melalui transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Kemasyuran Pantai Pengkalan Datu* bersetujuan dengan sajak dibawah:

Pada zaman dahulu kala,  
Terdapatnya sebuah pantai,  
Dikenali sebagai pantai Pengkalan Datu.

Pantai Pengkalan Datu,  
Pusat perdagangan terawal negeri,  
Diperintah seorang puteri cantik rupawan,  
Diberi nama Puteri Saadong,  
Seorang pemerintah yang bijaksana.

Pantai Pengkalan Datu,  
Merupakan pusat perdagangan terbesar,  
Tetapi tidak sepesat negari lain,  
Hal ini menimbulkan dukacita Puteri Saadong.

Pelbagai cara bermain di minda,  
Fikiran menerawang memikirkan cara,  
Menaik taraf pusat perdagangan,  
Sekaligus menyaangi negeri-negeri lain.

Timbulnya idea berna,  
Di benak fikiran sang Puteri,  
Membuat para pembesar terkedu dan Tergamam,  
Sehingga berpandangan sesama sendiri,

Diturutkan jua segala perintah walau Keraguan melanda.

Pada akhirnya pantai Pengkalan Datu,  
Berkembang dengan lebih pesat,  
Hasil idea berna sang puteri.

Keberanian sang Puteri terserlah,  
Memikul bebanan memajukan ekonomi,  
Walau menimbulkan keraguan para Pembesar,  
Tetap percaya pada diri,  
Pada akhirnya membuaikan hasil.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Sikap mempunyai penderian ini sangat penting dalam diri seseorang untuk memberikan pandangan hidup kepada orang ramai dan juga berlandaskan sebab-sebab yang tertentu telah memberi impak yang positif terhadap diri sendiri dan juga masyarakat sekeliling (*Kamus Dewan*, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap mempunyai penderian yang tetap dalam diri Puteri Saadong walaupun mendapat tentangan beliau tetap ingin mempertahankan cadangan yang telah dikemukakan oleh beliau untuk memajukan perdagangan di pantai pengkalan datu. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu cerita rakyat *Kemasyuran Pantai Pengkalan Datu*, sikap mempunyai penderian ini dapat dilihat menerusi rangkap ketujuh iaitu:

Keberanian sang Puteri terserlah,  
Memikul bebanan memajukan ekonomi,  
Walau menimbulkan keraguan para Pembesar,  
Tetap percaya pada diri,  
Pada akhirnya membuaikan hasil.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Berdasarkan rangkap tujuh di atas telah membuktikan sikap mempunyai penderian yang tetap menerusi cerita rakyat kemasyuran pantai pengkalan datu yang dapat dilihat menerusi watak Puteri Saadong yang berani untuk memperjuangkan penderiannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, Puteri Saadong akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan ekonomi dan perdagangan di kampung tersebut berada dalam keadaan baik, dan nasib mereka akan sentiasa terbela. Pada mulanya cadangan baginda tidak mendapat persetujuan daripada pembesar-pembesar yang lain, kerana mereka takut akan mengalami kerugian yang lebih banyak. Dengan adanya sikap ini di dalam diri Puteri Saadong telah membuktikan bahawa walaupun hanya seorang wanita masih boleh menyuarakan pendapat dan juga memperjuangkan segala segala penderian yang dirasakan baik bagi mencapai sesuatu kejayaan di dalam kehidupan. Nilai keberanian melalui sikap mempunyai penderian yang telah ditunjukkan melalui sajak Kemasyuran pantai pengkalan datu telah menggunakan pendekatan moral dan mengaplikasikan teori Pengkaedan Melayu yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral ini telah menceritakan berkaitan dengan pengalaman dan juga ilmu yang telah diperolehi dalam kehidupan manusia dapat memberi kesan yang positif terhadap mereka (Hashim Awang,2002). Sebagai contoh, nilai keberanian telah menggambarkan seseorang yang mempunyai penderian yang jelas di dalam kehidupan dan juga sentiasa berani untuk menyebarkan segala kebaikan dalam diri seseorang dan juga masyarakat sekeliling. Jelaslah, disini bahawa, dapat dilihat menerusi pendekatan moral ini dapat dijadikan sebagai medium untuk mendidik manusia agar sentiasa mempunyai penderian yang teguh dalam membuat sesuatu keputusan.

#### 4.6 Nilai kerajinan.

Menurut Jumali Selamat 2001, telah menyatakan bahawa kerajinan merupakan usaha

yang telah dilakukan oleh seseorang secara berterusan dengan penuh semangat bagi mencapai apa yang diingini dengan baik. Nilai kerajinan ini juga merupakan usaha yang telah dilakukan oleh seseorang dengan bersungguh-sungguh untuk memenuhi segala maklumat dan juga mencapai cita-cita yang diingini (Hashim Musa,2008). Akhir sekali menurut Norita Arifin (2006) telah menyatakan bahawa kerajinan bermaksud sesuatu yang telah dilakukan oleh seseorang dengan bersungguh-sungguh dan bersemangat dalam melakukan sesuatu pekerjaan, dan tanpa mempunyai perasaan bosan untuk mencuba sesuatu perkara sehingga apa yang diingini tersebut telah tercapai dengan jayanya. Jelaslah disini bahawa, berdasarkan pandangan tersebut dapat disimpulkan bahawa kerajinan dalam melakukan sesuatu perkara itu, mestilah dilakukan dengan baik, bersungguh-sungguh, cekal, gigih dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu perkara bagi memenuhi segala keinginan dan juga sasaran yang telah ditetapkan bagi mencapai kejayaan.

#### 4.6.1 Nilai kerajinan melalui sikap daya usaha

Menurut Jumali Selamat, (2001) telah menyatakan bahawa daya usaha merupakan sesuatu kesungguhan dalam melakukan sesuatu perkara dengan sepenuh hati dan bersungguh-sungguh bagi menghasilkan sesuatu perkara yang bermutu tinggi. Manakala menurut Hashim Musa (2008) telah menyatakan bahawa daya merupakan sesuatu usaha yang telah dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sesuatu yang bermutu tinggi. Menurut pengkaji, nilai kerajinan melalui sikap daya usaha ialah seseorang itu mestilah sentiasa beriktiar dan mencari jalan yang berkesan untuk menghadapi segala masalah yang telah berlaku. Menerusi pandangan tersebut dapat dirumuskan bahawa sesuatu perkara yang dilakukan secara berterusan dan penuh semangat akan memenuhi semua tujuan dan juga apa-apa sahaja yang diingini melibatkan cita-cita bagi mencapai sesuatu kejayaan dalam diri seseorang. Seterusnya nilai kerajinan ini dapat dilihat melalui sikap daya usaha yang menerusi transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di*

*Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan yang bertajuk Kain Sutera Cina,*  
bersesuaian dengan sajak di bawah:

Pada sekitar tahun 1940-an Bermulanya sebuah kisah,  
Di sana dua orang lelaki bersahabat sejak Kecil,  
Mereka ialah Hassan dan Hussin.

Mereka sangkakan panas hingga ke petang,  
Rupanya hujan di tengah hari,  
Kampung mereka yang aman dan damai,  
Diserang hendap pihak musuh,  
Sehingga berlaku kecederaan teruk.

Salah seorang anggota keluarga Hassan,  
Alami kecederaan serius akibat serangan,  
Luka tersebut sukar diubati,

Hari berganti hari,  
Bulan berganti bulan,  
Luka tersebut tidak sembuh,  
Malah tiada penawar ditemukan.

Demi kasihnya pada anggota keluarga,  
Demi persahabatan yang terjalini,  
Hassan dan Hussin meredah semak samun Hutan,  
Menempuh liku dan rintangan,  
Terus berusaha menemukan penawar.

Akibat kepenatan seharian meredah hutan,  
Terlena mereka dibuai mimpi,  
Hassan bermimpi didatangi puteri cantik,  
Anggun mempesona memakai baju sutera.

Niat baik diketahui sang puteri,  
Kain sutera ajaib diberi,  
Luka kecederaan dapat diubati,  
Sembuh sepantas kilat.

Rajin berusaha pasti membawa hasil,

Segala niat baik pasti dibalas baik,  
Begitulah kisah Hassan dan Hussin,  
Demi persahabatan rela susah senang Bersama.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Sikap rajin melalui sikap daya usaha sangatlah penting dalam diri seseorang, kerana dengan adanya sikap tersebut dapat menjadikan seseorang itu tidak gentar dan takut terhadap apa yang terpaksa dihadapi kerana bagi mereka jika seseorang itu tidak mudah berputus asa dan mempunyai penderian yang tetap sudah pasti sesuatu yang ingin dilakukan akan tercapai seperti mana yang diingini. Menurut Jumali Selamat, 2001; Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob) turut menyatakan bahawa sikap daya usaha ini merupakan sesuatu usaha yang telah dilakukan dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan sesuatu yang dihajati tercapai. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap rajin melalui sikap daya usaha ini telah dimiliki oleh Hassan dan juga Hussin telah bertekad untuk masuk ke dalam hutan belantara demi mencari ubat-ubat tradisional untuk menyembuhkan ahli keluarga nya yang telah terluka. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita *rakyat Kain Sutera Cina*, sikap daya usaha dapat dibuktikan melalui rangkap lima:

Demi kasihnya pada anggota keluarga,  
Demi persahabatan yang terjalin,  
Hassan dan Hussin meredah semak samun Hutan,  
Menempuh liku dan rintangan,  
Terus berusaha menemukan penawar.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Berdasarkan rangkap lima di atas telah membuktikan bahawa sikap daya usaha yang telah ada dalam diri Hussin dan Hassan yang telah berusaha untuk mencari ubat untuk merawat kecederaan yang telah berlaku terhadap salah seorang ahli keluarga nya akibat daripada serangan hendap yang telah dilakukan oleh pihak musuh. Akibat kasihan terhadap ahli keluarganya sudah bulan demi bulan luka tersebut tidak sembuh dan tidak

ada siapa yang dapat merawatnya. Disebabkan itulah mereka telah bertekad untuk pergi ke hutan belantara untuk mencari ubat yang dapat merawat ahli keluarganya itu. Walaupun terdapat banyak halangan yang terpaksa ditempuhi oleh mereka semasa berada di dalam hutan, mereka tetap meneruskan perjalanan untuk mencari ubat-ubatan tersebut. Akibat keletihan mereka telah terlena bersandarkan sebatang pokok yang besar. Hassan telah didatangi oleh mimpi datangnya seorang puteri cantik yang telah memberikan dia kain sutera untuk diletakkan di tempat luka ahli keluarnya. Setelah sedar dia melihat ada kain sutera di tangannya, dan mereka segara keluar daripada hutan belantara tersebut. Apabila kain sutera itu diletakkan di tempat luka tersebut secara serta merta luka tersebut kering dan sihat seperti biasa. Hal ini kita dapat rumuskan bahawa, dengan adanya sikap daya usaha ini dapat menjadi lambang dan juga semangat persahabatan mereka.

Seterusnya, dengan adanya nilai kerajinan melalui sikap daya usaha telah menggunakan pendekatan Moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral ini telah berfungsi sebagai pendekatan yang menunjukkan pengelaman yang perlu ada dalam diri manusia, malahan pada masa yang sama akan memberi kesan yang positif terhadap diri mereka (Hashim Awang,2002). Melalui cerita lisan ini telah menunjukkan bahawa kesungguhan yang telah ditunjukkan dalam diri manusia untuk melakukan sesuatu bagi memperoleh kejayaan dalam diri sendiri. Dengan adanya nilai ini telah menunjukkan semangat yang berkobar-kobar dalam melakukan sesuatu perkara demi mendapatkan sesebuah kejayaan dalam melakukan sesuatu perkara dalam kehidupan manusia. Melalui konteks ini, telah jelas menunjukkan bahawa sikap daya usaha ini telah berlaku berdasarkan pengelaman-pengelaman dan juga ilmu yang telah ada dalam diri manusia bagi memperoleh faedah dan juga usaha yang telah dilakukan oleh mereka. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) telah menyatakan bahawa setiap individu mestilah mempunyai sikap daya usaha yang tinggi dalam memastikan kejayaan supaya menjadi milik kita. Dengan adanya sikap daya usaha ini wajib ada dalam diri setiap

manusia kerana bagi membentuk perilaku dan juga sahsiah yang baik.

#### 4.6.2 Nilai kerajinan melalui sikap kecekalan

Maksud nilai kerajinan melalui sikap kecekalan merupakan sikap yang perlu ada dalam diri seseorang bagi memastikan seseorang itu mempunyai kecekalan hati, tahan menderita dan juga sentiasa tabah dalam menghadapi dugaan dan juga cabaran yang telah berlaku dalam kehidupan (*Kamus Dewan*,2016). Menurut pengkaji, nilai kerajinan melalui sikap kecekalan ialah merangkumi sifat-sifat yang sering dikaitkan dengan minda, dan juga semangat dan sikap tidak mudah berputus asa dalam melakukan sesuatu perkara. Sikap cekal yang telah ada dalam diri seseorang individu mestilah sentiasa bersabar dalam mengharungi kehidupan dengan hati yang tenang, dan berlapang dada dan tidak akan pernah gentar terhadap semua cabaran yang akan mendatang. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita *rakyat Pemujaan Tok Mekong*, bersesuaian dengan contoh sajak di bawah:

Suatu ketika dahulu,  
Terdapat sebuah keluarga,  
Tinggal menetap di hujung kampung,  
Dikenali sebagai Pak Mat dan Mak Nah.

Gadis jelita cantik rupawan,  
Manis orangnya senyum bak delima,  
Baik budi Mawar nama diberi,  
Rajin orangnya tua dihormati.

Ditang bagai minyak yang penuh,  
Lemah lembut tersemat dalam diri,  
Terlihat hebat tangkas melakukan pekerjaan,  
Membanting tulang membantu ibu bapa,  
Cekal meneruskan kehidupan sehari-hari.

Menyusuri onak dan duri,

Memasuki hutan mengikuti sang ayah,  
Mencari kayu api,  
Untuk jualan dan kegunaan nenasak.

Serumpun buluh terlihat dek mata,  
Buluh besar berbeza daripada induk,  
Terlintas dibenak fikiran,  
Membuat tabung menyimpan duit,  
Sikit-sikit lama-lama jadi bukit,  
Duit dikumpul cerah kehidupan,  
Bagi menampung kehidupan keluarga.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Sikap kecekalan ini dapat dirumuskan sebagai seseorang yang tabah dan kuat dalam menjalankan sesuatu tugas yang diberikan dengan hati yang cekal. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap kecekalan yang dimiliki oleh Mawar seorang budak yang lemah lembut dan sangat tangkas dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Dia sanggup membantu ibu bapanya dengan menggunakan tulang dua kerat nya untuk melakukan aktiviti harian. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita *Pemujaan Tok Mekong*, sikap kecekalan ini dapat dilihat pada rangkap tiga iaitu:

Ditatang bagai minyak yang penuh,  
Lemah lembut tersemat dalam diri,  
Terlihat hebat tangkas melakukan pekerjaan,  
Membanting tulang membantu ibu bapa,  
Cekal meneruskan kehidupan seharian.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap tiga di atas telah membuktikan bahawa, sikap kecekalan yang terdapat dalam diri seseorang yang terdapat di dalam cerita rakyat *Pemujaan Tok Mekong* yang dapat dilihat melalui watak seorang gadis remaja yang bernama Mawar. Mawar merupakan seorang yang sanggup dan suka membantu kedua ibu bapanya dalam melakukan pekerjaan, walaupun pekerjaan tersebut tidak bersesuaian dengan

wanita. Tetapi disebabkan Mawar sayang akan kedua ibu bapanya dia turut membantu bapanya pergi ke hutan untuk mencari kayu api untuk tujuan memasak dan juga untuk dijual. Malahan pada masa yang sama juga, untuk memberikan kesenangan kepada kedua ibu bapanya Mawar telah mengorbankan masa remajanya untuk bekerja dan tidak pergi bermain bersama rakan-rakan yang lain. Pada setiap hari Mawar akan membantu kedua ibu bapanya dengan bersungguh-sungguh walaupun terpaksa melakukan pekerjaan yang sangat berat. Jelaslah disini bahawa, telah dibuktikan bahawa seorang gadis yang telah memiliki hati yang cekal sanggup mengorbankan masa remaja untuk membantu keluarganya yang susah tanpa ingin meminta balasan terhadap apa yang telah dilakukan.

Rentetan daripada itu, nilai kerajinan yang ditunjukkan melalui sikap kecekalan telah menggunakan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral ini telah berfungsi sebagai pendekatan untuk melihat pengelaman yang telah berlaku dalam kehidupan manusia, setiap ilmu yang ada itu akan memberi kesan yang positif dan negatif terhadap diri mereka (Hashim Awang,2002). Menerusi contoh yang telah ditunjukkan ini, sikap kecekalan ini telah menunjukkan sikap cekal yang telah ada dalam diri manusia dalam melakukan sesuatu perkara dan sentiasa berfikiran terbuka dalam menghadapi segala rintangan dan juga dugaan bagi memastikan kehidupan yang lebih baik. Sesungguhnya, kekentalan hati ini dapat menjadikan seseorang itu sentiasa kuat semangat dalam melakukan sesuatu perkara dan tidak cepat mengaku kalah dalam semua ujian yang telah menimpa diri seseorang. Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa seseorang mestilah mempunyai sikap yang cekal di dalam diri agar dapat mengharungi segala ujian yang berlaku dengan tenang dan sabra demi kepentingan diri sendiri dan juga orang lain.

#### 4.7 Nilai kejujuran

Menurut Aboebakar Atjeh, 1988; Imam Ghazali, 1991; Jumali Selamat, 2001; Siti Rabiatul Adawiyah Jaffar, 2013; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015) maksud kejujuran ialah sikap seseorang yang mempunyai sikap yang suka bercakap benar, amanah, dan juga ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara tanpa mengharapkan sebarang balasan daripada orang lain yang pernah ditolongnya terlebih dahulu. Seterusnya maksud kejujuran menurut (Hashim Awang, 2002) telah menyatakan bahawa jujur merupakan sikap yang mulia telah ada di dalam diri seseorang. Manakala menurut (*Kamus Dewan*, 2016) kejujuran merupakan seseorang yang mempunyai sikap yang tulus dan ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara dan tidak menyembunyikan apa-apa rahsia terhadap orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap jujur ini sangat penting bagi seseorang bagi mengelakkan mereka tidak akan berbohong dan sentiasa menjalankan sesuatu kerja bagi memastikan sesuatu yang menyenangkan. Nilai kejujuran ini dapat disimpulkan, sebagai sikap yang perlu ada dalam diri semua orang tanpa perlu mengharapkan balasan daripada orang lain. Kajian ini akan membincangkan beberapa ciri kejujuran melalui sikap bercakap benar, melalui sikap amanah.

#### 4.7.1 Nilai kejujuran melalui sikap berkata benar.

Berkata benar ini bermaksud sebagai sikap seseorang yang sangat jujur dan juga amanah dalam melakukan sesuatu perkara tanpa mempunyai sikap suka menipu orang lain (Mohd Ali Hashimi, 1992). Menurut pengkaji, nilai kejujuran melalui sikap berkata benar sangat penting dalam diri seseorang bagi memastikan seseorang itu akan dipandang tinggi dan juga disayangi oleh masyarakat. Menerusi sikap berkata benar ini dapat disimpulkan bahawa seseorang yang sentiasa berkelakuan jujur dalam memberitahu sesuatu maklumat kepada orang lain tanpa mempunyai penipuan sedikit pun. Sikap berkata benar ini dapat dilihat dengan jelas menerusi transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan *teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Kezaliman Seorang Raja*, bertepatan

dengan petikan sajak di bawah:

Alkisah tersebutlah sebuah cerita,  
Puteri Saadongempunya cerita,  
Menyerahkan takhta,  
Raja Abdul Rahim menjadi pengganti,  
Hidup rakyat sudah tidak tenteram.

Nasib rakyat sudah tidak terbela,  
Berkata benar apa yang dirasa,  
Menuntut bela apa yang berlaku,  
Agar hidup aman sentiasa.

Berkata benar sifat terpuji,  
Menuntut keadilan nahukan kebebasan,  
Menentang kezaliman bersam-sama,  
Agar nasib rakyat teraniaya,  
Akan terus terbela.

Berkata benar sifat terpuji,  
Didikan masyarakat telah berjaya,  
Jangan berbohong dalam berkata-kata,  
Kelak nanti merana badan.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Sikap bercakap benar merupakan ayat pertuturan yang telah dilakukan oleh seseorang berkaian dengan sesuatu perkara yang melibatkan kebenaran yang telah diceritakan oleh orang lain tanpa mempunyai sifat penipuan (Mohd Firdaus Che Yaacob,2015). Selain itu, dengan adanya sikap bercakap benar yang telah ada dalam diri seseorang individu ataupun orang ramai terhadap sesuatu perkara yang telah berlaku semasa pemerintahan Sultan Abdul Halim. Semasa pemerintahan beliau telah melakukan kezaliman terhadap Puteri Saadong. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Kezaliman Seorang Raja, sikap berkata benar ini dapat dilihat dengan jelas pada rangkap dua iaitu:

Nasib rakyat sudah tidak terbela,  
Berkata benar apa yang dirasa,  
Menuntut bela apa yang berlaku,  
Agar hidup aman sentiasa.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap dua di atas, telah terbukti bahawa sikap bercakap benar yang terdapat di dalam cerita rakyat Kezaliman Seorang Raja dapat dilihat dengan jelas menerusi watak penduduk di Kota Mahligai semasa pemerintahan yang telah dijalankan pada ketika dahulu. Namun begitu, Setelah Puteri Saadong telah meletakkan takhta kerajaan dan memberi kepada Sultan Abdul Rahim telah berlaku penindasan terhadap rakyat yang sangat kejam, tanpa memikirkan perasaan rakyat. Disebabkan itulah, masyarakat mula berasa tidak selamat dan memberitahu perkara tersebut kepada Puteri Saadong agar dapat menasihati Sultan Abdul Rahim supaya tidak berlaku kejam dan zalim terhadap rakyat jelata. Di sini kita dapat lihat bahawa, sikap rakyat yang berkata benar sangatlah penting bagi memastikan kejadian yang telah menimpa mereka tersebut mendapat pembelaan yang sewajarnya agar dapat terus hidup dalam keadaan yang aman dan juga damai sentiasa.

Rentetan daripada itu, nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar telah menggunakan pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan ini telah berfungsi bagi membincangkan persoalan dan juga kelebihan yang telah berlaku dalam agama Islam bagi menimbulkan perasaan hormat terhadap kebesaran agama Islam, samada seseorang itu beragama Islam ataupun bukan agama Islam (Hashim Awang,2002). Sebagai contoh, kajian ini telah dijalankan bagi membuktikan bahawa seseorang itu mestilah memberitahu perkara yang betul bagi menggelakkan berlakunya penindasan agar dapat membentuk negara yang sentiasa aman dan Makmur. Menerusi konteks ini, telah membuktikan bahawa setiap manusia untuk sentiasa bercakap jujur kerana orang

yang bercakap benar ini akan dihormati oleh orang ramai dan mendapat ganjaran syurga di sisi Allah S.W.T sepetimana yang telah tertulis di dalam al-Quran. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob telah menyatakan bahawa, semua manusia mestilah bercakap jujur dan tidak boleh berbohong dengan sesiapa sahaja kerana itu akan menjadi cerminan diri kita di dalam kalangan masyarakat. Secara rumusan, dengan adanya sikap bercakap benar ini seseorang manusia itu akan dihormati dan dipercayai oleh orang lain dan akan mengeratkan lagi hubungan persaudaraan yang erat di dalam kalangan masyarakat supaya sentiasa kekal hidup bahagia sentiasa.

#### 4.7.2 Nilai kejujuran Melalui sikap Amanah

Sikap amanah merupakan sikap yang perlu ada dalam diri manusia dalam memenuhi segala permintaan orang yang telah berada disekeliling dan tidak berlaku penindasan (Mohd Ali Hashimi, 1992; Norita Ariffin, 2006; Mohd Firdaus Che Yaacob). Menurut pengkaji, nilai kejujuran melalui sikap amanah merupakan salah satu sikap yang penting dalam memenuhi sesuatu permintaan orang lain yang diberikan kepada seseorang dengan jujur. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa, sikap amanah perlu ada dalam diri semua orang kerana bagi memastikan seseorang itu mempunyai hati yang bersih kerana tidak mempunyai perasaan dendki ataupun tidak berpuas hati dengan orang lain, dan hanya melakukan sesuatu perkara dengan ikhlas tanpa adanya penindasan terhadap individu lain. Sikap amanah ini dapat dilihat melalui transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan yang bertajuk *Haji Long Abdul Rahman* bersetujuan dengan sajak di bawah:

Alkisah pada zaman dahulu,  
Mengisahkan seorang tokoh alim ulama,  
Bersembungi dan menetap di pulau Gajah,  
Haji Long Abdul Rahman Namanya.

Perwatakan dan kehebatan dimiliki tiada tandingan,  
Sikap dan keajaiban menjadi buah mulut masyarakat,  
Ilmu agama diajar pada anak muda.  
Bekalan menuju ke akhirat.

Tanda ilmu agama dititikberatkan,  
Sebuah madrasah situbuhkan,  
Dijadikan tempat menimba ilmu,  
Alunan zikir tak lekang di bibir,  
Hafalan Al-Quran dialunkan merdu,  
Mendekatkan diri pada Sang Pencipta.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Sikap amanah merupakan sikap yang perlu dimiliki oleh seseorang supaya mempunyai hati yang bersih dan tidak melakukan penipuan dalam memperolehi sesuatu perkara (*Kamus Dewan*,2016). Sikap amanah ini telah dimiliki oleh penduduk kampung kerana telah menjaga identiti Haji Long Abdul Rahman daripada pihak luar. Dapat dilihat menerusi transkripsi sajak melayu dalam cerita rakyat *Haji Long Abdul Rahman*, sikap amanah ini terbukti melalui rangkap keempat iaitu:

Sikap amanah terbentuk,  
Dalam kalangan penduduk kampung,  
Walhal mengetahui sejarah persembunyian beliau,  
Identity dan rahsia masih tersimpan rapi.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Berdasarkan rangkap keempat ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa sikap amanah yang terdapat di dalam cerita rakyat *Haji Long Abdul Rahman*. Menerusi cerita tersebut dapat dilihat bahawa penduduk kampung mereka sangat amanah kerana tidak memberitahu kepada orang lain dimana tempat persembunyian Haji Long Abdul Rahman kerana takut akan identitinya terbongkar. Haji Long Abdul Rahman merupakan seorang raja patani yang telah melarikan diri daripada perperangan dan telah tinggal di

sebuah pulau. Selain itu, Haji Long Abdul Rahman juga berkebolehan dalam merawat penyakit yang menggunakan sebuah pasu serta menjadi seorang ahli ulama yang disanjung tinggi oleh penduduk kampung. Di samping itu, sehingga ke hari ini kematian Haji Long Abdul Rahman tidak diketahui oleh orang ramai kerana tidak disebarluaskan oleh orang luar bagi menjaga identiti beliau. Jelaslah disini bahawa, penduduk kampung pulau Gajah merupakan seorang yang sangat amanah kerana telah menjaga rahsia berkaitan dengan dimanakah Haji Long Abdul Rahman telah menghilang tidak diketahui oleh orang luar walaupun telah meninggal dunia.

Rentetan daripada itu, nilai kejujuran melalui sikap amanah telah menggunakan pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan dakwah telah berdasarkan persoalan yang berkaitan dengan kelebihan agama Islam, yang daripada dapat menimbulkan rasa menghormati terhadap kesusian agama Islam, baik orang Islam maupun orang bukan Islam (Hashim Awang, 2002). Contohnya kajian ini telah menceritakan berkaitan dengan nilai kejujuran dalam konteks sikap amanah dapat membuktikan dan juga menjaga keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Menerusi konteks ini, jelas membuktikan bahawa setiap mukmin hendaklah bersikap amanah kepada dirinya, keluarga, masyarakat, agama, dan keberkatan dalam kehidupan. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) telah menegaskan bahawa masyarakat Melayu telah berpaksi kepada agama Islam bagi menuntut manusia untuk bersikap amanah untuk menjalankan sesuatu pekerjaan untuk membentuk masyarakat yang mempunyai budi pekerti yang mulia bagi mengelakkan persengketaan.

#### 4.7.3 Nilai kejujuran melalui sikap keiklasan

Menurut Mohd Ali Hashimi, 1992; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015 telah menyatakan bahawa ikhlas merupakan sikap yang perlu ada dalam diri seseorang untuk memastikan hati sentiasa bersih dan tidak melakukan perkara-perkara yang tidak disukai. Menurut

pengkaji, nilai kejujuran melalui sikap keiklasan ini sangat penting dalam diri seseorang manusia agar dapat melahirkan individu yang ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara tanpa mengharapkan sebarang balasan. Selain itu ia juga sangat penting bagi memastikan hak diri sendiri di dalam kalangan masyarakat sendiri sentiasa terjaga. Dengan ini, sikap keiklasan merupakan sikap manusia yang tidak berpura-pura dalam melakukan sesuatu perkara agar dapat menjalankan sesuatu tugas dengan berkesan dan saksama. Sikap keiklasan ini dapat dilihat melalui transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan *teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *kegemilangan pengkalan Datu*, bersesuaian dengan contoh sajak di bawah:

Bermulah kisah dahulu kala,  
Menceritakan asal usul Pengkalan Datu  
, Perkembangan yang maju dan pantas,  
Pemerintahan yang bertanggunjawab.

Hidup mestilah sentiasa bersikap jujur,  
Demi mencapai sebuah kemasyhuran,  
Bagi sahaja kepada yang selayaknya,  
Agar sentiasa aman dan damai.

Ikhlaskan diri melakukan sesuatu,  
Pengorbanan yang diberi tidak terkira,  
Mencapai kata sepakat dalam tugasan,  
Agar mendapat apa yang diingini.

Mengajar diri sentiasa ikhlas,  
Mengelak daripada kehancuran diri,  
Kemana pergi tiada yang suka,  
Orang sekelliling menjadi musuh.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

Sikap keikhlasan ini merupakan siap seseorang yang mempunyai hati yang bersih kerana tidak suka melakukan penipuan dan tidak berpura-pura dalam melakukan

sesuatu pekerjaan (*Kamus Dewan*,2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap keiklasan yang terdapat di dalam diri Raja Pah yang ikhlas menyerahkan takhta miliknya kepada suaminya atas persetujuan daripada semua pembesar demi memastikan sistem pemerintahan berjalan seperti biasa setelah kematian ayahandanya itu. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Kegemilangan Pengkalan Datu*, sikap keiklasan ini dapat dilihat melalui rangkap tiga iaitu:

Ikhlaskan diri melakukan sesuatu,  
Pengorbanan yang diberi tidak terkira,  
Mencapai kata sepakat dalam tugasan,  
Agar mendapat apa yang diingini.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap tiga ini, telah membuktikan bahawa sikap keiklasan yang terdapat di dalam cerita rakyat *Kegemilangan Pengkalan Datu* ini dapat dilihat melalui watak Raja Pah. Hal ini dikatakan demikian kerana, Raja Pah telah menyerahkan takhta kerajaan kepada suaminya iaitu Long Badar. Disebabkan pelantikan suaminya telah menjadikan hak raja Abdul Rahman telah dipinggirkan. Lagipun semua pembesar bersetuju dengan Raja Pah kerana Raja Abdul Rahman baru setahun jagung dan tidak layak untuk memerintah. Dengan ini dapat dilihat bahawa, Raja Pah sangat ikhlas dalam semua tindakan yang telah dilakukan bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan aman dan juga damai sentiasa.

Rentetan daripada itu, nilai kejujuran melalui sikap keiklasan telah menggunakan pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan dakwah telah berfungsi sebagai menjawab kepada segala persoalan kepada kemurniaan dan kelebihan agama Islam, yang menerangkan berkaitan dengan sifat menghormati terhadap kesucian agama Islam, sama ada orang Islam dan bukan orang Islam (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh, kajian ini telah menggambarkan bahawa manusia yang

tidak menyalah gunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri, dengan hati yang terbuka memberikan sesuatu kepada orang lain dengan sepenuh hati agar memperolehi kebaikan bersama. Dalam konteks ini, telah membuktikan bahawa Allah S.W.T untuk memperoleh kebaikan untuk dirinya dan juga orang lain di dunia dan akhirat, di samping untuk mendidik jiwa orang lain untuk bersama-sama dalam segala kebaikan.

#### 4.8 Nilai semangat bermasyarakat

Maksud nilai semangat bermasyarakat merupakan kesediaan seseorang dalam melakukan sesuatu bagi kepentingan bersama bagi memastikan kehidupan yang hormoni dalam masyarakat sebagai contoh tolong-menolong, bantu-membantu, dan dapat menjaga kebajikan bersama dalam masyarakat (Jumali Selamat, 2001; Norita Ariffin 2006; Hashim Musa, 2008; Siti Rabiatul Jaffar,2013; Mohd Firdaus Che Yaacob,2015). Nilai semangat bermasyarakat merupakan sesuatu yang perlu ada bertujuan untuk memupuk semua orang bersikap tolong-menolong, bermuafakat serta bergaul mesra berdasarkan tolak ansur bagi mencapai kehormonian hidup dalam kalangan masyarakat. Kajian ini akan membincangkan beberapa nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong.

##### 4.7.1 Nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong.

Tolong menolong ialah merupakan sesuatu tindakan yang memberi bantuan kepada orang lain bagi mendapatkan kepentingan-kepentingan terhadap diri sendiri (Norita Ariffin,2006; Hashim Musa,2008; Wan Marzuki Wan Mohd Noor,2010; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Menurut pengkaji, nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong menolong merupakan sesuatu perkara yang sangat mulia disisi Allah SWT kerana telah memberikan bantuan kepada sesiapa yang memerlukan dengan seikhlas hati. Di sebabkan itulah, sikap tolong-menolong ini dapat disimpulkan sebagai sifat yang perlu

dimiliki oleh setiap manusia dalam memberi pertolongan kepada orang sekeliling dan memberi manfaat kepada orang ramai. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Disorok Jin*, sikap tolol menolong dapat dilihat melalui sajak di bawah:

Pada sekitar tahun 1700,  
Ramai generasi anak muda,  
Mengaji Al-Quran rumah tok guru,  
Pengajian dilakukan pada waktu malam.

Seorang kanak-kanak bernama Ahamd,  
Terkenal akan kenakalanya,  
Rakan-rakannya sering diusik ketika mengaji,  
Nasihat dan leteran tidak dihiraukan,  
Bagai mencurahkan air ke daun keladi.

Idea nakal terlintas di benak fikiran,  
Selipar milik rakan disorok,  
Dek bahagia melihat rakan menangis,  
Pokok besar saksi tempat persembunyian.

Kerisauan melanda Sang ibu dan ayah,  
Batang hidung si anak tidak kelihatan,  
Larut malam belum pulang ke rumah,  
Tidak seperti kebiasaananya.

Pencarian besar-besaran dilakukan,  
Tanda penduduk ambil cakna,  
Seluruh pelosok kampung diredaahi,  
Segala usaha telah dilakukan,  
Malangnya menemui jalan buntu.

Tok imam memainkan peranan,  
Berdoa memohon petunjuk Allah,  
Misi pencarian diteruskan penduduk kampung,  
Sepakat bersama tolol menolong,  
Mencari Ahmad yang hilang,  
Hutan belantara tebal diredaahi.  
Bagaikan pelangi muncul setelah hujan,  
Usaha penduduk membuaikan hasil,  
Ahmad akhirnya ditemukan,

Disorok oleh jin,  
Dalam sebatang pokok buluh besar.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Tolong menolong menurut (*Kamus Dewan Edisi Kedua,2019*) telah menyatakan bahawa tolong menolong merupakan sesuatu kerja yang telah dilakukan secara bersama-sama. Sikap tolong menolong mestilah ada dalam diri setiap individu bagi memastikan seseorang itu mempunyai sikap tolong menolong dalam diri untuk menghulurkan bantuan kepada orang lain tanpa mengharapkan balasan daripada orang sekeliling. Di sini dapat dilihat menerusi watak penduduk kampung yang saling tolong menolong diantara satu sama lain, dalam membantu mencari ahmad yang telah hilang dan tidak mengetahui punca tersebut dapat dibuktikan melalui rangkap lima iaitu:

Pencarian besar-besaran dilakukan,  
Tanda penduduk ambil cakna,  
Seluruh pelosok kampung direbahai,  
Segala usaha telah dilakukan,  
Malangnya menemui jalan buntu.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap lima ini telah terbukti bahawa, sikap tolong menolong yang terdapat di dalam cerita rakyat Disorok Jin dapat dilihat menerusi watak penduduk kampung yang telah berusaha untuk mencari Ahmad yang telah hilang. Sebagai contoh yang dapat dilihat, penduduk kampung telah bersama-sama berusaha untuk mencari ahmad yang telah hilang walaupun Ahmad seorang budak lelaki yang nakal kerana suka mengusik dan juga membuli rakan-rakan yang lain. Walaupun Ahmad seorang yang nakal penduduk kampung tetap berusaha bersungguh-sungguh dalam mencari Ahmad dan juga bagi memastikan ibu bapa nya berada dalam keadaan yang stabil. Disebabkan tidak mempunyai perasaan putus asa dalam diri penduduk kampung, akhirnya mereka telah menjumpai Ahmad dalam keadaan yang selamat. Jelaslah disini bahawa, sikap

mengambil berat yang ditunjukkan oleh penduduk kampung dalam memastikan sesebuah kehidupan yang aman dan hormoni.

Rentetan daripada itu, nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong ini telah menggunakan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan pengelaman yang telah dilalui oleh manusia, yang mencakupi segala ilmu yang telah diperolehi oleh setiap manusia yang telah memberi kesan yang negatif dan positif (Hashim Awang,2002). Sebagai contoh, kajian yang melibatkan nilai semangat bermasyarakat dalam konteks sikap tolong menolong ini telah membuktikan bahawa sifat masyarakat ini lebih suka untuk memberikan pertolongan kepada orang lain semasa seseorang itu memerlukan bantuan. Sesungguhnya, amalan nilai bermasyarakat ini amatlah dititikberatkan dalam kehidupan seharian. Kerana dengan adanya sikap tolong- menolong ini secara tidak langsung dapat meringankan beban ataupun masalah yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat sekeliling. Melalui konteks ini, telah membuktikan bahawa, amalan bermasyarakat ini perlu diamalkan oleh setiap manusia mendapatkan keberkatan dalam kehidupan.

#### 4.9 Nilai kerjasama

Menurut (Jumali Selamat,2001; Norita Ariffin,2006; Hashim Musa, 2008; Wan Marzuki Wan Mohd Noor,2010; Siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013) telah menyatakan bahawa nilai kerjasama merupakan sikap seseorang yang sangat pantas dalam melakukan sesuatu tugas yang diberikan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti bersama-sama untuk memberikan manfaat kepada orang ramai dalam kalangan individu, masyarakat dan juga negara. Di samping itu, nilai kerjasama merupakan satu tanggungjawab yang telah dilakukan oleh kelompok masyarakat untuk melakukan sesuatu aktiviti kemasyarakatan secara bersama-sama tanpa mengira bangsa dan juga negara (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Manakala menurut (*Kamus Dewan*,2017) telah menyatakan

kerjasama untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersama-sama. Selain itu, sikap kerjasama ini telah memberikan seseorang yang bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu aktiviti bagi memastikan kebijakan seseorang itu terjaga tanpa mengira bangsa dan juga agama bagi memastikan kehidupan seseorang yang aman dan hormani. Oleh itu, kajian ini telah membincangkan beberapa ciri kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama.

#### 4.9.1 Nilai kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama

Tanggungjawab merupakan sikap yang perlu ada dalam diri seseorang individu yang sanggup untuk menyahut cabaran dalam melakukan sesuatu tugas tanpa mempunyai perasaan mengeluh dan sentiasa melakukan sesuatu pekerjaan bersama-sama dan melakukan pekerjaan tersebut dengan sepenuh hati bagi mendapatkan hasil yang berkualiti dan sempurna (Hashim Musa, 2008; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Bagi pendapat pengkaji, nilai kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama ini perlu ada dalam diri seseorang bagi memastikan sesuatu perkara yang dijalankan berjalan dengan lancar tanpa mengharapkan sebarang balasan. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap tanggungjawab yang telah ada dalam diri seseorang akan dilakukan dengan penuh amanah kepada nya dan berusaha dengan bersungguh-sungguh agar sesuatu perkara tersebut berjaya dengan sempurna. Sikap tanggungjawab ini dapat dilihat dengan jelas menerusi transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Keasyikan Suara Buluh Perindu* bersesuaian dengan sajak di bawah:

Dengarlah sajakku wahai sahabat,  
Seorang lelaki tinggal sendirian,  
Kesana kesini hutan diterokai,  
Membanting tulang mencari rezeki.

Tiada siapa menemani diri,

Hidup ini perlu berdikari,  
Supaya adanya insan berjiwa kental,  
Agar sentiasa dihormati selalu.

Wahai lelaki..rajinkan diri, Berusaha,  
Demi kehidupan yang selesa,  
Bangkit semangat untuk berusaha,  
Sudah pasti kejayaan menjadi milikmu.

Wahai lelaki..rajinkan diri, Berusaha,  
Terhasilnya istana tempat istirehat,  
Penat Lelah pasti terbayar,  
Usaha dilakukan membuaahkan hasil.

Rajin berusaha meraih mimpi,  
Agar hasrat menjadi kenyataan,  
Jangan hanya bermimpi di siang hari,  
Kelak nanti Malukan diri.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Sikap tanggungjawab dapat disimpulkan bahawa saling bantu membantu diantara satu sama lain dalam melakukan sesuatu tugas bersama-sama tanpa mengharapkan apa-apa balasan (Jumali Selamat, 2001). Hal ini dikatakan demikian kerana, penduduk kampung telah bersepakat untuk mengusung bangkai-bangkai gajah yang telah mati untuk ditanam. Setelah beberapa bulan dikatakan dengan kematian sekumpulan gajah-gajah yang berada di Pulau Gajah, dan kini sudah tidak kedengaran suara merdu yang telah datang daripada pokok buluh itu. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Keasyikan Suara Buluh Perindu*, sikap tanggungjawab bersama ini dapat dibuktikan melalui rangkap lima iaitu:

Rajin berusaha meraih mimpi,  
Agar hasrat menjadi kenyataan,  
Jangan hanya bermimpi di siang hari,  
Kelak nanti malukan diri.

Berdasarkan rangkap lima di atas telah membuktikan sikap tanggunjawab bersama yang terdapat dalam cerita rakyat *Keasyikan Suara Buluh Perindu*, dapat dilihat menerusi watak yang telah ditunjukkan oleh penduduk Kampung Gajah yang telah berkerjasama bergotong-royong dalam membersihkan bangkai-bangkai gajah yang telah mati itu ditanam bersama. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangkai-bangkai gajah yang telah mati jika tidak ditanam sudah pasti akan mengeluarkan bau yang busuk, disebabkan itulah bangkai-bangkai gajah yang telah mati perlulah ditanam. Jelaslah disini bahawa, penduduk kampung Gajah sangat mementingkan nilai kerjasama dengan melakukan suatu aktiviti bersama untuk memastikan hubungan yang hormoni.

Rentetan daripada itu, nilai kerjasama melalui silap tanggungjawab bersama telah menggunakan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan kemasyarakatan itu telah berfungsi sebagai salah satu tempat untuk mendapatkan kesejahteraan dalam kehidupan seseorang, untuk mengukuhkan lagi keimanan dan juga ketakwaan dalam memberikan segala perbuatan yang baik (Hashim Awang,2002). Sebagai contoh yang dapat dilihat dengan jelas bahawa, kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan nilai kerjasama ini dalam konteks tanggunjawab bersama telah memberikan gambaran yang jelas menerangkan berkaitan dengan betapa pentingnya manusia dalam melakukan sesuatu perkara bagi mewujudkan suasana yang tenang, dan juga aman dan damia. Sesungguhnya dengan ada sikap tanggunjawab ini dalam diri seseorang akan dapat melahirkan manusia yang mempunyai keiklasan yang tinggi di dalam diri untuk melakukan kerja-kerja yang dapat memberikan manfaat kepada diri sendiri dan juga orang lain. Dalam Konteks ini juga, turut menjelaskan bahawa, sikap kerjasama ini, merupakan sikap yang sangat mulia yang perlu ada dalam diri seseorang untuk memastikan sesuatu kebijakan sentiasa terjaga di dunia dan di akhirat.

#### 4.10 Nilai keadilan

Maksud nilai keadilan ini merupakan sikap manusia yang dilihat melalui sudut perbuatan dan juga percakapan yang telah dilakukan dengan penuh adil, dan tidak mempunyai sikap pilih kasih terhadap seseorang dalam membuat sesuatu keputusan. (Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan,1992; Mohd Ali Hashimi,1992; Jumalin Selamat,2001; Norita Ariffin,2006; Hashim Musa; 2008; Siti Rabiatul Adawiah Jaffar,2013; Mohd Firdaus Che Yaacob,2015). Nilai keadilan dapat disimpulkan bahawa, sebagai manusia yang telah bertindak dengan betul mengikut akal fikiran yang waras bersetujuan dengan prinsip yang tidak mempunyai sikap pilih kasih dan tidak mengikut hawa nafsu dalam melakukan sesuatu keputusan tanpa memikirkan kesan dan juga akibat yang terpaksa diterima. Dengan adanya kajian ini telah membincangkan berkaitan dengan keadilan melalui sikap adil dan saksama.

##### 4.10.1 Nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama

Menurut (Mohd Ali Hashimi,1992; Hashim Musa,2008; Mohd Firdaus Che Yaacob,2015) telah menyatakan bahawa sikap adil ini merupakan sikap yang boleh membuat keputusan yang bijak dan benar tanpa perlu mempunyai sikap pilih kasih dalam melakukan sesuatu keputusan supaya dapat memberikan keamanan dan juga memastikan sesebuah kehidupan sentiasa tenang dan hormoni sentiasa. Manakala maksud adil menurut (*Kamus Dewan*,2016) ialah melakukan sesuatu perkara yang betul dan juga benar. Selain itu, perkataan saksama pula membawa maksud cermat, hati-hati. Hemat-hemat dan juga tidak melakukan sesuatu perkara yang tidak berat sebelah ataupun pilih kasih dalam melakukan sesuatu perkara (*Kamus Dewan*,2016). Daripada sudut pandangan pengkaji, Nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama ini dapat memberikan keadilan kepada sesiapa sahaja dalam melakukan sesuatu perkara dan tidak bertindak berat sebelah dalam melakukan sesuatu keputusan. Jelaslah disini

bahawa dapat dirumuskan bahawa manusia mestilah mempunyai sikap yang adil dan saksama di dalam diri agar dapat melakukan sesuatu perkara yang betul dan tidak memberi pengaruh yang negatif dalam kehidupan masyarakat. Sikap adil dan saksama ini dapat dibuktikan melalui transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Terhempasnya Zero Fighter di Ti Lebar* bersetujuan dengan sajak dibawah:

Di bawah langit Ti Lebar,  
Terkuburnya jet pejuang Zero Fighter,  
Hadirnya seorang ketua nama Pak Wan Lebar,  
Budimu sentiasa dalam ingatan.

Seorang ketua dilantik bersama,  
Saling bekerjasama mencapai kata sepakat,  
Memperolehi pemimpin berkualiti,  
Agar keamanan sentiasa terjamin.

Sikap tolak ansur dalam masyarakat,  
Mencapai kata sepakat bersama-sama,  
Tolong menolong sesama kita,  
Supaya hidup sentiasa diberkati.  
Sikap bertolak ansur sesama kita,  
Membantu siapa sahaja dalam kesusahan,  
Sentiasa mencapai kata sepakat,  
Agar hidup sejahtera selalu.

Jikalau tidak ada sikap tolak ansur,  
Sudah pasti akan dibenci ramai,  
Andai hidup tidak sependapat,  
Kelak nanti memusnahkan diri.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Sikap adil dan saksama ini perlu ada dalam diri semua manusia agar dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa bertanggungjawab dalam melakukan sesuatu perkara tanpa perlu ada sikap pilih kasih dalam diri seseorang dalam melakukan amanah yang telah

diberikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap adil dan saksama dapat dibuktikan melalui sikap penduduk kampung pengkalan datu telah melakukan mesyuarat dalam memilih siapakah yang layak untuk dijadikan ketua kampung. Disebabkan ramai yang bersetuju untuk melantik Pak Wan Lebar sebagai ketua kampung, disitu kita dapat lihat bahawa semua orang mampu menyuarakan pendapat dan juga pendangan berkaitan dengan siapakah yang layak untuk menjadi pemimpin. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Terhempasnya Zero Fighter di Ti Lebar* dapat dibuktikan melalui rangkap tiga iaitu:

Sikap tolak ansur dalam masyarakat,  
Mencapai kata sepakat bersama-sama,  
Tolong menolong sesama kita,  
Supaya hidup sentiasa diberkati.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap tiga ini telah membuktikan bahawa sikap adil dan saksama yang terdapat dalam cerita rakyat *Terhempasnya Zero Fighter di Ti Lebar* dapat dilihat melalui sikap yang ditunjukkan oleh penduduk Kampung pengkalan Datu. Sebelum melantik Pak Wan Lebar sebagai ketua kampung mereka telah mengadakan perbincangan bagi mencapai kata sepakat bersama-sama agar tidak menimbulkan masalah ketidakpuasaan hati dalam memilih jawatan sebagai ketua kampung. Pak Wan Lebar sangat dikagumi oleh penduduk kampung kerana mempunyai sikap pemimpin dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi di dalam diri kerana beliau merupakan seorang guru di sekolah. Dengan adanya sokongan yang telah diberikan oleh penduduk kampung di pengkalan datu telah menyebabkan Pak Wan Lebar merasakan tanggungjawab yang telah diberikan kepadanya perlu di galas dengan sebaik mungkin bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan penduduk kampung sentiasa terjamin dari segi ekonomi,sosial dan juga agama. Jelaslah bahawa disini sangat jelas ditunjukkan sikap adil dan juga saksama yang ditunjukkan dalam kalangan penduduk kampung tersebut dalam memperjuangkan hak mereka dalam memastikan kehidupan

mereka sentiasa aman dan hormoni sentiasa.

Berdasarkan daripada itu, nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama sangat bersesuaian dengan pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya pendekatan moral ini secara tidak langsung dapat memperlihatkan pengelaman, yang telah dilalui oleh setiap manusia dalam memberikan kesan yang positif dalam kehidupan mereka (Hashim Awang, 2002). Sebagai contoh yang dapat dilihat ialah, kajian ini telah menceritakan berkaitan dengan sikap adil dan juga saksama yang telah ditunjukkan oleh pencerita berkenaan dengan masyarakat yang telah bertindak dengan bijak dalam menjaga pertuturan dan juga tindakan yang telah dilakukan supaya sentiasa adil dan juga saksama terhadap diri sendiri dan juga orang lain bagi memastikan kehidupan sentiasa berada dalam keadaan baik. Seperti yang semua sedia maklum, sikap adil dan saksama yang telah dimiliki oleh semua manusia adalah berkait rapat dengan sesuatu peristiwa, maklumat dan juga persekitaran yang telah dilalui olehnya untuk mendapatkan keputusan yang adil dan tidak melakukan keputusan yang salah terhadap diri sendiri dan juga orang lain. Jelaslah disini bahawa, sikap manusia mestilah bersifat adil dan juga saksama dalam setiap tindakan dalam melakukan sesuatu keputusan bagi menjaga kesejahteraan diri sendiri serta orang lain. Di samping itu, manusia telah diperintahkan oleh Allah S.W.T untuk sentiasa melakukan sesuatu perkara yang mementingkan sikap keadilan di dalam diri supaya dapat memastikan kehidupan berada dalam keadaan yang baik. Di sebabkan itulah, agama islam telah menyuruh umat- Nya untuk menjalankan sesuatu perkara dengan adil dan saksama supaya tidak berlaku penganiaya kepada orang lain kerana bagi mengelakkan kemungkaran daripada Allah S.W.T.

#### 4.11 Nilai hemah tinggi

Maksud hemah tinggi merupakan sikap manusia yang telah mempunyai sikap atau

perilaku budi pekeri, tingkah laku yang mulia dan juga perwatakan yang lemah lembut dalam diri seseorang dalam menjalankan hubungan baik dengan orang di sekelilingnya. (Tajul Ariffin Nordin & Nor; aini Dan; 1992; Jumali Selamat, 2001; Norita Ariffin, 2006; Hashim Musa, 2008; siti Rabiatul Adawiah Jaffar, 2013; Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Nilai hemah tinggi dapat disimpulkan sebagai sikap yang telah dimiliki oleh manusia dalam berkomunikasi ataupun berhubung dengan orang disekelilingnya serta berlapang dada dalam menjaga maruah dan juga kehormatandiri, masyarakat dan juga negara.

#### 4.11.1 Nilai hemah tinggi melalui ramah mesra

Sikap ramah mesra ini mestalah ada dalam diri semua orang kerana bagi memeriahkan lagi suasana bermasyarakat dapat dilihat melalui keakraban, berkelakuan baik, dan juga cara percakapan yang dituturkan mestalah mengeluarkan bahasa-bahasa yang baik dan sopan (Hashim Musa,2008; Siti Rabiatul Adawiyah Jaffar,2013; Mohd Firdaus Che Yaacob,2015). Pengkaji berpendapat bahawa dengan adanya nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra ialah adab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap ramah mesra dapat dirumuskan sebagai seseorang yang telah melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh dalam membina hubungan yang baik dan juga bersih dengan masyarakat yang berada di sekeliling dengan sentiasa menjaga perilaku dan juga perbuatan semasa bercakap. Sikap ramah mesra ini dapat dilihat menerusi transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu dengan menggunakan *teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* yang bertajuk *Nurani Che Him* dalam masyarakat bersesuaian dengan sajak di bawah:

Tersebutlah cerita dahulu kala,  
Kisah seorang saudagar cina,  
Nama diberi Che Him, Sangat baik dan pemurah,

Membantu rakyat jelata.

Bertegur sapa dengan semua,  
Tanpa mengira budaya dan bangsa,  
Hidup aman sentiasa,  
Di atas satu bumbung,  
Sudah pasti menjadi satu keluarga.

Bertegur sapa amalan mulia,  
Sikap sompong perlu dielakkan,  
Kerana darjat hanya kemegahan dunia,  
Di sana tiada bezanya.

Janganlah suka memilih kasih,  
Hidup bersama mestilah dihargai,  
Takut nanti berada di bawah,  
Tiada orang sudi menolong.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Sikap ramah mesra yang terdapat di dalam diri seseorang yang mempunyai budi bahasa yang elok dan mesra dapat mewujudkan suasana yang selesa dalam sesebuah perbualan (*Kamus Dewan*, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana, sikap ramah mesra yang dimiliki oleh Che Him adalah tidak sompong dan sentiasa peramah dengan masyarakat sekeliling dan tidak pernah memuntai perasaan sompong di dalam diri walaupun berlainan bangsa dan juga agama. Berdasarkan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat *Nurani Che Him* dalam Masyarakat, sikap ramah mesra ini dapat dilihat menerusi dua iaitu:

Bertegur sapa dengan semua,  
Tanpa mengira budaya dan bangsa,  
Hidup aman sentiasa,  
Di atas satu bumbung,  
Sudah pasti menjadi satu keluarga.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

Berdasarkan rangkap dua di atas telah membuktikan bahawa sikap beradap yang telah ada dalam cerita rakyat *Nurani Che Him* dalam masyarakat dapat dilihat menerusi watak che Him iaitu pedagang yang telah datang dari negeri China. Che Him sangat disukai semua orang kerana memiliki sikap ramah dan juga suka bergaul dengan masyarakat Melayu. Tambahan lagi, Che Him juga merupakan seorang peniaga kecil-kecilan di kampung telah menjual barang-barang keperluan kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, sikapnya yang terlalu ramah telah menyebabkan ramai yang suka bergaul denganya, dapat dilihat dengan jelas hubungan diantara Che Him dan juga masyarakat tempatan.

Nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra yang telah ada di dalam sajak *Nurani Che Him* dalam Masyarakat ini telah menggunakan pendekatan moral melalui teori Pengkaedahan Melayu yang telah digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan moral ini telah merujuk kepada pengelaman dan ilmu yang telah dilalui oleh setiap manusia dalam kehidupan seharian mereka yang telah memberi kesan yang negatif (Hashim Awang,2002). Sebagai contoh, nilai hemah tinggi dalam konteks sikap ramah mesra ini dapat melihat keakraban yang terjalin diantara seseorang yang tidak sompong dan sentiasa menjaga tutur kata supaya tidak ada sesiapa yang terasa dengan percakapan kita. Menerusi konteks ini, dapat dilihat bahawa pendekatan moral ini dapat dijadikan sebagai medium untuk mendidik manusia supaya berkelakuan dengan baik.

#### 4.12 Penutup

Secara kesimpulannya, perbincangan yang telah dilakukan terhadap kajian yang berkaitan dengan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* telah terbukti bahawa nilai-nilai murni ini perlulah dipupuk dan diamalkan dalam diri iaitu nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hormat menghormati, nilai keberanian, nilai kerajinan, nilai kejujuran, nilai semangat bermasyarakat, nilai kerjasama, nilai keadilan dan nilai hemah tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya nilai-nilai murni ini secara tidak langsung dapat digunakan dalam kalangan masyarakat untuk membentuk sahsiah dan juga keperibadian yang baik dalam kalangan masyarakat. Dengan adanya nilai-nilai murni ini dapat digunakan di dalam kehidupan dari aspek pertuturan dan juga perlakuan ini dapat memberikan kesan yang positif dan juga menjadi cerminan masyarakat terhadap diri seseorang. Secara tidak langsung, nilai-nilai murni ini dapat dijadikan sebagai medium untuk mengajar masyarakat agar menjadi seseorang yang lebih baik dan mengekalkan masyarakat dalam sesebuah negara.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab lima merupakan bab yang terakhir iaitu penutup kepada kajian penyelidikan ini. Pada bahagian ini pengkaji akan membuat satu rumusan secara menyeluruh berkaitan dengan bab yang telah dibincangkan sebelum ini. Pengkaji juga, akan menceritakan berkaitan dengan analisis dan juga dapatan yang telah dibuat dalam bab empat. Selain itu, rumusan yang akan dibuat ini akan merangkumi kefahaman cerita rakyat, pengaplikasian teori dan nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat. Seterusnya, pengkaji juga akan memberikan cadangan berkaitan dengan kajian yang telah dilakukan agar dapat memberi manfaat dan membuka minda orang ramai ke arah yang lebih kritis supaya mereka lebih berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi berkaitan dengan cerita rakyat. Akhir sekali, pengkaji juga akan menghasilkan penutup secara ringkas.

#### 5.2 Rumusan

Berdasarkan penyelidikan yang telah dilakukan, pengkaji telah merumuskan bahawa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji hanya memfokuskan terhadap cerita rakyat sahaja. Pengkaji telah berminat untuk mengkaji genre cerita rakyat kerana sangat menarik dan seronok untuk dibaca. Cerita rakyat ini telah disampaikan hanya dengan menggunakan mulut pada zaman dahulu, namun begitu pada masa kini cerita rakyat telah dibukukan. Walaupun cerita rakyat telah dibukukan namun penyebaran masih tetap berjalan, sebagai contoh seseorang telah membaca cerita rakyat dan berkongsi cerita tersebut kepada orang lain. Maka di situ telah jelas terbukti bahawa, cerita rakyat ini telah berlakunya peralihan dari individu ke individu yang lain. Seterusnya, dengan adanya penerapan nilai murni ini dapat memberi kesan kepada orang muda supaya

sentiasa menjaga tingkah laku dan juga pertuturan agar dapat membentuk sahsiah yang baik.

Di samping itu, cerita rakyat ini telah menunjukkan kepelbagaiannya dalam aspek yang jelas menerusi cerita rakyat. Terdapat banyak cerita rakyat yang telah dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas iaitu melalui aspek nilai dan juga kepercayaan. Dengan adanya variasi tersebut di dalam cerita rakyat pengkaji telah memilih untuk membuat kajian penyelidikan berkaitan dengan transkripsi sajak Melayu dalam cerita rakyat Melayu dengan menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Manakala teori yang digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini ialah teori Pengkaedahan Melayu kerana bersesuaian dengan kebudayaan dan juga tingkah laku masyarakat Melayu. Teori pengkaedahan Melayu ini juga berteraskan kepada Al-Quran dan juga Hadis sangat sesuai untuk diaplikasikan kerana bertepatan dengan amalan dan juga budaya masyarakat Melayu. Kesan daripada itu, menerusi transkripsi sajak Melayu melalui cerita rakyat melayu melalui nilai-nilai murni dapat menjadi medium kepada masyarakat untuk melahirkan lebih ramai orang yang mempunyai akhlak yang baik dan terpuji bersesuaian dengan Al-Quran dan hadis.

Selain itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk membolehkan cerita rakyat tersebut dijadikan transkripsi sebagai sebuah sajak Melayu dengan menggunakan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* untuk dijadikan sebagai rujukan dalam menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Pengkaji memilih untuk mengkaji nilai-nilai murni yang terdapat di dalam sajak Melayu kerana merasakan generasi pada masa kini boleh mengembangkan lagi penggunaan sajak dalam cerita rakyat pada masa kini. Kesannya, dengan adanya nilai-nilai murni ini akan memberi galakan kepada generasi muda untuk digunakan di dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Selanjutnya, cerita rakyat ini juga perlulah dikembangkan kepada generasi muda pada masa kini kerana, supaya mereka dapat menjaga tingkah laku dan percakapan yang telah ditunjukkan oleh masyarakat untuk digunakan di dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh yang dapat dilihat, dengan menerapkan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat dapat dijadikan sebagai didikan kepada generasi muda untuk membentuk keperibadian yang baik untuk dijadikan sebagai pembelajaran dalam kehidupan. Malahan bukan itu sahaja, masyarakat juga dapat menerapkan nilai-nilai murni tersebut di dalam cerita agar dapat dijadikan sebagai pengajaran atas apa yang telah berlaku. Dengan ini secara tidak langsung, generasi muda akan menerima proses pembelajaran tersebut dengan hati yang terbuka.

Natijahnya, menerusi kajian yang berkaitan dengan nilai-nilai murni ini sangat penting untuk diketengahkan supaya dilihat oleh masyarakat untuk membuka minda mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka telah dibekalkan dengan ilmu yang baharu supaya dapat digunakan oleh mereka. Kerana jika pemikiran mereka bersifat terbuka akan memberi banyak kesan yang positif yang dapat digunakan dan diaplikasikan di dalam kehidupan berdasarkan cerita rakyat. Oleh itu, kajian nilai-nilai murni ini jelaslah dapat memberi kesan yang berguna kepada masyarakat dan juga dapat melahirkan masyarakat yang berkualiti.

### 5.3 Cadangan

Pada bahagian cadangan, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan yang boleh diambil oleh pihak yang bertanggunjawab. Hal ini dikatakan demikian kerana, cadangan merupakan sesuatu yang sangat penting untuk memastikan mereka dapat melakukan penambahbaikan terhadap sesuatu perkara dengan lebih baik lagi. Tujuan utama adalah bagi memastikan nilai-nilai murni murni ini diketahui oleh masyarakat tanpa mengira umur dan juga pangkat seseorang.

Cadangan pertama yang saya ingin usulkan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk membincangkan hasil perbincangan dan juga analisis berkaitan dengan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam cerita rakyat. Pengkaji telah menggunakan 20 cerita rakyat dan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Disebabkan itulah, pengkaji ingin menyarankan agar lebih ramai pengkaji membuat kajian terhadap transkripsi nilai-nilai murni supaya lebih meluas di masa yang akan datang. Pada masa yang sama juga, sepatutnya pengkaji-pengkaji baru mestilah menggunakan lebih banyak jumlah penggunaan buku cerita rakyat dalam menghasilkan analisis yang lengkap.

Seterusnya, pengkaji ingin menyarankan agar pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian dengan menggunakan kedua-dua pendekatan iaitu pendekatan keagamaan dan juga pendekatan kemasyarakatan. Pengkaji mengharapkan dengan adanya cadangan seperti ini dapat membuat penambahbaikan oleh pengkaji-pengkaji akan datang supaya dapat mengemukakan idea, pendapat yang lebih bernalas dan juga bermutu dalam menyelesaikan kajian penyelidikan ini supaya dapat memberikan kemudahan kepada kepada orang lain.

Selain itu, dengan adanya perkembangan teknologi pada masa kini, mereka juga dapat mempromosikan dan juga menjual buku yang telah dihasilkan tersebut di atas talian seperti shopee, Whatsap dan juga di dalam Telegram. Tujuan cadangan ini dikemukakan bagi memberikan kemudahan kepada untuk mendapatkan buku berkaitan dengan nilai-nilai murni secara dalam talian sahaja tidak perlu pergi ke kedai untuk membeli buku tersebut.

Di samping itu, sepatutnya pihak bertanggungjawab mestilah mengadakan pertandingan sajak tradisional bagi mengembangkan nilai-nilai murni ini kepada orang ramai. Dengan

adanya pertandingan ini secara tidak langsung dapat membuka minda masyarakat dan juga dapat mengasah bakat yang terpendam dalam diri seseorang. Dengan adanya penciptaan sajak tradisional ini secara tidak langsung dapat membantu peserta yang bertanding untuk menghasilkan karya-karya yang lebih berkualiti. Oleh itu, peserta akan akan cuba memikirkan idea yang kreatif berkaitan dengan nilai-nilai murni untuk kebaikan orang ramai dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana, sajak tradisional ini telah dijadikan sebagai medium hiburan sejak zaman nenek moyang kita lagi sangat kaya dengan nilai-nilai murni.

Akhir sekali, pengkaji mengharapkan bahawa, cadangan ini akan dapat memberikan kefahaman kepada masyarakat berkaitan dengan nilai-nilai murni untuk mengangkat kembali cerita rakyat melalui transkripsi cerita rakyat berdasarkan nilai-nilai murni agar dapat dibuat penambahbaikan dan tidak dilupakan oleh generasi yang akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 5.4 Penutup

Sebagai penutup bagi kajian yang telah dijalankan bertajuk Transkripsi Sajak Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni ini dapat memberi kesan kepada masyarakat untuk meneruskan kehidupan seharian. Secara tidak langsung, nilai-nilai ini dapat membantu mengukuhkan ketamadunan yang telah ada sejak dahulu lagi. Menerusi kajian ini telah memberi kebaikan kepada ramai pihak. Disebabkan itulah, pengkaji mengharapkan agar kajian yang dijalankan ini dapat memberi pengetahuan yang mendalam berkaitan dengan bidang kesusastraan. Tambahan pula, Pengkaji juga mengharapkan agar kajian ini dapat membantu pengkaji-pengkaji yang akan datang, membuat penyelidikan berkaitan dengan nilai-nilai murni. Akhir sekali, pengkaji mengharapkan kajian berkaitan dengan nilai-nilai murni supaya mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji baru agar nilai-nilai murni dapat dikembangkan lagi keperingkat yang lebih tinggi.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SUMBER RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Nilai-Nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions.
- Aboebakar Atjeh (1988). *Akhlaq Dalam Islam*. Edisi Ketiga Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Ahmad, Pg Haji Yakub, Mohammad Mokhtar & Abu Hassan (2018). Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*. 29(1), 156-180.
- Ahmad, Pg Haji Yakup & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018). Sajak-Sajak Badaruddin HO Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 29*.
- Ali Ahmad (1987). *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anizah Zakaria (2020). *Mahsuri dan puteri Lindungan Bulan, Legenda Kedah dan Motif darah*. Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Darul aman, Kedah.
- Azean Idruwani binti Idrus (2023) Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Filem Mat Kilau. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*. 5(2), 88-100.
- Fadzil Yusoff (2017). *Pemaknaan Kosmologi Biotik Dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Farra Humairah Mohd (2018). *Pemikiran Dalam Cerpen kanak-kanak pilihan Dari Tahun 2012 hingga 2015*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu oleh Osman Ayob Melalui Dakwah islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2(4), 1-11.
- Hashim Awang & Hashim ismail (2016). Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antara-Budaya Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2(4), 1-11.
- Hashim Awang. (1986). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti.
- Hassan, Nur Erievana (2022). *Kepercayaan Terhadap Cerita Asal Usul Dalam Masyarakat Kampung Gajah: Satu kajian Naratif Lisan*. Tesis sarjana Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Kelantan.
- Hazrul Mazran Rusli (2022). Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan. *Ideology Journal. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 5(1), 43-56.
- Ismail, Mohd Fahmi, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015). Cerita rakyat Melayu: Suatu analisis pancaran jati diri masyarakat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021). Nilai kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang Di Sabah: Heroism Values in Selected Tangon of Kimaragang Community in Sabah. *Jurnal pusat Penataran ilmu dan Bahasa (MANU)*, 32(1), 175-201)

- Kamarudin & Syaidul Azam (2017). Jati Diri Melayu dalam kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Kamus Dewan (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim & Anis Nazurah Binti Md (2023). *Pemikiran penghibur lara dalam teks Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Maizatul Akma Shamsuddin (2022). *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin (2020). *Pengabsahan Mitos Kegagahan Badang. Melalui Metafora: Analisis Teori Relevens*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mastura Othman (2022). *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Novel Srengenge karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mazarul hasan Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali & Mohd Rosli Saludin (2016). Sombol Dalam Mentera Menurut Kepercayaan Orang Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 4(1), 25-40.
- Md Sabri & Siti Norsyahira (2022) *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu penelitian pendekatan Moral*. Laporan Projek Tahun Akhir. Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusop (2015) *Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu*. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Mohd Firdaus Bin Che Yaacob, Nur Samsiah Mazlan & Nasirin Abdillah (2021). Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*.
- Mohd Firdaus Bin Che Yaacob & Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2021). Nilai-nilai kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*. 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntaian Himpunan 366 cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). *Nilai-Nilai murni Dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian Malaysia. 40(1), 215-252.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2014). *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni*.

Mohd Firdaus che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017). *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-Cerita Rakyat Melayu*. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan. Kelantan.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi teori Pengkaedahan Melayu*.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Nilai-Nilai Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi. Universiti Putra Malaysia.Selangor.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2016). Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4(2), 48-57.

Mohd Khiri Hj Otman, Asmawati Suhid & Samsilah Roslan (2015). Penghayatan nilai Murni dalam kalangan pelajar sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 18, 1-20.

Mohd Saipuddin Suliman, Nordiana Ab. Jabar, Suraya Sukri , Ainul Wahida Radzuan & Lim Ying Xuan (2022). *Pendekatan Moral dan Aplikasi Dalam Teks Kumpulan Drama Zaman Yang Mencabar Karya Agi*. *International Conference on Malay, Arabic and English Literature*. Kuala Terengganu. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UniSZA. 618-628.

Mohd Taib Osman (1991). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah (2015). Impak media baharu Terhadap Sistem Niali Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 31(2), 33-46.

Muhammad Izzat Farhan Mohamad (2021). *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.

Muhammad Nur AL-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Nilai-Nilai Islam Dan Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 10(2), 48-56.

Muhammad Nur Al-hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Nilai-Nilai Islam Terhadap Pembentukan Akhlak Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Literature*. 12(1), 11-25.

Muhammad Nur Al-Hakim Muhammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Nilai-Nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.

Muhd Firdaus Che Yaacob (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*. 16(2), 1-12.

Nadia Ishak & Kamariah Kamaruddin (2019). *Aspek dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu*. *Malay Literature*. 32(1) ,116-144.

- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda: Child Education Through Surah Luqman in Ayahanda Novel. Manu. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*. 103-129.
- Najmuddin & Nadwatun Najihah (2023). *Nilai-Nilai Moral Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*. Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nik Noorafifah Binti Roziman & Nur Afifah Vanitha Abdullah (2020). Struktur Dramatik Tangan- Tangan Yang Tinggal Oleh Siti Jasmina Ibrahim. *Jurnal Wacana Sarjana*. 4(1), 1-16.
- Norain Shaharuddin, Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017). *Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu*. Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Noraini Abd Shukor (2016). *Padi Dan Air Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu: The Definition of Malay on Malaysia Constitution and its Effect Towards Islamic Understanding and Practise in Malaysia*. Sains Insani. 5(2), 9-16.
- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz & Mohd Syuja Saedin (2022). Manifestasi Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain : Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Law, Goverment And Communication (IJKGC)*.
- Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019). Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya pelita Nurani: Islamic Thought In The Context Of Socio-Economics In The Short Story of Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajaran Melayu (JOMAS)*. 30(1), 167-187
- Norzatul iqma & Mohd Nor (2020). *Nilai Kemelayuan dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Anis Izzati Noridzulhata (2022). *Nilai Budi Dalam Cerita Asal Usul Melalui Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Azlin Muhammad Hisham (2015). *Penelitian Unsur Alam Dalam Novel Suriati Karya Azizi Hj. Abdullah: Analisis Ekologi*. Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Muhammad Shahir Nordin (2022). *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pangkalan Datu, Kelantan*. Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Samsiah Mazlan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Adat dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu. Custom in Folk Poetry of the Malay Community in Negeri Sembilan: An Observation of Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 48-58.
- Nur Shahirah Othman (2020). *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Master Sastera. Fakulti teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

- Nur Suhada Binti Md Arifin & Kamariah Binti Kamarudin (2017). Personaliti Islam menurut Perspektif Al-Ghazali dalam Novel Tuhan Lebih Saintifik karya Farhan Hadi. *Jurnal Pusat Penataran ilmu dan Bahasa (MANU)*. 25(1), 1-21.
- Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020). Syair Suka Duka Dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*. 19(2).
- Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020). Syair Suka Duka Dalam Pelayaran ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*. 19(2).
- Nurmaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor (2017). Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*. 14(1).
- Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal wacana Sarjana*. 2(2), 1-15.
- Nurul Afiqah Zulkefli (2023) *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Saarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020). Analisis Pendekatan Dakwah. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*. 29(1), 156-180.
- Putri Nur-Anis Balqis Binti Yazik (2022). *Transkrip Puisi Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-nilai Murni*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Kelantan.
- Qurratul'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2018). Introspeksi Puisi 77 Tuju: Siri Ingatan kepada kawan. *Jurnal Wacana Sarjana*. 2(4), 1-15.
- Ros Anita Kartini Mohamed & Abdul Halim Ali (2021). Motif Alam Melayu dalam Puisi-puisi Terpilih Zurinah Hassan Sebagai Satu Retrospeksi Bahasa Pada Masa Kini. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(10), 143-153.
- Rosazlan & Nur Hanis Athirah (2023). *Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penitian Terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Roslina Abu Bakar & Aona Van Engelenhoven (2016). Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka. *Jurnal Kesidang*. 1(1), 20-49.
- Roslina Abu Bakar (2013) *Komunikasi Dua Hala Terancang Satu Aplikasi Dalam Penyampain Cerita Rakyat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Yunus (2010). *Pemikiran Islam Menerusi Puisi-puisi Karya Johar Buang*. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Selamat, Jumali Hj (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal personalia pelajar*.
- Shaiful Bahri Md. Radzi (2015). Si Tanggang Moden Dan Perubahan Makna Dalam Cerita Bermotifkan Anak Derhaka. *Jurnal Komunikasi*. 31(2), 247-261
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu*. *Pendeta Journal of Malays Language, Education And Literature*. 12(2), 67-79.

- Siti Faridah Leong Bt Abdullah & Bazrul Bin Bahaman (2017). Sulalatus Salatin sebagai medium mendidik nilai murni. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 5(1), 213-232.
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud (2019). Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Fakulti Bahasa dan Pendidikan*. KUIM. 1: 213-232.
- Siti Syahira Md Sabri (2022). *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti Zuhaidah Zakaria & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016). Kesinambungan Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Dalam Cerita Rakyat Untuk Kanak-Kanak. *Journal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu*. 4(1), 93-103.
- Syaidul Azam kamarudin & Arbai'e Sujud (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Siti Munirah binti Sayuti (2023). *Unsur Islam dalam Cerpen Antologi Sejadah Ibadah Karya Radzemah Melayu*. Tesis Projek Tahun Akhir. Universiti Malaysia Kelantan.
- Tuan Siti Nurul Shuhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Penelitian kemasyarakatan Common Sense in Oral Narrative Collected at Kota Bharu, Kelantan: An observation on Sosial Approach. *PENDETA: Journal of Malay language, Education and Literature*. 11(2), 126-140.
- Wan Nurzafirah Wan Zin (2019). *Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan.
- Yahaya Johari (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda. Universiti Sains Malaysia.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Musibah Di Kampung Pulau Gajah (Nilai baik hati melalui sikap belas kasihan)*

Bermula lah kisah dahulu kala,  
Kampung Pulau Kecil ditimpa musibah,  
Air pasang besar telah melanda,  
Kampung Pulau Gajah menjadi penyelamat.

Bersatu hati sesama manusia,  
Perasaan sedih musibah melanda,  
Belas kasihan terhadap mangsa bencana,  
Telah munculnya pelangi selepas hujan.

Bersatu membantu tanpa rasa jemu,  
Tersentuhnya hati.  
Hadirnya insan yang memahami,  
Tok penggawa nama diberi,  
Membantu membina penempatan baru,  
Telah berkembang dengan pesat,  
Agar nanti hidup sentiasa aman.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Sajak *Alat Muzik Tanjung dan Alat muzik yang bisu*. (Nilai berdikari melalui sikap bertanggungjawab)

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Mengisahkan kampung tanjung besar,  
Asal usul nama diberi,  
Diambil dari pokok tanjung,

Terkenal dengan seni persembahan tradisional,  
Bahkan juga persembahan alat muzik.

Persembahan dikir barat,  
Diminati oleh sekumpulan pemuda,  
Satu kumpulan telah ditubuhkan,  
Diketuai oleh Mail.

Sikap bertanggungjawab ditunjukkan,  
Sebagai seorang ketua berwibawa,  
Menyampaikan mesej pada semua,  
Memimpin kumpulan serta pertandingan.

Sikap bertanggungjawab terbentuk,  
Sebagai seorang ketua kumpulan,  
Sifat berani dan berkobar-kobar,  
Bertahta di hati,  
Sertai pertandingan dikir bakat.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Sajak tok Karim guru silat masyur (Nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati orang tua)*

Tersebutlah kisah suatu riwayat,  
Semangat tok Karim seorang perwira,  
Diangkat sebagai seorang tokoh,  
Dihormati oleh lapisan masyarakat.

Hormat menghormati sesama manusia,  
Tanpa mengira umur,  
Bertekad hati mencari ilmu,  
Agar hidup tidak sesat.

Hormat menghormati perlu ada,  
Dalam diri seseorang,  
Untuk menjaga hubungan yang baik,  
Sesama insan.

Sikap menghormati amalan terpuji,  
Orang yang berusia perlu dihormati,  
Jika hilangnya perasaan hormat,  
Sudah pasti dibenci ramai.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Pemujaan Pantai (Nilai baik hati melalui sikap memahami)*

Tersebutlah zaman dahulu kala,  
Hadirnya sekumpulan nelayan,  
Membanting tulang empat kerat,  
Menyara keluarga,  
Hidup senang harus usaha,  
Tanpa menghiraukan panas dan hujan.

Sikap memahami perlu ada,  
Nasihat menasihati sesama kita,  
Tidak kira di mana jua,  
Dunia bukan milik kita.

Belayar jauh ke laut,  
Saling hormat sesama manusia,  
Agar tidak ditimpa perkara buruk,  
Takut menjadi insan hina.

Pesanan ini ingatan buat sahabat,  
Untuk renungan bersama,  
Pesanan ini perlu uar-uarkan,  
Supaya menjadi tauladan bersama.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Kehebatan Laksamana Laut (Nilai baik hati melalui sikap pemurah)*

Che Deraman nama diberi,  
Laksamana di bawah naungan Raja Kelantan,  
Pada pertengahan Tahun 1800,  
Laksamana sering belayar,  
Memperkuatkan hubungan diplomatik.

Laksamana gagah lagi perkasa,  
Dilantik Raja kerana sikap berani,  
Melindungi raja dari dirompak lanun,  
Keamanan dan keselamatan raja terjamin.

Laksamana seorang yang baik hati,  
Menjadi pawang menyembuhkan penyakit,  
Membantu penduduk memerlukan Pertolongan,  
Ikhlas membantu serta pemurah,  
Tanpa mengharapkan balasan dan upah.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Tenggelamnya Masjid Pengkalan Datu (Nilai baik hati melalui sikap pemaaf)*

Di Kampung Pengkalan Datu,  
Sebuah masjid terbina,  
Tersergam indah dipandang dek mata,  
Penonjolan identiti ukiran dan seni bina Terserlah.

Imam berperanan sebagai tokoh agama,  
Ramai anak muda pelajari ilmu,  
Penyebaran ilmu agama dapat disebarkan.

Dalam kemasyhuran dan waraknya seorang imam,  
Hasad dengki berkobar-kobar menguasai diri,  
Terpancar pada seorang pemuda,  
Berencana dan berpakat memfitnah imam,  
Imam difitnah serta diusir,  
Keluar dari kampung.

Gelombang ombak membinasakan masjid,  
Seolah-olah murka dengan kejadian Tersebut,  
Menenggelamkan masjid gah yang terbina,  
Imam ghaib seperti angin.

Tersedar akan kesilapan,  
Pemuda dan sekongkolnya menyesali,  
Setiap perbuatan mereka.

Pemuda dan sekongkolnya meminta maaf,  
Terhadap penduduk kampung,  
Di atas kesilapan kekhilafan diri,  
Akhirnya penduduk memaafkan mereka.

Penduduk kampung sungguh baik hati,  
Memaafkan kesilapan dan kekhilafan,  
Dengan buang yang keruh, Ambil yang jernih.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Terhempasnya Zero Fighter di Ti Lebar (Nilai keadilan melalui sikap adil dan saksama)*

Di bawah langit Ti Lebar,  
Terkuburnya jet pejuang Zero Fighter,  
Hadirnya seorang ketua nama Pak Wan Lebar,  
Budimu sentiasa dalam ingatan.

Seorang ketua dilantik bersama,  
Saling bekerjasama mencapai kata sepakat,  
Memperolehi pemimpin berkualiti,  
Agar keamanan sentiasa terjamin.

Sikap tolak ansur dalam masyarakat,  
Mencapai kata sepakat bersama-sama,  
Tolong menolong sesame kita,  
Supaya hidup sentiasa diberkati.

Sikap bertolak ansur sesame kita,  
Membantu siapa sahaja dalam kesusahan,  
Sentiasa mencapai kata sepakat,  
Agar hidup sejahtera selalu.

Jikalau tidak ada sikap tolak ansur,  
Sudah pasti akan dibenci ramai,  
Andai hidup tidak sependapat,  
Kelak nanti memusnahkan diri.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Kubang Dek (Nilai keberanian melalui sikap mempertahankan diri)*

Sekitar tahun 1500,  
Terdapat satu Kubang,  
Diberi nama Kubang Dek.

Kubang Dek,  
Merupakan lopak air,  
Tidak terusik dan terbiar,  
Dipenuhi ikan-ikan laga,  
Hidup beranak pinak di dalamnya.

Cerita Lagenda tersingkap sekian lama,  
Mengisahkan pertarungan dua ekor ular,  
Dikenali ular cap raya dan ular tedung.

Pertarungan sengit berlaku,  
Antara kedua belah pihak,  
Tanpa menghiraukan keadaan sekeliling,  
Dek perebutan tempat tinggal,

Keberanian terserlah antara keduanya,  
Rela berkorban segalanya,  
Demi mempertahankan tempat tinggal,  
Pada akhirnya kecundang dengan kematian Kedua pihak.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Kain Sutera Cina (Nilai kerajinan melalui sikap daya usaha)*

Pada sekitar tahun 1940-an Bermulanya sebuah kisah,  
Di sana dua orang lelaki bersahabat sejak kecil,  
Mereka ialah Hassan dan Hussin.

Mereka sangkakan panas hingga ke petang,  
Rupanya hujan di tengah hari,  
Kampung mereka yang aman dan damai,  
Diserang hendap pihak musuh,  
Sehingga berlaku kecederaan teruk.

Salah seorang anggota keluarga Hassan,  
Alami kecederaan serius akibat serangan,  
Luka tersebut sukar diubati,

Hari berganti hari,  
Bulan berganti bulan,  
Luka tersebut tidak sembah,  
Malah tiada penawar ditemukan.

Demi kasihnya pada anggota keluarga,  
Demi persahabatan yang terjalin,  
Hassan dan Hussin meredah semak samun Hutan,  
Menempuh liku dan rintangan,  
Terus berusaha menemukan penawar.

Akibat kepenatan seharian meredah hutan,  
Terlena mereka dibuai mimpi,  
Hassan bermimpi didatangi puteri cantik,  
Anggun mempesona memakai baju sutera.

Niat baik diketahui sang puteri,  
Kain sutera ajaib diberi,  
Luka kecederaan dapat diubati,  
Sembuh sepantas kilat.  
Rajin berusaha pasti membawa hasil,  
Segala niat baik pasti dibalas baik,  
Beginilah kisah Hassan dan Hussin,  
Demi persahabatan rela susah senang Bersama.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

*Sajak Pemujaan Tok Mekong (Nilai kerajinan melalui sikap kecekalan)*

Suatu ketika dahulu,  
Terdapat sebuah keluarga,  
Tinggal menetap di hujung kampung,  
Dikenali sebagai Pak Mat dan Mak Nah.

Gadis jelita cantik rupawan,  
Manis orangnya senyum bak delima,  
Baik budi Mawar nama diberi,  
Rajin orangnya tua dihormati.

Ditang bagai minyak yang penuh,  
Lemah lembut tersemat dalam diri,  
Terlihat hebat tangkas melakukan pekerjaan,  
Membanting tulang membantu ibu bapa,  
Cekal meneruskan kehidupan seharian.

Menyusuri onak dan duri,  
Memasuki hutan mengikuti sang ayah,  
Mencari kayu api,  
Untuk jualan dan kegunaan nenasak.

Serumpun buluh terlihat dek mata,  
Buluh besar berbeza daripada induk,  
Terlintas dibenak fikiran,  
Membuat tabung menyimpan duit,  
Sikit-sikit lama-lama jadi bukit,  
Duit dikumpul cerah kehidupan,  
Bagi menampung kehidupan keluarga.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Kezaliman Seorang Raja (Nilai kejujuran melalui sikap bercakap benar)*

Alkisah tersebutlah sebuah cerita,  
Puteri Saadong empunya cerita,  
Menyerahkan takhta,  
Raja Abdul Rahim menjadi pengganti,  
Hidup rakyat sudah tidak tenteram.

Nasib rakyat sudah tidak terbela,  
Berkata benar apa yang dirasa,  
Menuntut bela apa yang berlaku,  
Agar hidup aman sentiasa.

Berkata benar sifat terpuji,  
Menuntut keadilan nahukan kebebasan,  
Menentang kezaliman bersam-sama,  
Agar nasib rakyat teraniaya,  
Akan terus terbela.

Berkata benar sifat terpuji,  
Didikan masyarakat telah berjaya,  
Jangan berbohong dalam berkata-kata,  
Kelak nanti merana badan.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Pemujaan Pantai (Nilai hormat-menghormati melalui sikap percaya pada adat)*

Tersebutlah kisah dahulu kala,  
Mengambil tahu tentang kepercayaan dan adat,  
Empat sahabat turun ke laut,  
Mencari rezeki menangkap hasil laut.

Menghormati kepercayaan orang,  
Jangan lupa nasihat pantang larang,  
Ikuti segala syarat sebelum turun ke laut,  
Agar tidak mendapat nasib malang.

Sikap hormat akan adat resam,  
Perlu ada dalam diri semua orang,  
Kerana orang dahulu lebih tahu,  
Semua yang terjadi dijadikan pengajaran,  
Jika tidak dihiraukan kelak memakan diri.

Kepercayaan orang jangan mempertikaikan,  
Hormat sahaja sudah memandai,  
Sebagai lambang jati diri,  
Adat orang jangan dibantah.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Asal usul kampung Babong (Nilai keberanian melalui sikap  
Mempertahankan diri)*

Dengarlah kisah dahulu kala,  
Kampung babong empunya cerita,  
Menceritakan apa yang berlaku,  
Hadirnya hero sebagai penyelamat.

Tok Babong nama diberi,  
Bertubuh tegap berjiwa kental,  
Apabila kampung dimasuki musuh,  
Bersiap sedia untuk mati.

Berani dalam mempertahankan diri,  
Agar diri tidak dipergunakan,  
Sikap berani sangat penting,  
Supaya digeruni musuh,  
Musuh tidak datang mendekat,  
Kerana tidak berani.

Sifat berani sangat penting,  
Melindungi sesiapa sahaja,  
Jikalau tidak memperohi keberanian,  
Kelak diri akan ditindas.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Keasyikan Suara Buluh Perindu (Nilai kerjasama melalui sikap tanggungjawab bersama)*

Dengarlah sajakku wahai sahabat,  
Seorang lelaki tinggal sendirian,  
Kesana kesini hutan diterokai,  
Membanting tulang mencari rezeki.

Tiada siapa menemani diri,  
Hidup ini perlu berdikari,  
Supaya adanya insan berjiwa kental,  
Agar sentiasa dihormati selalu.

Wahai lelaki..rajinkan diri,  
Berusaha,  
Demi kehidupan yang selesa,  
Bangkit semangat untuk berusaha,  
Sudah pasti kejayaan menjadi milikmu.

Wahai lelaki..rajinkan diri,  
Berusaha,  
Terhasilnya istana tempat istirehat,  
Penat Lelah pasti terbayar,  
Usaha dilakukan membawaikan hasil.

Rajin berusaha meraih mimpi,  
Agar hasrat menjadi kenyataan,  
Jangan hanya bermimpi di siang hari,  
Kelak nanti Malukan diri.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Sajak *Simbolik Rebana* (Nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati kedudukan raja)

Alkisah tersebutlah sebuah cerita,  
kampung Pulau Gajah pembuka cerita,  
Mengisahkan tentang golongan raja,  
Bunyi rebana pembuka cerita.

Hormat-menghormati amalan yang baik,  
Jati diri mencerminkan seseorang,  
Tersemat kukuh di dalam jiwa,  
Mendidik rakyat melakukan kebaikan.

Hormat kepada raja sangatlah penting,  
Mengeratkan hubungan yang sedia ada  
, Menjadi tanggungjawab bersama,  
Hormat akan pemimpin negara.

Sikap hormat kepada raja,  
Menjaga keamanan negara bersama,  
Jadilah rakyat yang berguna,  
Demi keamanan kita bersama.

Sikap hormat kepada pemerintah,  
Perlu patuh, jangan membantah,  
Takut nanti tak bersekefahaman bersama,  
Kelak memberi keburukan kepada negara.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Disorok jin* (Nilai semangat bermasyarakat melalui sikap tolong-menolong)

Pada sekitar tahun 1700,  
Ramai generasi anak muda,  
Mengaji Al-Quran rumah tok guru,  
Pengajian dilakukan pada waktu malam.

Seorang kanak-kanak bernama Ahmad,  
Terkenal akan kenakalanya,  
Rakan-rakannya sering diusik ketika mengaji,  
Nasihat dan leteran tidak dihiraukan,  
Bagai mencurahkan air ke daun keladi.

Idea nakal terlintas di benak fikiran,  
Selipar milik rakan disorok,  
Dek bahagia melihat rakan menangis,  
Pokok besar saksi tempat persembunyian.

Kerisauan melanda Sang ibu dan ayah,  
Batang hidung si anak tidak kelihatan,  
Larut malam belum pulang ke rumah,  
Tidak seperti kebiasaananya.

Pencarian besar-besaran dilakukan,  
Tanda penduduk ambil cakna,  
Seluruh pelosok kampung diredaahi,  
Segala usaha telah dilakukan,  
Malangnya menemui jalan buntu.

Tok imam memainkan peranan,  
Berdoa memohon petunjuk Allah,  
Misi pencarian diteruskan penduduk kampung,  
Sepakat bersama tolong menolong,  
Mencari Ahmad yang hilang,  
Hutan belantara tebal diredaahi.

Bagaikan pelangi muncul setelah hujan,  
Usaha penduduk membawa hasil,  
Ahmad akhirnya ditemukan,  
Disorok oleh jin,  
Dalam sebatang pokok buluh besar.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

*Sajak Haji Long Abdul Rahman (Nilai kejujuran melalui sikap amanah)*

Alkisah pada zaman dahulu,  
Mengisahkan seorang tokoh alim ulama,  
Bersembunyi dan menetap di pulau Gajah,  
Haji Long Abdul Rahman Namanya.

Perwatakan dan kehebatan dimiliki tiada tandingan,  
Sikap dan keajaiban menjadi buah mulut masyarakat,  
Ilmu agama diajar pada anak muda.  
Bekalan menuju ke akhirat.

Tanda ilmu agama dititikberatkan,  
Sebuah madrasah situbuhkan, Dijadikan tempat menimba ilmu,  
Alunan zikir tak lekang di bibir,  
Hafalan Al-Quran dialunkan merdu,  
Mendekatkan diri pada Sang Pencipta.

Sikap amanah terbentuk,  
Dalam kalangan penduduk kampung,  
Walhal mengetahui sejarah persembunyian beliau,  
Identiti dan rahsia masih tersimpan rapi.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*Sajak Kemasyuran pantai Pengkalan Datu (Nilai keberanian melalui sikap mempertahankan penderian)*

Pada zaman dahulu kala,  
Terdapatnya sebuah pantai,  
Dikenali sebagai pantai Pengkalan Datu.

Pantai Pengkalan Datu,  
Pusat perdagangan terawal negeri,  
Diperintah seorang puteri cantik rupawan,  
Diberi nama Puteri Saadong,  
Seorang pemerintah yang bijaksana.

Pantai Pengkalan Datu,  
Merupakan pusat perdagangan terbesar,  
Tetapi tidak sepesat negari lain,  
Hal ini menimbulkan dukacita Puteri Saadong.

Pelbagai cara bermain di minda,  
Fikiran menerawang memikirkan cara,  
Menaik taraf pusat perdagangan,  
Sekaligus menyaingi negeri-negeri lain.

Timbulnya idea bernaas,  
Di benak fikiran sang Puteri,  
Membuat para pembesar terkedu dan Tergamam,  
Sehingga berpandangan sesame sendiri,  
Diturutkan juga segala perintah walau Keraguan melanda.

Pada akhirnya pantai Pengkalan Datu,  
Berkembang dengan lebih pesat,  
Hasil idea bernaas sang puteri.

Keberanian sang Puteri terserlah,  
Memikul bebanan memajukan ekonomi,  
Walau menimbulkan keraguan para Pembesar,  
Tetap percaya pada diri,  
Pada akhirnya membuaikan hasil.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris, 2023)

*Sajak Nurani Che Him dalam masyarakat (Nilai hemah tinggi melalui sikap beradap)*

Pengkalan Datu daratan pertama ditemui,  
Ditemui oleh seorang saudagar cina,  
Setelah penat belayar berkurun lama,  
Pada akhirnya daratan ditemukan.

Bagaikan rusa masuk ke kampung,  
Keseorangan berada di daerah cukup asing,  
Kehidupan sebagai petani dimulakan,  
Menampung hidup meneruskan kehidupan.

Sebuah perniagaan ditubuhkan,  
Memenuhi minat dalam bermula,  
Meneroka ilmu bidang perniagaan,  
Hari berganti hari,  
Masa berganti masa,  
Usaha perniagaan membawa hasil,  
Diterima baik masyarakat sekitarnya.

Sikap beramah mesra ditampilkan,  
Dalam pergaulan bersama masyarakat,  
Membuat diri disenangi ramai,  
Sehingga gelaran baharu diberi,  
Masyarakat menggelarnya “Che Him”.

Baik hati tolong menolong,  
Bertimbang rasa pada masyarakat,  
Tanpa mengira bangsa dan warna kulit,  
Dampak positif terlahir dalam diri Che Him.

Seorang perempuan tua mendatangi Che Him,  
Dalam keadaan fizikal tidak terurus,  
Berpakaian agak lusuh,  
Mukanya comot,  
Membuatkan semua masyarakat menjauh

Sifat simpati menebal dalam diri,  
Melihatkan keadaan perempuan tua itu,  
Menambahkan sayu dalam diri,  
Lantas sedikit makanan dihulurkan,  
Tanda peduli sesama manusia.

Bantuan dihulur pada penduduk setempat,  
Membantu masyarakat yang memerlukan pertolongan,  
Tanpa mengharapkan sebarang balasan.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

*Sajak Kegemilangan pengkalan datu* (nilai kejujuran melalui sikap keiklasan

Bermulah kisah dahulu kala,  
Menceritakan asal usul Pengkalan Datu,  
Perkembangan yang maju dan pantas,  
Pemerintahan yang bertanggunjawab.

Hidup mestilah sentiasa bersikap jujur,  
Demi mencapai sebuah kemasyhuran,  
Bagi sahaja kepada yang selayaknya,  
Agar sentiasa aman dan damai.

Ikhlaskan diri melakukan sesuatu,  
Pengorbanan yang diberi tidak terkira,  
Mencapai kata sepakat dalam tugas,  
Agar mendapat apa yang diingini.

Mengajar diri sentiasa ikhlas,  
Mengelak daripada kehancuran diri,  
Kemana pergi tiada yang suka,  
Orang sekeliling menjadi musuh.

(Nur Fatihah Binti Mat Deris,2023)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BIODATA PENULIS



Nama diberi Nur Fatihah Binti Mat Deris. Berusia 23 tahun dan telah dilahirkan pada 3 Januari 2000 di Pasir Mas, Kelantan. Penulis merupakan anak keenam daripada enam orang adik beradik yang terdiri daripada dua orang lelaki dan empat orang perempuan. Nama bapa ialah Mat Deris Bin Che Ali beliau berumur 68 tahun dan tidak bekerja kerana sakit tua, manakala ibu ialah Sulaima Binti Hasan berumur 64 tahun dan menjadi seorang suri rumah tangga. Manakala, penulis telah mendapat Pendidikan rendah pada tahun 2007 di Sekolah Kebangsaan Kubang Chenok dan tamat pada tahun 2012. Seterusnya penulis telah meneruskan Pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan To'Uban pada tahun 2013 sehingga tahun 2017. Pada peringkat pengajian Pra Universiti, Penulis menerima pengajian di sekolah Menengah Kebangsaan Kangkong pada tahun 2018 dan tamat pada tahun 2019. Dan kini, telah meneruskan pengajian di Universiti Malaysia Kelantan pada peringkat pengajian Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian dalam jurusan Kesusasteraan Warisan (2020-2024). Akhir sekali, matlamat hidup penulis adalah ingin menjadi orang yang berguna kepada orang lain.